



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGANNYA

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) [Ruangan 5277]

**Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan)
(Pindaan) [Ruangan 5291]**

**Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand
[Ruangan 5368]**

**Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan
Kemudahan Pekerja [Ruangan 5394]**

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
dan Penangguhan [Ruangan 5362]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P.
(Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P.,
S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ
BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P.,
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR
HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K.
S.S.S.A. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG
KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATUK LEE KIM SAI, D.S.S.A.,
P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI
ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.
(Pekan).

- Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., S.S.S.A., K.M.N., P.I.S. II. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUALI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI AHMAD DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, DATUK ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar,
DATUK MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, S.M.S., P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).

- Yang Berhormat TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOHO (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KETINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tengah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ TAN SRI HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJIAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungei Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P., J.S.M.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 26hb Jun, 1990

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

(Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: 26, sudah cukup kuorum. Mintalah 26 ini jangan siapa-siapa keluar. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG CUKAI
PENDAPATAN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca buat kali kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah perlu dan membangkit daripada kemukaan Rang Undang-undang Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir...

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order, ya.

Tuan Hu Sepang: Tidak cukup bilangan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup bilangan?

Tuan Hu Sepang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta bilang dulu. 21, tidak cukup kuorum. Minta banyakan loceng.

Loceng dibunyikan.

Dato' Loke Yuen Yow: Terima kasih. Pindaan ini adalah perlu yang membangkit daripada pengemukaan Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 dalam usaha Kerajaan untuk membangunkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa atau, dengan izin, International Offshore Financial Centre (IOFC).

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon untuk memberi sedikit penjelasan mengenai beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Rang Undang-undang ini. (a) Untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai IOFC, Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 membuat peruntukan bahawa mana-mana syarikat luar pesisir, offshore company, dengan izin, yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir (offshore trading activities) seperti aktiviti-aktiviti urusan bank dan insurans luar pesisir (termasuk subsidiari bank dan syarikat insurans tempatan), pengurusan modal dan amanah (trust and fund management) dan aktiviti-aktiviti yang tidak tergulung dalam aktiviti bukan perdagangan luar pesisir (offshore non-trading activity) akan diberi pilihan sama ada membayar cukai pendapatan pada kadar 3% daripada keuntungan bersih mereka dalam satu-satu tahun taksiran ataupun \$20,000 pada tahun

taksiran tersebut kecuali pendapatan cawangan bank-bank dan firma-firma insurans tempatan yang tertakluk kepada beberapa peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967. Sementara syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti yang tergulung dalam aktiviti bukan perdagangan luar pesisir, offshore non-trading company seperti aktiviti berkaitan dengan pelaburan sekuriti stok saham, pinjaman-pinjaman deposit dan harta-harta tidak stabil pendapatan-pendapatan mereka tidak akan dikenakan apa-apa cukai.

Tuan Yang di-Pertua, (b) ialah untuk menyelaraskan dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 itu, Rang Undang-undang Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 1990 ini perlu dibuat dan diluluskan. Rang Undang-undang ini mempunyai enam (6) fasal.

Fasal 1 mengandungi beberapa peruntukan-peruntukan permulaan yang akan mula berkuatkuasa pada tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan takrif-takrif baru "offshore business activity" dan "offshore company" ke dalam seksyen 2 Akta.

Fasal 3 memperuntukkan bahawa cukai tidak akan dikenakan ke atas pendapatan satu syarikat luar pesisir berkenaan dengan pendapatan daripada aktiviti perniagaan luar pesisir syarikat tersebut. Hal ini melibatkan seksyen baru 3B selepas sahaja seksyen 3A Akta.

Fasal 4 membuat peruntukan untuk menggantikan subseksyen (11) Seksyen 108 Akta ibu, dalam hubungan pemotongan cukai daripada dividen tidak terpakai bagi syarikat luar pesisir berkenaan dengan dividen yang digihkan daripada pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan luar pesisir atau pendapatan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Fasal 5 bertujuan untuk memasukkan satu seksyen baru 110A ke dalam Akta supaya satu syarikat luar pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang baginya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menuntut apa-apa tolakan berkenaan dengan cukai yang telah dipotong sedemikian daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat tersebut.

Di bawah perundangan yang wujud sekarang, jika satu syarikat menerima dividen dari Malaysia yang bakinya cukai telah dipotong, cukai yang telah dipotong sedemikian bolehlah ditolak daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat tersebut. Tetapi oleh kerana satu syarikat luar pesisir akan diberi kadar percukaian istimewa di bawah Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, sesuatu syarikat luar pesisir akan diberi taraf yang sama dengan syarikat bukan pemastautin dengan tidak dikenakan cukai ke atas dividen dari punca-punca dari Malaysia dan tidak ada pembayaran balik ke atas cukai-cukai yang telah dipotong daripada punca.

Dari itu pindaan kepada Akta perlu untuk memastikan bahawa syarikat luar pesisir tidak berhak untuk menuntut apa-apa potongan atau bayaran balik cukai-cukai yang telah dipotong berpunca di atas dividen-dividen dari Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 juga mencadangkan satu seksyen baru 111A kepada Akta supaya satu syarikat luar pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang baginya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menerima apa-apa bayaran balik bagi cukai yang telah dipotong sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangka bahawa pemakaian pindaan-pindaan ini adalah terhad kerana syarikat-syarikat luar pesisir tidak dikenakan di bawah Rang Undang-undang Syarikat Luar Pesisir 1990 (seperti yang telah saya bentangkan dalam Dewan ini pada 25hb Jun tahun ini iaitu semalam) untuk

melabur dalam syarikat-syarikat pemastautin Malaysia melainkan dalam syarikat-syarikat amanah/trust companies, dengan izin, atau pelabur-pelabur melalui syarikat dari Singapura dalam syarikat-syarikat pemastautin Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mencadangkan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibaca kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas.

2.45 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya tidak ada orang yang minat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berminat, cakaplah. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Ya, kalau tidak dapat gangguan dari Tuan Yang di-Pertua, seperti yang berlaku malam semalam, tidak membenarkan saya bercakap....

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan ganggu sekiranya Yang Berhormat tidak mengikut Peraturan Mesyuarat. (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Rang Undang-undang seperti ini, maka ini merupakan Rang Undang-undang yang keenam untuk menjadikan Labuan sebagai tempat perlindungan cukai, (tax shelter) sepertimana yang diakui oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam Rang Undang-undang ini walaupun ada dinyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Tetapi dengan adanya

fasal-fasal yang tersebut seperti Fasal 4, Fasal 5 serta Fasal 6, maka rakyat Malaysia mungkin akan rugi dengan banyaknya, mungkin amaunnya berbilion-bilion ringgit, kalau kita tidak berwaspada. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa pihak Kerajaan akan menempatkan atau mengadakan cawangan untuk Jabatan Hasil Dalam Negeri, cawangan untuk Bank Negara dan juga cawangan untuk jabatan-jabatan Kerajaan yang lain supaya dapat menguruskan mengikut undang-undang yang dibentangkan di sini. Walau bagaimanapun, saya masih tidak mempercayai dengan 100% keberkesanan dan kecekapan serta kepakaran yang ada sekarang untuk menguruskan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam keenam-enam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi, nampaknya semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan pihak Kerajaan pada peringkat pertamanya akan mengadakan anggaran untuk pembangunan di Labuan lebih daripada \$200 juta dan daripadanya \$138 juta untuk meningkatkan dan memperbaiki lapangan terbang antarabangsa Labuan. Angka seperti ini saya tidak boleh mempercayai dengan 100% kerana memang peruntukan anggaran hendaklah dibuat untuk infrastruktur-infrastruktur yang lain termasuk membuka cawangan bagi Bank Negara, cawangan bagi Jabatan-jabatan Hasil Dalam Negeri dan sebagainya. Ini memang memerlukan wang bukan sahaja \$200 juta bahkan juga berbilion-bilion ringgit kalau kita kira dengan betul. Sebab itulah saya tidak percaya bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi anggaran yang tepat bagi Dewan Rakyat semalam. Mungkin itu satu peruntukan untuk fasa yang pertama, kalau ada beberapa fasa silalah umumkan di dalam Dewan Rakyat ini, berapa fasa yang akan diadakan untuk membangunkan Labuan sebagai pusat perlindungan cukai.

Kalau setakat memberi anggaran untuk pembangunan lebih \$200 juta, ini tidak mencukupi kerana, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan insentif-insentif dan pengecualian cukai yang kononnya diberi untuk kepakaran guaman, untuk kepakaran akaunan untuk kepakaran insurans dan juga bidang-bidang yang lain yang ada kena-mengena dengan IOFC. Saya berfikir peruntukan atau anggaran perbelanjaan akan meningkat dengan banyaknya, dan ini bukan sekali sahaja ataupun untuk satu tahun sahaja tetapi perbelanjaan ini, insentif ini serta pengecualian insentif ini akan berterusan dari setahun ke setahun. Ini memang bererti perbelanjaan ini akan bertambah dari setahun ke setahun. Kalau begitu baiklah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan fasa-fasa yang telah dirancang untuk membangunkan tempat perlindungan cukai di Labuan ini.

Saya berharaplah, Tuan Yang di-Pertua, jangan tolong dia sekali lagi untuk mengelakkan daripada menjawab soalan-soalan saya, sebab itulah saya kata gangguan itu tidak sepatutnya berlaku di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada di dalam Fasal 4 yang memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Seksyen 108 Akta ibu berhubungan dengan pemotongan cukai daripada dividen, tidak terpakai bagi Syarikat Luar Pesisir berkenaan dengan dividen yang di-agihkan daripada pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan luar pesisir atau pendapatan yang dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu langkah yang utama untuk menjadikan pusat perlindungan cukai ini, kerana dengan pengecualian cukai seperti inilah pihak pelabur asing berminat untuk menceburi diri di dalam pusat tersebut. Walau bagaimanapun, adakah ini bermakna segala aktiviti yang akan diadakan, yang akan diluluskan oleh pihak Syarikat Luar Pesisir adalah tertakluk kepada Seksyen 108 Akta

tersebut. Adakah ini bermakna ini merangkumi semua aktiviti?

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham mengenai fasal di bawah perundangan yang wujud sekarang. Jika suatu syarikat menerima dividen dari Malaysia yang daripadanya cukai telah dipotong sedemikian boleh ditolak daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan syarikat tersebut, adakah ini kena mengena double taxation ataupun perjanjian cukai dengan negara-negara yang lain. Adakah ini kait-mengait dengan fasal ini.

Fasal 5 bertujuan memasukkan satu Seksyen baru 110A ke dalam Akta supaya suatu Syarikat Luar Pesisir yang menerima dividen dari Malaysia yang daripadanya cukai telah dipotong tidak berhak untuk menuntut apa-apa tolakan berkenaan cukai yang telah dipotong sedemikian daripada cukai yang dikenakan ke atas pendapatan Syarikat Luar Pesisir tersebut.

Saya tidak begitu faham, Tuan Yang di-Pertua, mengenai maksud ini. Yang pertama kerana saya bukan seorang pakar percukaian, bukan tax expert, dan kadangkala susahlah hendak kita memahami hal seperti ini.

Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan apakah maksud ini dan seterusnya saya berharap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini yang bakal menjadi Akta, penguatkuasaan dapat dipertingkatkan kerana segala pindaan ke atas Income Tax Act ini akan membawa implikasi dan konskuensi yang besar dan sekiranya pihak penguatkuasa tidak mempunyai konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" di dalam ertikata yang sebenarnya maka keuntungan yang akan diperolehi oleh rakyat Malaysia itu tidak begitu ketara, tidak serupa yang diharapkan dan kalau kita ada pihak penguatkuasa yang benar-benar "Cekap, Bersih dan Amanah" maka walaupun ada pemindaan pindaan-pindaan seperti ini, kita dapat melaksanakan dengan berkesan dan

efektif serta mengelakkan sebarang kerugian ke atas Malaysia dan benar-benar boleh membawa manfaat kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.57 ptg.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Mengenai apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi bahawa di bawah Fasal 4, 5 dan 6 itu, kemungkinan bahawa rakyat Malaysia kerugian banyak cukai dan juga ini tidak akan menguntungkan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita lupa dan saya ingin memperingatkan Yang Berhormat berkenaan bahawa pindaan kepada Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan Rang Undang-undang yang saya telah bantangkan dan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada hari semalam bahawa ini ada kaitan bersama-sama supaya kita dapat menjayakan status IOFC Labuan ini. Jadi pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan ini walaupun dikecualikan Syarikat Luar Pesisir daripada cukai pendapatan under the main Act, Income Tax Act 1967, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tetapi Syarikat Luar Pesisir masih tertakluk kepada cukai 3% ataupun \$20,000 di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990 semalam itu. Jadi jikalau tidak ada cukai mana ada kerugian, ini hanya satu cara galakan yang patut diberikan kepada Syarikat Luar Pesisir yang akan berada di Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan anggaran untuk pembangunan Labuan menjadikannya sebagai satu pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC), angka yang saya berikan lebih kurang \$200 juta semalam itu, seperti saya katakan, itu anggaran pada peringkat permulaan sahaja.

Ahli Yang Berhormat minta angka yang tepat. Mana ada angka tepat sekarang ini. Jadi, kita di sini harus menimbangkan . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Kepong bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Loke Yuen Yow: Saya belum habis. Sabarlah sedikit, oleh kerana Kerajaan kita ini telah membuat keputusan bahawa kita haruslah menjadikan Labuan itu satu pusat IOFC dan Rang Undang-undang ini adalah diperlukan. Jadi, kita luluskan Rang Undang-undang ini dahulu dan anggaran yang lebih tepat sekali yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat diberikan pada peringkat ini, oleh kerana saya telah sebutkan pada semalam, sebarang anggaran yang saya berikan ataupun Kerajaan berikan pada peringkat ini akan berubah dari masa ke semasa. Jadi, angka yang Kerajaan berikan itu adalah angka pada peringkat ini untuk, dengan izin, 'consumption' Ahli Yang Berhormat berkenaan. Kemungkinan pada satu masa kelak, kalau Ahli Yang Berhormat masih berminat, Kerajaan boleh memberikan angka-angka yang diperlukan, stage by stage, dengan izin.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu angka yang sekarang dikatakan untuk peringkat permulaan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, dalam tempoh 4 tahun ini pihak Kementerian telah berusaha, telah memperbincangkan dalam tempoh 4 tahun ini, dan saya diberitahu bahawa usaha-usaha untuk menjadikan Labuan sebagai Pusat Perlindungan Cukai ini telah dijalankan 4 tahun dengan lawatan ke negara-negara di mana ada tempat perlindungan cukai yang sama seperti New Jersey, Bahamas dan Bermuda. Dan negara kita ini menghantar dengan wang rakyat, dengan wang sendiri, rombongan-rombongan ke negara-negara yang berkenaan. Dengan

demikian, memang kita dapat membuat anggaran yang tepat kerana kita telah hantar orang-orang untuk meneliti cara-cara pengurusan untuk tempat seperti ini dan juga anggaran perbelanjaan yang akan dihadapi oleh negara ini sekiranya kita hendak adakan tempat seumpama ini. Dengan itu, selama 4 tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, adakah

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat itu mengganggu. Yang Berhormat minta penjelasan, jangan buat ucapan pula.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan salah saya.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, dengan penghantaran rombongan-rombongan untuk mendapat expertise atau kepakaran dan pengetahuan mengenai penubuhan tempat perlindungan cukai ini, dengan usaha-usaha seperti ini, bolehkah Yang Berhormat dan Kementerian dapat membuat sekurang-kurangnya satu anggaran, fakta-fakta yang akan dimajukan atau yang akan diadakan untuk menjadikan Labuan sebagai tempat Perlindungan Cukai. Memang dia ada.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Dato' Loke Yuen Yow: Pening kepala kalau bahas dengan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Tidak ada pada peringkat ini angka-angka yang terperinci seperti yang diminta oleh Yang Berhormat. Langsung tidak faham. Pada teorinya, Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa sebelum kita wujudkan satu konsep IOFC Labuan, anggaran atau angka-angka yang tepat sekali pada tahun ini, pada tahun depan dan sebagainya, apa perbelanjaan yang akan dikenakan, pada teorinya betul, tetapi macam mana hendak diberi angka yang tepat. Berbahas dengan Yang Berhormat itu cukup memeningkan kepala saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberitahu Ahli Yang Berhormat, sebagai satu contoh, kalau dia mahu kahwin, kahwinlah, jadi, kalau ada schedule—tahun apa ada anak, tahun berapa ada berapa anak, mana boleh diberi. Mana boleh tahu isteri beranak atau tidak. (*Ketawa*) Jadi, itu betul-betul memeningkan kepala.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Loke Yuen Yow: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua, buang masa sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat dari Kepong.

Dato' Loke Yuen Yow: Macam orang Cina kata, dengan izin, digging for bone in the chicken egg. Mana ada bone dalam chicken egg. Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan perbahasan ini. Itu kerana semalam tidak habis Rang Undang-undang saya ini. Kalau tidak hari ini saya tidak payah datang, sudah habis semua Rang Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Saya tidak beri jalan lagi. Fasal dia 'digging bone in the egg'. Mana tahan, tidak boleh tahan lagi.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan lagi, Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: On a point of order.

Dato' Loke Yuen Yow: Langsung tidak faham, dia minta sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk sekejap, ini tertib mesyuarat. Point of order.

Dato' Loke Yuen Yow: Point of order pula.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, memang ada. 36 (6) mengeluarkan sangkaan jahat. Kalau tidak faham jangan kata ini satu usaha saya untuk menyalahkan dia, dia

tidak faham, tidak mahu jawab ataupun tidak mempunyai daya untuk menjawab, itu lain kira.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat baru keluarkan 36 (6)?

Dr Tan Seng Giaw: 36 (6) sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pula buruk sangka kepada dia. (*Ketawa*)

Dato' Loke Yuen Yow: Ya, itulah saya hendak katakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya teruskan, tanyalah pemberita, beritahu siapa yang betul dan siapa yang salah.

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa perumpamaan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu tidak tepat. Lebih baik dia gunakan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu tidak termasuk di bawah 36 (6).

Dato' Loke Yuen Yow: Kalau buang masa lagi, sampai tengah malam lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Janganlah cari tulang.

Dato' Loke Yuen Yow: Duduk, duduk. Saya sudah cukup sabar. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Fasal 5, apakah maksudnya, saya ingin menjelaskan di sini sekali lagi, suatu syarikat luar pesisir akan diberi taraf yang sama dengan syarikat bukan pemastautin dengan tidak mengenakan cukai ke atas dividen dari punca di Malaysia dan tidak ada pembayaran balik di atas cukai-cukai yang dipotong daripada punca. Oleh itu Seksyen baru 110A dan 111A telah diperkenalkan untuk memastikan bahawa syarikat luar pesisir ini tidak berhak untuk menuntut apa-apa potongan ataupun pembayaran

balik berkenaan dengan dividen yang diterima yang saya sebutkan tadi.

Fasal 4 yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan seksyen 108, jawapannya ialah oleh kerana dividen yang dibayar oleh syarikat luar pesisir itu adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Jadi, seksyen 108 harus tidak terpakai lagi supaya dividen boleh diterima secara kasar tanpa apa-apa potongan cukai dari punca oleh pemegang-pemegang syer. Sebab itulah Fasal 4 diperkenalkan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cukai dua kali itu, adakah Fasal 4 berkaitan dengan adakah dividen yang dibayar oleh Syarikat Luar Pesisir, dikenakan cukai dua kali. Kalau tidak silap saya, ini telah beberapa kali saya terangkan, Tuan Yang di-Pertua. Dividen yang dibayar oleh syarikat luar pesisir tidak dikenakan cukai dua kali.

Dividen yang dibayar oleh syarikat pesisir tidak dikenakan cukai di Malaysia sebab ia adalah dikecualikan secara perintah pengecualian dan dividen ini apabila diterima di negeri asal boleh dikenakan cukai di negeri masing-masing itu. Ini bermakna dividen ini adalah dikenakan cukai sekali sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya anggap inilah sahaja yang saya ingin sentuh. Teguran-teguran konstruktif lain itu akan dicatatkan oleh pegawai-pegawai Kementerian dan perhatian yang sewajarnya akan diberikan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PERINDUSTRIAN
KAYU MALAYSIA
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.14 *ptg.*

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Dato' Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) ditubuhkan untuk menggalak dan memajukan pasaran kayu-kayan Malaysia, meningkatkan pelbagai kegunaan dan nilai tokok bahan kayu Malaysia serta mutu barangan kayu selaras dengan perkembangan pesat industri berasaskan kayu. Sejak tahun-tahun kebelakangan ini maka dirasakan perlu Akta tersebut dipinda untuk membolehkan MTIB berfungsi dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan secara ringkas beberapa aspek penting dalam pindaan Rang Undang-undang ini.

Peruntukan baru ke atas Seksyen 12 (1) (*bb*) bertujuan untuk memberi kuasa kepada Lembaga untuk menyelaraskan kegiatan untuk meningkatkan pemasaran dan pengapalan kayu-kayu. Bagi membolehkan Lembaga mengumpul maklumat industri perkayuan dan

mengambil langkah yang difikirkan perlu untuk kepentingan industri kayu-kayan negara, maka Seksyen 12 (1) (*g*) dan (*h*) dimansuhkan.

Seksyen 13 telah dipinda bertujuan untuk menggugurkan keperluan pendaftaran pembungkus dan pengilang dengan MTIB. Pengguguran pendaftaran ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan bilangan lesen-lesen yang tidak begitu diperlukan serta memudahkan industri berkenaan untuk berkembang dengan lebih pesat.

Seksyen 14 (3) dipinda untuk memanjangkan tempoh pendaftaran di antara setahun hingga tempoh maksimum lima tahun sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memudahkan pelesenan industri kayu-kayan, manakala Seksyen 14A disediakan untuk memberi kuasa kepada Lembaga mengubah syarat-syarat dan sekatan kepada pendaftaran. Peruntukan ini membolehkan Lembaga membuat perubahan yang sesuai dengan kehendak dan keadaan industri kayu-kayan.

Peruntukan baru bagi Seksyen 19 (2) (*d*) dan (*dd*) dan (*ee*) dibuat bagi membolehkan Lembaga mendapatkan sumber kewangan dari Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, sumbangan daripada persatuan atau badan tempatan dan antarabangsa, yuran kursus dan lain-lain bayaran perkhidmatan. Peruntukan ini adalah penting dalam usaha MTIB memperolehi sumber kewangan bagi melaksanakan fungsi-fungsinya sebagai agensi pemasaran dan pembangunan industri kayu-kayan seperti yang digariskan di bawah Pelan Induk Perindustrian.

Bagi membolehkan Lembaga memberi sumbangan kepada badan tempatan atau antarabangsa yang menggalakkan perdagangan, penggunaan dan pemerosesan kayu-kayan serta memastikan bekalan yang mencukupi kepada industri hiliran kayu.

Seksyen 19 (3) (*e*) telah dimansuhkan. Namun begitu, Lembaga hanya dapat berbuat demikian setelah mendapat

kelulusan daripada Menteri Perusahaan Utama yang diberi setelah berunding dengan Menteri Kewangan.

Peruntukan Seksyen 20A telah digubal supaya membolehkan Lembaga memungut yuran ke atas khidmat nasihat teknikal dan lain-lain perkhidmatan yang diberikan kepada mana-mana pihak.

Seksyen 27 dipinda bagi membolehkan pemeriksa kawalan mutu setelah mendapat kelulusan Ketua Pengarah menjalankan pemeriksaan mutu kayu dan menahan dokumen atau benda-benda lain sekiranya dia mempercayai sesuatu kesalahan telah dilakukan.

Di samping itu Seksyen 27A dimasukkan bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Pengarah dan Pegawai Lembaga Pemeriksa di tempat pendaratan kayu, dengan izin, exit points dan menahan dokumen-dokumen kayu dan barangan lain yang boleh menjadi bukti di atas kesalahan yang disyaki berlaku.

Jadual pertama Akta MTIB telah diperluaskan senarai jenis-jenis keluaran kayu supaya membolehkan Lembaga memperluaskan program khidmat nasihat, membangun dan merancang industri berkenaan secara teratur, bersepadu serta memperhebatkan galakan pemasaran di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

3.18 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat kesal dengan sikap Kerajaan Barisan Nasional dalam pengurusan sumber semula jadi negara Malaysia yang digunakan bukan untuk memanfaatkan rakyat tetapi untuk mewujudkan lebih banyak jutawan di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Satu contoh ialah di mana sektor perhutanan dan pembalakan kita diusahakan bukan untuk kepentingan rakyat menjaga keadaan alam sekitar dan memelihara kehidupan liar yang merupakan satu hadiah dari Tuhan tetapi semata-mata dieksploitasi untuk menambahkan kekayaan dan harta benda pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Penyelewengan dan kemungkaran ini amat ketara sekali di Negeri Sarawak dan Sabah sehingga pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional termasuk bukan sahaja Menteri-menteri tetapi Ketua Menteri juga bersama dengan sanak saudara mereka secara terbuka memiliki concession balak beribu-ribu ekar. Ia juga merupakan sebab tunggal mengapa menjadinya perebutan kuasa

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat memberi sedikit penjelasan kerana ada menyebut Menteri-menteri dari Sarawak. Tolong beri penjelasan. Saya Menteri daripada Sarawak, saya tidak mahu terikat dalam soal ini.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan Menteri pihak Persekutuan setakat inilah.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Cuba ulang apa yang dibaca itu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, negeri Sabah dan Sarawak. Di Sabah dan Sarawak tidak ada Menterikah? Ada Menteri atau tidak?

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Ada, di sini saya Menteri daripada Sarawak juga, Tuan Yang di-Pertua. Implikasi dari apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat itu termasuk saya sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, yang saya cakap Menteri-menteri.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Kalau berani sebut nama.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak sebut nama? Dato James Wong.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Itu terserah kepada Yang Berhormat sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Hendak saya teruskan lagi, sebut nama?

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak tujukan kepada Yang Berhormat Menteri itu.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Sensitif sangat ini, "politik balak" di Sarawak betul-betul hebat.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Bukan soal sensitif, Tuan Yang di-Pertua, ini ada kaitannya dengan integrity seseorang Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Baik. Saya rasa Yang Berhormat Menteri seorang gentleman dan saya pun seorang gentleman, saya tidak akan membuat tuduhan yang melulu dan tidak bertanggungjawab, sehingga hari ini kita

tidak mempunyai bukti bahawa Yang Berhormat Menteri terlibat dengan secara langsung.

Ia juga merupakan sebab tunggal mengapa menjadinya perebutan kuasa di antara puak-puak dalam pimpinan negeri Barisan Nasional. Yang ternyata sekali apabila bekas Ketua Menteri Sarawak yang juga bekas Gabenor Negeri Sarawak, Tun Rahman Yakub berperang dengan anak saudaranya sendiri, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud, 3 tahun yang lepas. Saya tak mahu bercakap dengan panjang lebar dalam perkara rasuah dan perkara politik balak di negeri-negeri tersebut kerana saya percaya rakan saya dari Bandar Kuching dan juga Ahli PERMAS dari Simunjan dan juga Yang Berhormat Menteri dari Sarawak yang berada di sini lebih fasih tentang perkara rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam pembalakan di negeri Sarawak, terutama lebih fasih tentang rakan-rakannya di Barisan Nasional Sarawak yang mempunyai konsesyen balak di Negeri Sarawak. Kalau Yang Berhormat Menteri hendak menafikan kenyataan ini saya boleh beri jalan, kalau tidak, ini merupakan pengakuan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak boleh cabar-mencabar macam itu. Sila teruskan ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya tidak mencabar, saya hanya memberikan peluang kalau dia hendak penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Yang Berhormat, perbahasan tak macam itu. Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Nyata bahawa pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional Negeri Sarawak mempunyai kepentingan sendiri dalam konsesyen pembalakan yang sedia ada di negeri Sarawak sehingga pemimpin-pemimpin negeri merupakan tycoon balak besar di negeri Sarawak dan ini adalah satu gejala

yang amat menyedihkan kerana konsesyen-konsesyen balak ini tidak diberikan untuk faedah rakyat, tetapi untuk segelintir pemimpin-pemimpin negeri Barisan Nasional Negeri Sarawak dan sumber semula jadi ini telah dieksploitasi sehingga rakyat miskin, terutamanya rakyat kaum bumiputera di sana tidak mempunyai peluang untuk menikmati faedah daripada sektor perhutanan ini.

Malang sekali gejala yang terdapat di negeri Sarawak juga didapati di Semenanjung Malaysia. Ini terbukti di negeri Pahang di mana bekas Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Najib Tun Razak meluluskan 2,000 ekar konsesi hutan dalam daerah Bentung, kerana ini adalah satu hadiah dari Tuhan tetapi disalahgunakan oleh manusia dan ini adalah satu perkara yang amat menyedihkan, bukan satu bahan ketawa tetapi merupakan satu kenyataan. Manusia yang sepatutnya tahu tentang sekatannya berlagak seperti Tuhan, ini yang menyedihkan di mana bekas Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Najib Tun Razak meluluskan 2,000 ekar konsesi hutan dalam daerah Bentung untuk pembalakan pada 2hb Ogos, 1986, satu hari sebelum pembuangan undi dalam pilihanraya besar tahun 1986 kepada seorang penghuni rumah kos rendah dengan mengenakan bayaran premium tanah sebanyak \$260,424.16 atau hanya kira-kira \$130 seekar. Bagaimanakah seorang penghuni rumah kos rendah mampu membuat bayaran yang begitu besar dalam masa 30 hari, kecuali kalau dia seorang penama Dato' Seri Najib dan mengapakah kelulusan ini dibuat sebegitu tergopoh-gapah, hanya satu hari sebelum Dato' Seri Najib berhenti kerja sebagai Menteri Besar Pahang, untuk satu permohonan tanah yang dibuat hanya pada 11 hari yang lepas, pada 21hb Julai, 1986. Dan dengan harga bayaran premium tanah yang begitu rendah iaitu hanya \$130 seekar menunjukkan lagi penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang diamalkan oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Satu lagi contoh ialah di negeri Johor di mana satu laporan telah dibuat dengan Badan Pencegah Rasuah pada 5hb November, 1989 bahawa \$1 juta telah diberikan oleh Syarikat Heng Mah Timber Trading Sendirian Berhad kepada Bendahari UMNO Johor, dia tak ada di Dewan ini, untuk membolehkan Menteri Besar Johor, Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin meluluskan kawasan balak di hutan simpanan Maukir, iaitu di Mukim Lenga, Johor seluas 1,500 ekar

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Berilah.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habiskan sentence ini dahulu. Di mana Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin meluluskan kawasan balak di hutan simpanan Maukir, Mukim Lenga dekat Muar seluas 1,500 ekar kepada Power Team Malaysia Sendirian Berhad yang akan menjualnya kepada Syarikat Heng Mah Timber Trading Sendirian Berhad sebanyak \$1,600 seekar.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada dua tuduhan yang dibuat. Pertama, kepada bekas Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Najib. Yang kedua, kepada Tan Sri Muhyiddin, Menteri Besar Johor. Saya nampak ini adalah tuduhan-tuduhan liar, jahat dan juga tidak bertanggungjawab. Kenapa Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak buat saman ataupun cabar di luar Dewan. Jangan ingat Dewan ini sebagai satu tempat yang bebas bercakap, boleh tuduh apa sahaja. Saya cabar Yang Berhormat supaya tuduh di luar Dewan, jangan ikut sedap mulut sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya menyahut cabaran yang

dibuat oleh Yang Berhormat dari Marang, bukan seperti beliau tak berani pada mula-mulanya berdebat dengan Vice-Chancellor Universiti Malaya dan . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia ulangi balik supaya cabar di luar Dewan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak beri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Cabar di luar Dewan, sanggupkah?

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk!

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa duduk? Awak bukan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, saya tak beri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, sila duduk sekejap. Yang Berhormat dari Kota Melaka teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya menyahut cabaran yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Marang dan kita telah menyatakan perkara ini bukan sahaja di dalam Dewan, tetapi di luar Dewan . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, sila duduk.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta dia cabar di luar Dewan, jangan dalam Dewan. Boleh?

Tuan Lim Guan Eng: Boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Okay, saya hendak tengok statement besok.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, kalau suratkhbar keluaran. Kalau tak keluar?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Takutlah!

Tuan Lim Guan Eng: Apa boleh buat, semua suratkhbar dimiliki oleh UMNO dan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah. Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kita bukan penakut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mengadap ke sini.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kita bukan penakut, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tak apalah. Yang Berhormat boleh buat cabaran, di mana pun buatlah.

Tuan Lim Guan Eng: Ini Yang Berhormat dari Marang agak cemas sedikit, kerana pilihanraya besar dia mungkin tak akan balik ke Dewan ini.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan, apa kaitan yang diucapkan dengan Rang Undang-undang yang ada. Adakah ia mempunyai isi kaitan yang relevant?

Tuan Lim Guan Eng: Ada, ini mengenai hutan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hutan apa, Menteri Besar Dato' Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin.

Tuan Lim Guan Eng: Ini bangun atas apa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bangun atas minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Minta penjelasan, tak beri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa kaitan dengan yang ini?

Tuan Lim Guan Eng: Tak beri.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saudara jangan cakap ikut sedap mulut sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Marang, sila duduk.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya hormat Tuan Yang di-Pertua, bukan you.

Tuan Yang di-Pertua: Saya membenarkan dia bercakap dan dia akan bertanggungjawab di atas ucapannya.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, ya. Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan Barisan Nasional haruslah memberi perhatian kepada kejadian-kejadian sebegini kerana saya percaya rakyat Malaysia tidak akan tahan lagi dengan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan kemungkaran yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya skandal-skandal yang saya sebutkan tadi juga telah sedikit sebanyak menular ke Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (LPKM). Mengikut akaun pendapatan dan perbelanjaan LPKM untuk tahun berakhir 31hb Disember, 1988 terdapat kekurangan pendapatan dari perbelanjaan atau defisit urusan sebanyak \$422,679. Ini berbanding dengan defisit urusan sebanyak \$2,801,274 pada tahun 1985, \$45,043 pada tahun 1986 dan lebihan urusan sebanyak \$17,527 pada tahun 1987. Adakah pihak Kementerian sedar kalau bukan kerana pendapatan faedah dari simpanan tetap bank mereka, LPKM akan menanggung kerugian yang lebih tinggi.

Defisit LPKM yang sebenarnya kalau kita mengecualikan pendapatan dari faedah ialah sebanyak \$2.02 juta dalam tahun 1988, \$2.57 dalam tahun 1987, \$2.82 juta dalam tahun 1986 dan \$5.52 juta dalam tahun 1985. Ini adalah satu

jumlah yang amat besar di mana pendapatan faedah digunakan untuk menyembunyikan keadaan dan defisit kewangan yang sebenarnya. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian atau pihak yang berkenaan untuk memperbaiki kedudukan atau prestasi kewangan LPKM ini yang agak buruk. Jelas sekali bahawa LPKM telah diselamatkan oleh pendapatan dari faedah. Ini adalah satu kegunaan pendapatan dari faedah yang sungguh tidak profesional dan efficient sama sekali di mana satu keuntungan tetap yang boleh diperolehi tanpa sebarang usaha, bukan sahaja tidak digunakan dengan secara produktif, tetapi hanya untuk menampung defisit dan perbelanjaan. Mengapakah keadaan sedemikian boleh berlaku? Bolehkah pihak pengurusan LPKM menjelaskan mengapakah prestasi ini tidak diperbaiki selama ini?

Sebenarnya defisit urusan ini bolehlah digantikan dengan keuntungan. Dengan begitu senang sahaja secara sekelip mata kalau LPKM menghentikan operasinya dan bergantung hanya pada pendapatan faedah. Maka keuntungan yang boleh diperolehi adalah sebanyak \$1.59 juta pada tahun 1988, \$2.59 juta pada tahun 1987, \$2.7 juta pada tahun 1986 dan \$2.7 juta pada tahun 1985.

Justeru itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau prestasi kewangan tidak boleh pertingkatkan adalah lebih baik operasi LPKM dihentikan dan LPKM ditutup sahaja. Saya khawatir kedudukan kewangan mungkin kian merosot pada tahun 1989. Saya harap bahawa pentadbiran dalam pengurusan bolehlah dipertingkatkan. Mungkin satu perubahan dalam Lembaga Pengurusan haruslah diadakan memandangkan bahawa mereka tidak berjaya langsung mengatasi defisit sebenar ini.

Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa defisit ini disebabkan oleh perbelanjaan yang boros daripada pegawai-pegawai kanan LPKM di mana pegawai tertinggi LPKM menyalah-

gunakan kuasa mereka untuk mendapat keistimewaan-keistimewaan yang mereka tidak berhak menerima seumpamanya keahlian dalam kelab eksklusif, bankers club, memandu kereta baru Mercedes Benz 200 dan tinggal dalam rumah mewah dengan harga sewa \$4,000 sebulan. Selain dari itu ada setengah-setengah keistimewaan yang ditetapkan untuk pegawai-pegawai muda tertentu dirampas oleh pegawai tertinggi yang sudah melebihi umur seperti biasiswa ITTO. Saya juga hendak bertanya mengapakah komen-komen, query atau syor-syor Ketua Audit Negara tidak dihiraukan langsung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya tentang levi eksport dan kuota ke atas spesi balak yang ditebang sawn timber, dengan izin, dari Semenanjung Malaysia dan hendak menunjukkan lima soalan:

- (1) Apakah tujuan levi eksport ini sedangkan ia hanya berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia dan bukan di negeri Sabah dan Sarawak apabila kita semua tahu bahawa pembalok-pembalok dari Malaysia Timur tidak berminat langsung untuk mengeksport balak ke Semenanjung Malaysia. Mengapakah Semenanjung Malaysia sahaja yang didiskriminasikan?
- (2) Adakah tabung pembangunan solid eksport levi yang ditubuhkan hasil dari pungutan levi ini memperolehi kebenaran Parlimen dan kalau tidak, adakah ini sah. Berapakah banyak jumlahnya sekarang dan bagaimanakah ia digunakan?
- (3) Mengapakah ses eksport dikenakan ke 21 spesi sawn timber dan mengapakah pihak Kementerian enggan melayan rayuan Malaysian Plywood Manufacturers Association untuk menarik balik ses eksport sebanyak \$120 setiap per cubic meter atau semeter padu ke atas

revenue, dengan izin, yang akan berkuatkuasa pada 1hb September tahun ini?

- (4) Apakah usaha-usaha dan insentif-insentif pihak Kementerian selain dari mengenakan ses eksport dan kuota untuk menggalakkan pembuat-pembuat dan pengeluar-pengeluar kayu go down-stream, dengan izin.
- (5) Apakah dasar dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa hutan kita diusahakan oleh semua rakyat Malaysia dan bukan oleh beberapa taukeh pemimpin Barisan Nasional sahaja untuk menjadikan mereka jutawan sedangkan rakyat miskin masih berterusan demikian? Dan juga dengan secara produktif agar memelihara keadaan alam sekitar dan kehidupan liar.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa yang diamali oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terutama daripada UMNO, dari parti-parti komponen di negeri Sarawak haruslah dibanteraskan. Dan sungguhpun ini adalah kesalahan dari segi undang-undang tetapi orang awam tidak mempunyai hak untuk membawa menyaman mereka yang buat kesalahan sebegini, kerana hanya Peguam Negara berhak berbuat demikian. Dan adalah menyedihkan juga bahawa Peguam Negara yang harus menegakkan sistem perundangan negara kita tidak menghiraukan sebarang kesalahan atau percanggahan undang-undang yang dilakukan. Oleh sebab itu, saya harap orang yang tidak tahu dan tidak bertanggungjawab tidak hanya mahu meminta bahawa kita menyaman mereka yang membuat salah kerana kuasa ini hanya dalam tangan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak merujuk kepada satu fasal Rang Undang-undang ini di mana keputusan Ketua Pengarah untuk menyita dalam Fasal 26

di mana seksyen 27A, 29B, 27C, 27D, 27E, 27F, 27G, 27H, 27I, 27J dan 27K di mana tidak seorang pun berhak mengambil apa-apa tindakan atas apa perbuatan dilakukan oleh pihak Lembaga dan Mahkamah tidak mempunyai kuasa untuk mencampurtangan dalam keputusan yang dibuat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya mengapakah kuasa mahkamah juga ditidakkan kerana ini bukanlah satu keputusan muktamad yang dibuat oleh Menteri tetapi hanya oleh Ketua Pengarah sahaja. Adakah ini juga satu bukti lagi untuk menunjukkan satu usaha Kerajaan sekali lagi untuk menghakis kuasa mahkamah seperti yang ditetapkan dalam Perlembagaan supaya menidakkan kuasa mereka dalam semua bidang undang-undang yang berada di negara kita. Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, DAP mengancam dengan sekeras-kerasnya tujuan dan niat jahat seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya ingin mengingatkan Kerajaan Barisan Nasional bahawa sumber semula jadi yang dihadihkan oleh Tuhan mestilah digunakan dengan constructive untuk kepentingan rakyat. Sehingga hari ini rakyat Malaysia masih belum nampak Kerajaan Barisan Nasional menunaikan cogan kata janji yang mereka buat pada pilihanraya umum dalam tahun 1986 iaitu "tradisi membela rakyat". Sektor perhutanan atau pembalakan ini adalah bukti yang ternyata sekali yang menunjukkan bagaimana satu sumber semula jadi dieksploitasikan untuk kepentingan diri sendiri.

Saya harap bahawa Kerajaan Barisan Nasional membetulkan sikap mereka kalau sudah tidak terlalu lewat, dan juga bahawa pihak LPKM mengambil perhatian terhadap prestasi kewangan yang tidak sebaik dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Rasah.

3.44 *ptg.*

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin memberi sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Timbalan Menteri tadi.

Seperti Dewan yang mulia ini sedar, baru-baru ini dalam bulan April, Menteri Perusahaan Utama membuat satu pengumuman bahawa kayu getah akan dikenakan bayaran levi mulai 1hb Jun tahun ini. Saya faham kenyataan ataupun pengumuman ini walaupun dibuat oleh Menteri Perusahaan Utama tetapi yang sebenarnya adalah satu keputusan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia. Dan saya ingin menarik perhatian Dewan ini bahawa selepas pengumuman ini dibuat, para pekerja, khususnya mereka yang terlibat dalam kegiatan perniagaan kayu 'kedah', telah mengalami satu akibat yang buruk. Saya tidak boleh terima dan saya pun tidak faham apakah logik di belakang keputusan ini iaitu mengenakan levi sebanyak \$120 semeter padu untuk kayu 'kedah' yang berkuatkuasa pada 1hb Jun tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, langkah seperti ini iaitu mengenakan levi atas kayu 'kedah' merupakan langkah kurang bijak pada beberapa tahun dulu iaitu mengimposekan levi juga ke atas kayu rotan yang mana pada masa dulu saya telah memberitahu Kementerian berkenaan bahawa apabila kayu rotan dikenakan levi dan dihadkan eksportnya telah memberi akibat buruk dan menjejaskan pendapatan para pekerja yang terlibat dalam perniagaan ini, khususnya Orang-orang Asli.

Dan seperti saya kata tadi, langkah ini memang, sebelum memberi faedah, telah memberi akibat buruk sehingga dengan pengumuman yang dibuat oleh Menteri berkenaan mereka yang terlibat dalam perniagaan kayu kedah ini mengalami

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kayu getah ya. Kayu apa?

Tuan Hu Sepang: Kayu kedah.

Tuan Yang di-Pertua: Kedah?

Tuan Hu Sepang: Getah—rubber-wood, itu maksud saya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Kayu getah, ya.

Seorang Ahli: Kayu getah, not “kedah”.

Tuan Hu Sepang: Sudah faham? Okay, saya teruskan. (*Ketawa*) Ini adalah satu perkara yang serius bukan untuk bahan ketawa

Seorang Ahli: Rubber tree!

Tuan Hu Sepang: . . . bagi pihak mereka yang mengalami kesusahan sekarang. Memang saya faham Menteri atau Timbalan Menteri termasuk pegawai-pegawai kanan yang menduduki dalam Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ini manakah mereka faham kesusahan para pekerja yang cuma hendak cari makan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mereka yang terlibat dalam perniagaan kayu ‘kedah’

Tuan Yang di-Pertua: Getah.

Tuan Hu Sepang: Getah . . . getah ini, mula-mula telah dieksplqitasikan oleh pengeskport ataupun kilang-kilang mengeksport kayu tersebut itu. Sekarang dengan langkah-langkah yang diumumkan oleh Kementerian berkenaan mereka lagi sekali dieksplqitasikan, kali ini untuk kilang-kilang atau syarikat-syarikat yang membuat perabot dengan kayu ‘kedah’

Tuan Yang di-Pertua: Getah.

Tuan Hu Sepang: . . . getah. Saya rasa tak payahlah untuk Tuan Yang di-Pertua membetulkan pronunciation saya ini (*Ketawa*), cuma Tuan Yang di-Pertua fahamlah apa maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya faham.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan kata “kedah” sudahlah. (*Ketawa*)

Tuan Hu Sepang: Untuk makluman khususnya Timbalan Menteri, kayu ini merupakan satu bahan pada masa dulu yang boleh dikatakan tidak mempunyai nilai. Baru-baru ini terdapat kayu yang saya sebut ini . . . (*Disampuk*)—sudah faham, apa hendak sebut lagi—boleh dibuat perabot dengan mendapat pasaran di luar negeri. Ianya merupakan salah satu cara yang baru untuk rakyat Malaysia mencari rezeki. Tetapi dengan keputusan yang telah diambil oleh Kementerian dengan mengenakan levi atas kayu getah ini, mereka sekarang, oleh kerana dieksplqitasi, harga kayu itu telah turun, dan mereka tidak boleh meneruskan operasi mereka itu. Apabila mereka mengalami cuaca buruk khususnya dalam musim hujan, kebanyakan kayu akan musnah oleh sebab basah dan tidak boleh digunakan. Salah satu akibat daripada langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Utama ialah cuma memberi keuntungan kepada kilang-kilang besar ataupun mereka yang terlibat dalam pengeksportan kayu getah ini. Mereka boleh dikatakan mempunyai monopoli ataupun boleh mengawal harga kayu sehingga para pekerja yang terlibat dalam perniagaan ini terpaksa memberhentikan operasi mereka. Penjelasan dari

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan. A very sincere one.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta penjelasan, boleh?

Tuan Hu Sepang: Boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam peruntukan ini telah dimasukkan satu

pindaan iaitu dengan memasukkan wakil daripada persatuan perabot, pembuat-pembuat perabot dalam Lembaga Pengarah. Apakah dengan perlantikan ini dapat menyelesaikan masalah yang Yang Berhormat sebutkan tadi?

Tuan Hu Sepang: Apa yang saya faham, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini belum diselesaikan, belum diatasi lagi. Pembuat perabot adalah sekumpulan orang lain. Apa yang saya perjuangkan sekarang ialah untuk mereka yang melibatkan bahan mentah (raw material) dari peringkat yang terawal sekali, bukan sudah peringkat sampai ke kilang, boleh membuat perabot. Saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Arau faham tentang perkara ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia minta jalan lagi.

Tuan Hu Sepang: Boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bukan hendak bergaduh, saya tanya dengan elok tadi. Saya tanya adakah kayu getah ini, saya ini orang yang terlibat secara langsung dengan pokok getah. Pokok getah ini dibuat perabot kayunya. Jadi, apabila kita ada wakil dalam Lembaga Pengarah yang dicadangkan ini, semua masalah Yang Berhormat dapat diselesaikan. Adakah pada pandangan Yang Berhormat, bila ada wakil perkara ini tidak dapat diselesaikan? Pada pandangan saya ianya dapat diselesaikan. Elok itu.

Tuan Hu Sepang: Saya pun jawab dengan eloklah. Apa yang saya ingin katakan di sini ialah jikalau Kementerian tidak memansuhkan atau menarik balik langkah-langkah yang saya sebutkan tadi iaitu mengenakan kuota untuk eksport dan mengimposekan levi ataupun ses sebanyak \$120 per cubic meter, dengan izin, masalah ini tidak boleh diatasi. Faham? Yang Berhormat Sungai Petani sudah faham, saya harap Sungai Petani

apabila telah faham boleh beritahu kepada Arau sebab mereka berdua berjiran.

Saya sangat hairan bagaimana langkah ini dikenakan di Semenanjung Malaysia sahaja. Apa yang saya faham mereka yang terlibat dalam perniagaan ataupun kegiatan kayu getah ini di negeri Sabah, mereka tidak sedar bahawa ada langkah yang terbaru ini. Jadi nampaknya dalam sebuah negara yang sama ada dua macam undang-undang. Di Semenanjung, para pekerja hampir menangis oleh kerana levi \$120 ini tetapi mereka yang di Sabah yang menjalankan kegiatan perniagaan yang sama tidak kena langsung dan mereka tidak sedar bahawa di Semenanjung Malaysia levi ini dikenakan. Kuota apabila dikenakan membawa akibat yang buruk yang sama juga dengan levy, cuma memberi keuntungan kepada kilang-kilang besar, pengeksport-pengeksport besar.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ringkas ini saya haraplah Kementerian

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, last one. Yang Berhormat ada sebut perkataan 'menangis' tadi. Siapa yang menangis? Saya ingat pekerjalah, pekerja apa, saya tidak tahu. Nombor dua, apakah Yang Berhormat sedar bahawa lebih banyak pekerja akan menangis kalau GSP ditarik balik atas cadangan DAP baru-baru ini?

Tuan Hu Sepang: Apa ini? Ini langsung tidak berkaitan dengan GSP. Memang mereka menangis apabila harga sudah turun, mereka mengalami kerugian, mereka ada isteri dan keluarga, memang mereka menangis. Kalau Yang Berhormat dari Arau merupakan seorang pekerja yang terlibat dalam kegiatan ini, dia pun akan menangis juga. Jangan jadi kurang bijaklah. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, rayuan saya kepada Kementerian ialah bertimbang-rasalah, timbang semula adakah langkah ini memberi faedah kepada

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Marang bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan?

Tuan Hu Sepang: Boleh.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Daripada awal sehingga akhir saya dengar dia bercakap mengenai dengan kayu getah. Dia sebut 'kedah', tidak apalah.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat sendiri adakah kayu getah ini termasuk dalam senarai eksport. Setahu saya tidak termasuk dalam senarai eksport? jadi tidak payahlah dikuota-kuotakan, memang tidak boleh dieksport. Minta penjelasan, bercakap itu biarlah tahu topik sedikit.

Tuan Hu Sepang: Saya memang tahu topik ini, Tuan Yang di-Pertua. Kayu ini untuk dieksport ke negara asing untuk membuat perabot dan kemudian diimport balik kepada kita. Faham? (*Ketawa*) Apa ini?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, tetapi dia tidak tahu kayu getah tidak boleh dieksport. Saya hendak minta penjelasan Menteri sedikitlah.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, sekejap lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memberi penjelasan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak boleh dieksport.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak boleh, itu nanti Menteri jawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Sudah, sudah. Rasah, sila turuskan. Sekejap tadi sudah hendak duduk.

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Rayuan saya ialah

timbangkanlah semula dan bertimbang-rasa juga, itu 'r-a-s-a'—timbang-rasa. Bolehkah untuk kepentingan perindustrian kayu getah ini menarik balik ataupun memansuhkan langkah-langkah yang saya sebutkan tadi, misal kata, sistem kuota untuk eksport dan levi dan cuma beritahu supaya mereka yang terlibat dalam perniagaan ini boleh merasa puashati mengapa counterpart mereka di Malaysia Timur tidak dikenakan langkah-langkah yang tidak munasabah ini.

Saya rasa saya sudah habis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Marang.

4.00 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut memperkatakan perkara-perkara mengenai dengan Rang Undang-undang yang dinamakan sebagai Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) 1973.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri ini suatu perkara yang sangat menarik, dan daripada apa yang telah dibacakan tadi, saya mendapat satu kesimpulan yang sangat jelas, iaitu Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memajukan lagi industri kayu-kayan secara menyeluruh melalui program-program dalam bidang galakan pasaran dan pengawalan mutu keluaran kayu, dan juga latihan khususnya di samping perkara-perkara lain yang menyentuh kayu-kayan secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui bahawa negara Malaysia adalah satu negara yang boleh dikatakan masih diliputi oleh hutan-rimba, masih diliputi oleh kayu-kayan. Daripada keluasan negara kita iaitu di Semenanjung kira-kira 54,000 batu persegi, Sabah dan Sarawak kurang sedikit, kita dapati 60% atau 61% tanah-

tanahnya diliputi oleh hutan kayu-kayan, ataupun dalam angka yang lebih tepat kira-kira 20.1 juta hektar tanah-tanah di Malaysia ini termasuklah gunung-gunang, hutan-rimba, lowland, highland, dengan izin, dan sebagainya adalah terdiri daripada hutan-rimba. Maka sudah sewajarnya Rang Undang-undang yang dibentangkan ini selaras dengan keluasan dan juga kepentingan pembangunan kayu-kayan, buat masa kini dan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh dalam soal ini. Pertamanya, kayu-kayan Malaysia adalah merupakan kayu-kayan jenis baik yang jenis bermutu tinggi, yang dikenali sebagai kayu-kayan tropika, yang boleh menandingi kayu-kayan yang mempunyai iklim sejuk, sederhana ataupun iklim Sartan ataupun iklim garisan. Jadi iaitu kalau dalam konteks garisan tropika kita boleh challenge negara-negara yang ada.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa daripada beberapa buah negara dalam dunia yang mempunyai iklim tropika ini, hanya beberapa buah negara sahaja yang masih lagi mengeksport kayu-kayu balak ataupun timber logs secara berleluasa.

Pertama, yang saya tahu ialah Irian Barat ataupun Papua New Guinea, Irian Jaya.

Yang kedua, Vietnam.

Yang ketiga, Burma; dan

Yang keempat, Laos.

Negara-negara lain walaupun mengalami iklim tropika seperti Filipina dan juga Thailand telah menghentikan pengeksportan kayu balak, tetapi di antara negara-negara yang telah saya sebutkan itu, kalau tidak silap saya, kalau saya salah betulkan, Malaysia menduduki tempat yang pertama dari segi kehebatan dan juga dari segi kelancaran mengeksport kayu balak ini. Dan saya dapati volume pengeksportan kayu-kayu balak ini adalah cukup tinggi dan negeri

yang menjadi pengeluar utama dewasa ini ialah Sarawak dan juga diikuti Semenanjung Malaysia ini ialah Pahang. Pengeksportan ini memang kita akui sebagai suatu sumber semula jadi untuk mendapatkan perolehan wang.

Saya dapati daripada jumlah hasil kayu-kayu balak yang dieksport kita mendapati lebih kurang \$4 bilion setahun nilainya, suatu angka yang cukup besar. Namun demikian, saya juga merasa hairan dalam usaha-usaha kita mengeksport kayu balak ini terdapat juga negara-negara lain memberhentikan pengeksportan kayu balak seperti Thailand, Filipina dan juga Indonesia, malah di setengah-setengah negara seperti Thailand dan juga negara Jepun, juga Korea bukan sahaja menghentikan pengeksportan kayu-kayu balak ini, tetapi juga mereka telah import kayu-kayu balak daripada Malaysia, kemudian mereka kumpulkan dan mereka storkan untuk dieksport kembali dan digunakan kembali. Sementara itu hutan-hutan simpanan mereka, mereka bukan tidak mempunyai hutan malah mempunyai hutan yang agak lebih luas daripada negara kita, tetapi mereka tidak gunakan. Maka kalau negara-negara seperti Korea, Jepun, Thailand, Indonesia mahupun Filipina telah memberhentikan pengeksportan kayu balak dan dalam masa yang sama memelihara sumber semula jadi hutan mereka maka adalah perlu kiranya kita menggubal satu Rang Undang-undang baru yang mana Rang Undang-undang ini mesti menghentikan pengeksportan kayu balak secara berleluasa.

Saya dapati kayu-kayu balak yang dieksport dewasa ini sebanyak 16 jenis, antara lain:

Jenis Kayu

Meranti	Sepetir
Meranti Tua	Mersawa
Meranti Putih	Sesenduk
Meranti Kuning	Balau Merah
Kayu Cengal	Kempas
Damar Minyak	Merbau
Ramin	Keruing
Kembang Semangkok	
Nyatoh	
Jelutong	

Saya tidak nampak kayu getah ini dijadikan eksport. Ahli dari Rasah itu tidak tahu, orang capak dia lari.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pengeksportan kayu-kayu yang dieksport ini adalah agak luas. Saya tidaklah mahu menyekat secara total ataupun secara keseluruhan tentang pengeksportan ini, tetapi sudah sampai masanya 16 ini dapat dikurangkan.

Saya ingin menarik perhatian Dewan, terutama Timbalan Menteri yang akan menjawab nanti supaya kayu-kayu jenis keras terus dimatikan dari segi pengeksportannya, jangan dieksport lagi iaitu antaranya kayu cengal, kayu balau merah dan juga kayu merbau. Kayu-kayu jenis sederhana ataupun istilah bahasa Inggerisnya, medium hardwood, ini boleh dieksportkan ataupun kayu-kayu jenis yang agak ringan seperti jelutong, nyatoh bolehlah, tetapi kayu-kayu cengal ini tidak perlu dieksportkan. Saya menyatakan pandangan ini berdasarkan kepada beberapa sebab, sebab yang pertama saya lihat kayu-kayu jenis ini memang specisnya sangat jarang dalam dunia. Saya tidak jumpalah kayu-kayu cengal ini di Amerika Syarikat ataupun di sebelah Timur Tengah (Middle East). Saya pergi sana tidak ada, Ahli dari Arau pun tidak jumpa ya! Jadi saya dapati kayu-kayu ini perlu diberhentikan sebab specisnya kurang—satu.

Yang kedua, saya menyarankan supaya ianya diberhentikan kerana kayu-kayu ini sangat sukar diperolehi masa sekarang dan sangat besar kegunaannya. Contohnya, kayu cengal begitu popular untuk buat bangunan, kayu cengal juga sangat mustahak untuk dijadikan alatan-alatan perang, kayu cengal juga penting untuk perkapalan dan juga bot-bot.

Saya mengambil satu peristiwa iaitu di mana bot-bot nelayan pada hari ini telah mengalami keadaan yang sangat-sangat menyedihkan, para nelayan pada hari ini menghadapi masalah yang ketara iaitu mereka sukar sekali mendapat kayu cengal, malah dia beli kayu cengal, dia terpaksa pergi ke Thailand, sedangkan

Thailand sendiri beli kayu cengal daripada negara kita. Ini cerita karton, kita eksport kayu cengal ke Thailand, Thailand beli, kemudian kita pula pemunya-pemunya ataupun tuannya pembina-pembina bot terpaksa mendapatkan kayu cengal daripada negara Thailand. Selain daripada kayu cengal, balau merah juga merupakan satu jenis kayu keras, begitu juga kayu merbau—satu jenis kayu yang keras. Saya percaya Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk menggalakkan pemasaran, tetapi janganlah pemasaran kayu-kayu itu boleh mengakibatkan kayu-kayu kita menjadi lupus, menjadi pupus dan juga memberikan pulangan buruk kepada pengusaha-pengusaha, baik di segi bangunan, baik di segi nelayan, baik tuannya bot ataupun apa sahaja.

Tuan Yang di-Petua, dalam soal pengeksportan ini juga saya ingin mengesyorkan biarlah kita kenakan kuota iaitu di mana volumenya dkecilkan.

Saya sangat tertarik Rang Undang-undang yang dibacakan ini, antara lain dinyatakan oleh Timbalan Menteri yang kita kasihi, yang handsome itu, iaitu dia kata hendak tambah nilai tokok iaitu ingin mewujudkan nilai tokok tambah. Kalau negara kita sentiasa bergantung kepada timber logs ataupun balak-balak bulat, kita sudah tentu tidak banyak bergantung kepada finished products ataupun barangan-barangan siap yang lain ataupun aktiviti hiliran.

Saya mengesyorkan supaya soal untuk mewujudkan industri perabot secara besar-besaran, sebagaimana yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada tahun lalu dipraktikkan dengan serius, industri perabot mesti berkembang dengan secara hebat.

Kita merasa sangat dukacita, apabila kayu-kayu kita diminta oleh negara-negara luar, tetapi negara luar itu, bila sudah dijadikan perabot, meng-

eksportkan kembali ke negara kita. Sudahlah yang lain-lain, minyak, kelapa sawit difinished product oleh negara-negara luar dan dikembalikan kepada negara kita. Maka saya kira sudah sampai masanya industri perabot ini akan menjadi bahan nilai tokok tambah, sekurang-kurangnya akan meluaskan bidang pekerjaan, sekurang-kurangnya menghilangkan soal kebergantungan yang begitu ketara kepada sawn timber, ataupun lot timber itu sendiri. Saya mengesyorkan supaya semua kilang-kilang yang ada dalam Malaysia ini mewujudkan paling kurang 30% daripada kilang mereka itu untuk dijadikan bahan-bahan perabot.

Hari ini boleh dikatakan semua kilang-kilang, semua sawmill, menekankan soal pengeksporan kayu bulat secara berleluasa. Penekanan yang dibuat secara pengesyoran tanpa undang-undang, pengesyoran tanpa kawalan, pengesyoran tanpa kuatkuasa, biasanya rakyat Malaysia ini, dia lupa, dia kena ajar sedikit, kena keras sedikit, kena berani sedikit dan kena ada cara penguatkuasaan bagi memastikan bahawa industri perabot berjalan dengan baik dan berkembang. Industri perabot saya kira satu industri yang sangat penting dewasa ini, kerana sudah saya sebutkan tadi, ianya memberi peluang pekerjaan kepada anak watan daripada sini. Selain daripada itu juga kita akan melambatkan ataupun menyekat dari segi pengeluaran kayu bulat ataupun lot timber secara berleluasa.

Dalam Rang Undang-undang ini juga saya sangat tertarik hati kerana dari segi Ahli Lembaga Pengarah, sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta ini akan dimasukkan seorang wakil daripada industri perabot seperti yang dibentangkan di sini. Jadi, kalau ini boleh dipraktikkan, ataupun dilaksanakan, ini adalah merupakan satu perkembangan baru, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 4 dan juga Seksyen 7(5), diubahsuai dengan memasukkan perwakilan dari industri perabot bagi

membolehkan penglibatan secara langsung industri perabot di dalam mengemukakan syor yang praktikal, berasaskan pengalaman di dalam pembuatan keputusan Lembaga. Jadi, saya kira wakil yang hendak diadakan ini, mestilah wakil yang bukan sahaja mencari keuntungan secara individu, tetapi juga merupakan orang yang boleh mewakili industri perabot Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengesyorkan supaya industri-industri perabot yang ada dalam Malaysia ini turut juga menggabungkan diri mereka menubuhkan satu persatuan bagi peringkat negeri, mahupun kebangsaan, di mana wakil-wakil dapat dipilih dengan mudah, terutamanya wakil Lembaga yang akan mengisi Seksyen 4 dan Seksyen 7 (5) ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh perwakilan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang turut diperuntukkan. Selama ini Lembaga ini, iaitu Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia ini tidak dimasukkan dari segi wakil penyelidikan, pembangunan perhutanan. Ini saya syorkan sangat kerana mereka ini pakar dari segi kayu, tahu dari segi kayu, dia boleh teka, dia boleh beritahu dengan tepat, bagaimana dan cara manakah yang hendak diberikan kayu dan juga hendak diberikan kawasan dan kayu manakah yang hendak ditebang untuk pembangunan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan satu perkara yang saya kira sangat penting, iaitu dari segi kawalan. Hari ini hutan di Malaysia banyak yang ditebang dan juga telah dipungah hasilnya ke luar negeri, mahupun ke dalam negeri. Tetapi saya ingin menekankan bahawa walaupun pihak Kementerian telah mewujudkan proses penanaman semula, tetapi saya kira masih sedikit. Sehingga tahun 1988, penanaman semula lebih kurang 30,613 hektar dan ada cadangan daripada tahun 1989 kepada tahun ini, sebanyak 16,000 hektar 'forest plantation' akan dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa kegiatan pembalakan telah mengatasi ataupun lebih daripada 20 kali ganda, kalau tidak silap saya, daripada penanaman semula, maka saya kira 30,000 angka yang diberikan itu adalah merupakan angka yang rendah dan kalau kita katakan 're-plantation' ataupun 're-afforestation' yang baru, angka ini masih ketinggalan. Saya juga ingin menyebutkan bahawa soal untuk membesarkan kayu-kayu ini mengambil masa yang panjang. Sebagai contoh, kayu-kayu jenis keras mengambil masa di antara 60 tahun sampai 80 tahun untuk dapat ditebang kembali. Saya ingat kalau kita jadi Menteri, kalau kita jadi timber grader, kita mati dahulu sebelum pokok itu dapat ditebang balik.

Eloklah buat masa sekarang kita melakukan penanaman semula ini secara giat. Saya mengesyorkan sekurang-kurangnya penanaman semula di satu-satu kawasan mestilah berada di tahap yang paling minima, sekurang-kurangnya 51%. Apa yang berlaku iaitu di kawasan-kawasan penebangan, khususnya di negeri Sarawak ataupun Sabah dan juga Pahang, penanaman semula saya fikir tidak sampai 20%. Jadi, penanaman semula, kalau ditingkatkan dengan penguatkuasaan sekurang-kurangnya 51%, insya Allah, kita akan menyaksikan kewujudan hutan-hutan yang berkesinambungan dan juga sangat penting untuk kegunaan negara dan juga untuk kegunaan generasi akan datang. Kita kena ingat sekarang ini kita mendapat hasil kira-kira \$4 bilion setahun. Saya kira dengan proses penanaman semula ini, kalau kita tidak dapat \$4 bilion pun, sekurang-kurangnya kita dapat \$2 bilion setahun. Jadi, saya ucapkan tahniah kepada usaha pihak Kementerian kerana telah mengadakan 'forest plantation' untuk dimajukan. Tetapi angka ini biarlah kita tingkatkan, sekurang-kurangnya ada perancangan untuk 5 tahun akan datang, iaitu bermula pada tahun 1990 dan juga sehingga tahun 1995.

'Penanaman semula ini boleh kita lakukan bukan sahaja dengan cara Kerajaan yang membuatnya, tetapi dengan cara mewajibkan kepada pembalak-pembalak ataupun pengusahapengusaha iaitu dia kena tanam semula—kalau dia tebang cengal, cengal kena tanam, kalau dia tebang nyatuh, nyatuh dia tanam balik; kalau dia tebang mersawa, mersawa dia tanam balik; jangan pandai pakai baham begitu sahaja, jangan pandai pakai tebang sahaja, ataupun ambil sahaja, tanam tidak tahu. Hasil dia mahu pungut, tetapi penanaman semula (re-afforestation) dia tidak boleh buat. Ini satu perkara yang malang. Kita kena ajar, kita kena wujudkan syarat-syarat kepada mereka ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan bahawa kaum Penan di negeri Sarawak ini sering dikatakan menimbulkan masalah. Bila ditebang kayu-kayu di Sarawak, dia pun bisinglah, benteng manusialah, macam-macam cerita. Ini saya kira kena kaji balik kenapa perkara-perkara ini wujud dan kenapa perkara-perkara ini berlaku. Saya ingat bukan Penan itu sangat, Kerajaan saya ingat adil, Kerajaan negeri Sarawak juga adil, walaupun dikatakan adil, kita kena kaji balik, mungkin compensation ataupun pampasan yang diberikan agak sedikit. Tetapi saya ingat lebih daripada itu faktor yang menyebabkan orang Penan ini agak berotak ialah kerana adanya Bruno Maner daripada Switzerland. Lari dari Switzerland masuk ke Sarawak, kemudian hasut. Ahli DAP pula sokong, bila DAP sokong Bruno Maner ini naik egolah, ataupun naik meta, kata orang, jadi sombong. Jadi, perkara-perkara seperti ini kalau boleh biarlah pihak Kementerian dapat bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak, tangkap dan sumbat dalam lokap, ataupun penjara jangan buat act datang ke negara orang.

Saya dengar cerita Bruno ini telahpun lari balik ke Switzerland secara ikut menyeludup kapal laut ke sana. Tetapi saya juga dengar cerita yang baru, beliau ini ada masuk dalam hutan balik, cara

bercakap, cara berpakaian sama dengan orang Penan dan mereka terus membuat hasutan dan sebagainya. Jadi, seolah-olah gambaran yang kita terima selama ini Kerajaan tidak memberatkan lagi masalah Penan ataupun penduduk-penduduk pendalaman ini. Kita lihat orang-orang Pembangkang, terutamanya DAP, memang dia agak nakal, dan kadangkala jahat, mengada-adakan fitnah yang bukan-bukan bagi memburuk-burukkan keadaan negara, tambahan lagi dekat pilihanraya ini, kalau boleh dia hendak suruh orang Penan ini tidak sokong kita, Kerajaan Malaysia. Tunggulah masa, tengok sokong, tidak sokong, menang tidak menang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menekankan soal pencemaran. Saya difahamkan bahawa apabila kayu-kayu ditebang banyaklah pencemaran ataupun erosion yang berlaku di kawasan-kawasan penebangan itu. Inipun perlu kita jaga, dan juga perlu kita awasi supaya pencemaran tidak berlaku dan pengambilan kayu-kayu balak itu akan menjadikan kawasan-kawasan itu tidak banjir dan sebagainya. Tetapi saya juga merasa sangat malanglah bila kita adakan pembangunan, kadangkala kita lupa dari segi kepentingan kayu-kayan, saya simpati dengan kayu-kayan di Teluk Kenyir umpama contohnya ataupun di kawasan Kenyir. Ratusan ekar tanah, ratusan balak yang ada di situ ditenggelami air macam itu sahaja. Sekarang ini berpuluh-puluh kayu balak ditenggelami air di Ampangan Kenyir. Jadi, ini susah dari segi bot, dari segi kapal.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir melawat Terengganu baru-baru ini, dia pergi dekat sana, dia tengok masih lagi tunggul-tunggul, kayu-kayu tidak dicabut. Jadi, perkara-perkara yang seperti inipun kita kena beri makluman juga, biar jadikanlah syarat, kalau pembangunan hendak dibuat, kayu-kayu balak itu jangan dibunuh begitu sahaja, tetapi diambil dengan cara teratur, jangan lepas air tenggelam, 'mampus' begitu

sahaja. Jadi, kayu-kayu yang seperti ini perlu dijaga. Saya mengingatkan ini kerana saya difahamkan juga bahawa banyak lagi ampangan haidro yang lain yang hendak dibuat, jadi kalau hendak dibuat dibangunlah dengan secara teratur, jangan apa yang di sana dikejar, tetapi yang di sini dilupakan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan beberapa perkara yang saya fikir sangat penting. Pertama, iaitu wujudkan kempen anti guna kayu tropika oleh negara-negara yang bukan mengeluarkan kayu tropika. Kempen ini berleluasa. Memang orang tidak senanglah tengok Kerajaan Malaysia ini maju, memang ada orang iri hati macam DAP iri hati jugalah, macam Yang Berhormat dari Kepong itu, bukan tahu sangat itu, iri hati sahaja kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, kempen-kempen anti guna kayu tropika ini sangat ingat, sama juga dengan apa yang berlaku kepada kempen anti minyak sawit Amerika, lepas itu hendak diluaskan ke negara-negara lain kerana hendak jaga kepentingan pengeluaran kacang soya. Hari ini juga ada kempen anti kayu tropika kononnya tidak tahanlah, berulatlah, ada stainlah, kemudian rapuhlah, macam-macam, ada kuman pun macam-macam cerita di situ. Saya lihat ini satu cerita lebih kurang style dengan isu GSP juga di mana GSP ini bertujuan untuk memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia. DAP sokong semua ini, DAP bukan tahu apa, dia tahu sokong sahaja. Macam V. David itu, Yang Berhormat dari Kepong pun sokong jugalah.

Jadi, kempen anti kayu tropika ini perlu diberhentikan dengan segera. Rombongan-rombongan mestilah diperluas dan diperhebatkan ke luar negara terutama negara-negara yang menjadikan pembeli utama kayu kita sendiri.

Kemudian, perkara yang kedua yang saya hendak syorkan iaitu kita mestilah hapuskan pengeksportan secara kayu gergaji yang saya nampak begitu giat pada hari ini tetapi hendaklah kita

gantikan dengan macam saya sebutkan tadi iaitu penggunaan semula perabot.

Syor saya yang ketiga, iaitu saya melihat dalam Fasal 3 berkenaan Seksyen 4 iaitu Menteri diberikan kuasa untuk melantik seorang wakil tiap-tiap satu tidak lebih daripada mana-mana lima buah negeri sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri. Saya mengesyorkan supaya wakil-wakil yang dilantik ini biarlah terdiri daripada negeri-negeri yang mengeluarkan kayu-kayu balak bukan daripada negeri yang tidak mengeluarkan kayu balak, Negeri Perlis itu, Yang Berhormat dari Arau tidak payahlah ada wakil, ini dia sudah tidur. Tuan Yang di-Pertua, saya minta supaya negeri yang diutamakan Negeri Sarawak, Pahang, Sabah dan juga dua negeri yang lain mungkin Johor ataupun Perak diutamakan dari segi perlantikan wakil-wakil ini.

Kemudian, ada juga dalam Seksyen 4 ini, Fasal 3 Bahagian (g) mengatakan, wakil-wakil daripada persatuan-persatuan yang diiktiraf yang akan dilantik sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 5. Ini juga saya mengesyorkan supaya wakil daripada Persatuan Pembalak-pembalak Malaysia, daripada pengilang-pengilang Malaysia dan juga satu lagi yang sering orang lupa iaitu daripada pemerekat-pemerekat kayu ataupun daripada timber graders. Jadi, timber grader ini penting kerana dia pemerekat, dia yang tukang grade. Dalam Malaysia ini ramai bilangannya supaya diambil kira. Jangan ada yang diambil ataupun yang dilantik ini tetapi tidak tahu-menahu pun dengan soal kayu tetapi mempunyai hubungan yang agak rapat dengan Menteri ataupun mempunyai ikatan yang baik dari segi perniagaan dan seumpamanya tetapi biarlah yang khusus dari segi kepakaran dan kebolehan yang ada.

Saya juga dalam soal ini ingin memberi ingatan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka yang bercakap bagi pihak DAP iaitu bercakap dan juga mengeluarkan pendapat-pendapat yang

saya anggap liar dan juga tidak bertanggungjawab di mana dikaitkan soal pemberian balak kononnya oleh Dato' Seri Najib, bekas Menteri Besar Pahang sebanyak 2,000 ekar kerana hendak menang pilihanraya. Kemudian diceritakan pula kerja-kerja yang dilakukan oleh Yang Berhormat Tan Sri Muhyideen, Menteri Besar Johor. Ini adalah tindakan-tindakan liar, tindakan-tindakan yang tidak bertanggungjawab. Kononnya Dato' Seri Najib beri balak, tetapi saya ingat itu satu tuduhan sahaja. Kalau dia beripun mestilah ada Lembaga, ada jawatankuasa yang telah ditapis, yang telah disaring dengan semasak-masaknya. Saya minta mereka yang bercakap itu tadi, Yang Berhormat dari Kota Melaka, kalau itu benar biarlah dia cabar di luar Dewan, jangan hendak cari kepentingan sahaja, ataupun hendak cari keuntungan dari segi cakap, hendak dapat publisiti. Saya ingat suratkhbar tidak usah siarlah cerita-cerita dia ini tetapi boleh siar kalau dia cabar ataupun dia cerita di luar Dewan.

Saya juga merasa sangat malu apabila disebut kononnya perang perebutan kuasa di antara Ketua Menteri Sarawak sekarang, Datuk Patinggi Taib Mahmud dengan Datuk Patinggi Abdul Rahman Yaacob kerana berebut balak. Ini satu tuduhan liar, tuduhan yang tidak bertanggungjawab dan juga hendak membayangkan konon-konon orang kita ini tamak, greedy dan sebagainya. Ini satu pandangan yang kurang ajar, pandangan yang suka mengada-adakan sesuatu yang tidak ada. Saya boleh tuduh antara Ahli dari Pasir Pinji dengan Ahli dari Kepong berkelahi tetapi saya tidak akan tuduh kalau saya tidak mempunyai bukti yang cukup lengkap. Dalam masa yang tertentu, saya juga hormat wakil dari Kepong, baik, bagus, pandai tetapi saya tidak akan berkata sesuatu sekiranya tidak mempunyai hujah-hujah yang tidak kuat. Begitu juga kepada wakil dari Rasah yang bercakap panjang lebar mengenai dengan kenaikan kuota. Saya ingin juga minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, setahu sayalah

getah ini bukan ada dieksport, kalau perabot getah itu adalah. Jadi, tidak payahlah kita hendak kena-kenakan kuota ataupun hendak impose levi sebanyak \$120 per cubic metre. Hal-hal ini saya ingat tidak perlulah kita layan sangat.

Akhirnya saya menyokong penuh usaha-usaha daripada Kementerian bagi memastikan pengeksportan kayu kawalan mutu kita ini akan dapat berjalan dengan lancar dan saya juga ingin membuat kesimpulan bahawa, sebelum itu satu lagi saya tertinggal, iaitu mengenai dengan pelesenan Seksyen 14 (3) iaitu memanjangkan tempoh pendaftaran di antara setahun sehingga tempoh maksima lima tahun sejajar dengan usaha Kerajaan untuk memudahkan pelesenan. Ini saya memang tabiklah, memang benarlah, kalau daftar tiap-tiap tahun itu memang satu perkara yang agak sukar dan susah. Tetapi walaupun kita panjangkan tempoh lima tahun, janganlah kita take for granted bahawa dalam masa lima tahun itu lesen-lesen itu tidak disalahgunakan. Saya bimbang lesen yang dipanjangkan itu, yang diberikan tempoh selama lima tahun mungkin disalahgunakan. Tetapi saya bersetuju satu hingga lima tahun itu bagi memudahkan urusan pendaftaran dan juga keperluan pendaftaran pembungkus dan juga pengilang dengan MTIB sendiri. Cuma saya hendak tanya sedikit pihak Kementerian iaitu dalam syor ini ada disebut, pengguguran pendaftaran ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan bilangan lesen-lesen yang tidak begitu diperlukan.

Saya tak faham apa yang dimaksudkan dengan lesen-lesen yang tidak diperlukan. Adakah dalam bentuk pembungkusan, adakah dalam bentuk pemerosesan ataupun dalam bentuk pengeksportan, jadi biarlah spesifik. Saya hendak bahas pun tak jelas. Cuma saya bersetujulah kalau dikatakan bilangan yang tidak munasabah dan tidak berkaitan, tetapi apa dia? Saya minta pihak Menteri akan dapat memberikan jawapan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan, saya ingin mengesyorkan supaya Rang Undang-undang ini dapat diperkemas dengan meningkatkan lagi kajian-kajian, mengadakan seminar-seminar, menambahkan kakitangan Kerajaan sesuai dengan peruntukan yang kita perolehi sebanyak \$4 bilion setahun dan dalam Rang Undang-undang ini pun ada hendak disyorkan, dibolehkan Persekutuan masukkan wang ke dalam Lembaga itu sendiri. Ini satu cadangan yang baik. Jadi kakitangan dalam MTIB ini saya ingat perlu ditambah. Begitu juga ahli-ahli Lembaga Pengarah ini biar gaji mahal sedikit pun tak apa, asalkan dia dapat bekerja dengan baik. Jangan jadi ahli Lembaga Pengarah bayar elaun mesyuarat sahaja, ini tak betul. Jadi biarlah elaun banyak sedikit, balak pun banyak dapat hasil supaya mereka ini dapat bekerja dengan senang dan memuaskan, tetapi jangan mahal daripada gaji Menterilah.

Sebagai kesimpulannya, saya juga ingin menarik perkara yang lain iaitu teknologi kita perlulah dipertingkatkan lagi terutama di dalam proses industri hiliran itu sendiri.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya bersetuju bersama-sama dengan cadangan supaya Rang Undang-undang ini dapat diluluskan dan dipersetujui di dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kepong dan selepas Yang Berhormat berucap, Timbalan Menteri akan menjawab.

4.33 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan juga saya nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri bersedia untuk menjawab semua soalan kerana dia memang cekap di dalam menjawab soalan-soalannya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar ucapan daripada Yang Berhormat dari Marang, memanglah dia berendam tak basah, bakar tiada hangus dan teguran-tegurannya dan maki-hamunnya memang meremang bulu roma saya mendengar raungan beliau

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Arau bangun.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, dia teringin sangat. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa seluruh pekerja-pekerja di Malaysia meremang bulu roma mereka kerana DAP menyokong supaya Kerajaan Amerika menarik GSP. Itulah penderhaka, penjenayah yang perlu dihukum, tahukah, termasuk Yang Berhormat dari Kepong sendiri yang menyokong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Arau ini apakah penjelasan yang dia mahu sekarang selain daripada mengambil peluang untuk berucap mengenai Skim Keistimewaan Arau

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini memang terpaksa diadakan kerana beberapa perkara. Yang pertama, untuk mengubah imej Lembaga Kemajuan Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) sebagai agensi penguatkuasaan dan mungkin hendak menambahkan kakitangan yang tidak cukup untuk mengkontrolkan perdagangan perkayuan, untuk memperkukuhkan,

mempertingkatkan peranan pembangunan daripada kepolisian sahaja dan untuk menjadikan Lembaga sebagai punca penerangan perdagangan, perisikan mengenai kepasaran, pusat perancangan sektor dan juga sepertimana yang disarankan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menambahkan belanjawan daripada sumber kewangan selain daripada Kerajaan. Sekarang belanjawannya bagi tiap-tiap tahun ialah \$10 juta dan memang amaun ini tidak mencukupi untuk menjalankan tugas dan fungsi yang tersebut. (*Disampuk*)

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat dari Arau tak mahu dengar yang bernas, cuma hendak buat celaan, maki-hamun

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tumpukan kepada tajuk. Jangan pandang ke sana, kerusi di sini.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, industri perkayuan dan pengeksportan kayu dari Malaysia memang mendatangkan hasil lebih \$7 bilion tiap-tiap tahun, satu hasil yang besar. Sekiranya dasar pengeksportan kayu ini ditukarkan dan pengeksportan balak semata-mata disekat ataupun diharamkan, hasil ini akan turun kecuali industri berasaskan perkayuan dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara pindaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah memperluaskan kuasa penguatkuasaan MTIB tetapi yang kurang membayangkan haluan yang Ketua Pengarah MTIB berhasrat membawa Lembaga dalam masa 5 tahun akan datang. Apakah hasrat Ketua Pengarah tersebut untuk memperbaiki keadaan yang dapat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pengarah MTIB pernah melahirkan hasrat menggugurkan imej sebagai badan penguatkuasaan, badan kepolisian kepada peranan pelaksanaan pembangunan industri balak dan kayu.

Agaknya keadaan tidak membenarkan pencapaian matlamat ini. Mungkinkah ini ada kait-mengait dengan keputusan Kerajaan mengharamkan pengeksportan 19 jenis kayu balak yang belum diproses bagi memperkembangkan industri hiliran? Kalau ada pengharaman pengeksportan tersebut, memang hasil akan kurang. Seperti yang telah saya sebutkan tadi, pengharaman eksport kayu balak-kayu balak ini dilaporkan akan membawa pengurangan hasil eksport sebanyak kira-kira \$4 bilion setahun. Ini bererti ada kemungkinannya timbul pasaran gelap untuk kayu balak sebesar \$4 bilion selepas pengharaman eksport mula berkuatkuasa sepenuhnya. Memang kita tak boleh mengenyepikan pasaran gelap ini yang boleh berleluasa kalau penguatkuasaan tidak ketat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1988, 55% daripada \$7.2 bilion pendapatan eksport balak diperolehi daripada penjualan kayu balak yang belum diproseskan, 26% daripada balak gergaji, 7% daripada papan lapis dan 1.3% daripada perabot.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Kerajaan Pusat akan menerima sokongan dengan sepenuhnya daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang mengeksport balak khususnya di Sabah dan Sarawak. Di Sabah mungkin 60% hingga 70% pendapatan negeri itu berhasil daripada pengeksportan balak. Begitu juga dengan negeri Sarawak. Saya tidak tahu apakah pendirian pihak Kementerian mengenai seruan Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk pampasan daripada pihak Kerajaan Pusat. Kalau tidak silap saya, Kerajaan Negeri Sabah ada kata bahawa kalau hendak haramkan kayu balak daripada dieksportkan, negeri Sabah memerlukan sekurang-kurangnya \$1 bilion pampasan. Adakah Kerajaan pernah mempertimbangkan permintaan seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan peraturan iaitu pemegang lesen membalak mesti menjalankan catatan

inventory kawasan membalak masing-masing sebelum lesen boleh diperbaharui, ditunda oleh Kerajaan Negeri Sabah ke Januari 1991. Adalah perlu untuk menjalankan bancian kelas dua atau second class survey ke atas kawasan yang dibalak sebelum lesen boleh diperbaharui juga ditangguhkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya Jabatan Perhutanan Negeri diarahkan supaya semua pemerosesan permohonan pembalakan/pembaharuan lesen harus terlaksana dengan secepat mungkin dan mengelak daripada red tape yang berlebihan. Maklumlah Tuan Yang di-Pertua, Sabah menerima \$6.8 bilion daripada eksport balak semenjak tahun 1986, bayaran royalti pula \$3.3 bilion. Dalam tahun 1989, eksport ini bernilai \$1.2 bilion dan bayaran royalti \$776.2 juta. Kerajaan Pusat telah melahirkan kesediaan untuk membayar pampasan pada kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak tahun lalu. Soalnya berapa banyakkah yang mampu dibayar oleh Kerajaan Pusat supaya ia cukup untuk mendorong Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut berusaha cergas dan tegas untuk membantu mengawal penyeludupan atau penipuan sepertimana didakwa dilakukan oleh Datuk Dr Jeffrey Kitingan, Pengarah Yayasan Sabah dan adik Ketua Menteri Sabah, dan pada 12hb Februari tahun ini didakwa di Mahkamah Tinggi atas tujuh tuduhan melakukan kecurangan termasuk eksport balak, menerima kickbacks, dengan izin, dalam bentuk saham dan komisyen broker dan lebih US\$298,000 dalam wang tunai. Saya tidak tahulah apa yang akan terjadi dengan kes seperti ini. Walau bagaimanapun, ini menunjukkan banyak aktiviti haram seperti ini berlaku sama ada di negeri Sabah bahkan juga di Sarawak dan dengan negeri-negeri lain di dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, penguatkuasaan dan peranan penguatkuasaan dan tugas pihak Kementerian perlu dikaji semula mengenai keberkesanan Kementerian untuk menguatkuasakan undang-undang di dalam negeri-negeri seperti Sarawak

dan Sabah. Ini mungkin kerana salah satu faktor yang utamanya ialah Kerajaan-kerajaan Negeri, misalnya di Sabah dan Sarawak mempunyai kuasa sendiri untuk mengendalikan segala urusan balak. Mungkin kerana inilah pihak Kementerian tidak dapat menguatkuasakan undang-undang yang ada sekarang.

Satu perkara yang menarik perhatian saya ialah sindiket-sindiket pembalakan haram yang wujud di beberapa negeri termasuk negeri Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Yang lebih mustahak, bolehkah tindakan memperluaskan kuasa penguatkuasaan MTIB ini mencukupi untuk mencegah aktiviti-aktiviti sindiket haram ini dan juga mencegah penyeludupan atau penipuan yang melibatkan mereka yang berkuasa?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak satu penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada laporan mengenai pembalakan haram di Ulu Terengganu, kawasan Yang Berhormat sendiri, di tepi Ampangan Kenyir di mana berjuta-juta balak Cengal dan Meranti dicuri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa pembalakan haram ini berlaku di kawasan Yang Berhormat sendiri? Kadangkala ini berlaku. Memang saya berharap Yang Berhormat dapat mengambil tindakan yang tegas untuk mencegahnya.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi perkara iaitu mengenai dasar negara Thailand, dasar negara Indonesia yang mengharamkan pengeksporan balak dengan tujuan untuk memelihara sumber balak di negara-negara masing-masing. Misalnya di Thailand kerana banjir yang mendatangkan maut ke setengah-setengah penduduk di Selatan Thailand, maka pembalakan diharamkan. Dengan pengharaman itu nampaknya lori-lori daripada negara ini di negeri Kelantan yang berpusu-pusu untuk membawa balak keluar daripada negara ini. Misalnya di Rantau Panjang kita boleh tengok tiap-tiap hari begitu banyak lori yang membawa balak daripada negara

ini, daripada negeri Kelantan dan Pahang untuk memasuki Golok dan kawasan-kawasan Thailand yang lain. Adakah kawalan yang ketat ke atas kononnya pengeksporan balak ini yang telah saya sebutkan tadi? Adakah dasar Kerajaan untuk menyekatnya? Pihak Thailand sangat pandai, dia tidak mahu membenarkan pembalakan di Selatan Thailand. Di negara kita ianya tidak haram, kita mesti hendak tebang semuanya dan kemudian dengan secara haram ataupun tidak, saya tidak tahu, cuma saya nampaknya tiap-tiap hari lori demi lori hantar balak ini ke Thailand. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar?

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kembali kepada kes Pengarah Yayasan Sabah, sehubungan dengan pendedahan ini tiga orang pegawai kanan Jabatan Perhutanan Sabah juga didakwa di Mahkamah Majistret di Sandakan pada 22hb Disember tahun lepas kerana enggan bekerjasama dengan Badan Pencegah Rasuah dalam siasatan mengelak membayar royalti atas eksport kayu balak. Laporan dibuat oleh Jabatan Perhutanan Negeri ke atas sebuah syarikat perkapalan tertentu mensyaki ianya cuba mengelak daripada membayar \$100,000 lebih bayaran royalti.

Memang ini satu berita sahaja dan saya percaya kes yang lebih teruk, lebih dahsyat lagi berlaku tetapi kerana faktor-faktor tertentu tidak dapat didedahkan, tindakan ke atasnya tidak dapat diambil. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri lebih tahu daripada saya kes-kes penyelewengan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam Polis telah melahirkan kesediaan untuk membantu agensi-agensi Kerajaan menguatkuasakan undang-undang termasuk membantu Jabatan Perhutanan, menyekat pembalakan tanpa lesen ataupun pengusahaan kawasan hutan yang haram. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh

mempertambahkan kerjasama dengan pihak ini untuk mengukuhkan, untuk menambahkan kemampuan penguatkuasaan pihak Kementerian. Mungkin Kerajaan boleh mengalihkan tugas penguatkuasaan MTIB kepada pihak Polis supaya MTIB bebas berkembang ke arah mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan industri kayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini bahawa dengan kuasa-kuasa untuk mengendali kawasan-kawasan hutan dan pembalakan di atas tanah negeri, adakah dengan kelulusan Rang Undang-undang hari ini penguatkuasaan dapat dipertingkatkan. Memang Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu sehingga sekarang aktiviti pembalakan haram di Sabah dan Sarawak tidak dapat dicegahkan kerana ada orang-orang, taukeh-taukeh yang besar yang dapat mengendalikan aktiviti-aktiviti sama ada daripada Singapura, daripada Hong Kong ataupun daripada negara-negara yang lain dan negeri-negeri Sarawak dan Sabah. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mencari cara-cara yang berkesan untuk mencegah pembalakan haram ini dan adakah kemungkinan, mungkin beberapa tahun hadapan negara ini terpaksa mengimport balak dari negara-negara asing. Adakah kemungkinan ini.

Saya berharap satu keseimbangan dapat diadakan di antara perdagangan kayu, aspek conservation dan alam sekitar. Kerana kalau tidak ada keseimbangan seumpama ini memang kita terpaksa mengimport balak atau kayu daripada negara-negara asing bahkan juga alam sekitar Malaysia akan terjejas.

Baru-baru ini di Kuching kalau tidak silap saya ada satu dialog di antara negara EEC dengan pihak Malaysia dan di antara isu yang dibangkit itu ialah pembalakan dan nampaknya daripada akhbar pihak Kerajaan Negeri telah menerangkan kononnya berkesan kepada pihak EEC bagaimana pihak Kerajaan mementingkan alam sekitar, bagaimana

pembalakan bukan sahaja di negeri Sarawak bahkan juga seluruh Malaysia dapat dikawal dengan rapi. Adakah ini benar?

Itulah hasrat saya untuk mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya percaya dapat menjawab dengan bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.57 ptg.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap di atas Rang Undang-undang yang baru saya bentangkan dan mengambil ingatan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Saya akan cuba menjawab selengkap mungkin perkara-perkara yang telah ditimbulkan itu, tetapi kalau ada yang tinggal semua perkara-perkara yang dibangkit itu telah diambil ingatan dan sekiranya perlu akan diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Rasah, Marang dan Kepong terlebih dahulu sebelum saya pergi kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Ahli Yang Berhormat dari Rasah telah menimbulkan kebimbangannya oleh kerana Kerajaan telah mengenakan levi kepada eksport kayu getah yang menyebabkan pengusaha-pengusaha kayu getah sekarang ini terjejas pendapatan mereka kerana kurang pasaran eksport.

Saya perlu menjelaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan mengenakan levi pada kadar \$120 per cubic meter ke atas kayu gergaji kayu getah ialah kerana makin meningkatnya usaha-usaha pengeksportan kayu getah sejak akhir-akhir ini oleh kerana negara-negara pengguna

seperti Jepun dan Amerika Syarikat mendapati kayu getah ini sangat baik untuk dijadikan perabot. Kerana itu kita bimbang pengesportan dalam bentuk bahan mentah ini sekiranya tidak diadakan sebarang sekatan melalui levi dan lain-lain maka akan menjejaskan bekalan kepada pengusaha-pengusaha perabot tempatan dan kita akan kehilangan nilai tokok kalau kita jual kayu ini dalam bentuk kayu gergaji dan kerana itu kita terpaksa bertawakal walaupun kita tahu pengusaha-pengusaha kayu ini akan terjejas pendapatan mereka tetapi kita harap penjejasan ini tidaklah begitu besar, tidak begitu serius oleh kerana mereka mungkin akan ada peluang pekerjaan di dalam kilang-kilang perabot yang akan bertambah hasil daripada kurangnya jualan eksport kayu getah ini nanti keluar negeri. Memang kita sedar bahawa sebarang langkah levi dan sebagainya akan menjejaskan pendapatan setengah-setengah orang pada satu ketika yang tertentu, tetapi kita harus memberanikan diri untuk kemajuan jangka panjang negara kita terutama dalam memajukan perusahaan yang berasaskan kayu. Kita perlu berani mengambil sesuatu langkah walaupun langkah itu kelihatan tidak popular pada ketika itu tetapi matlamat akhirnya dapat dicapai dan kita akan melihat kemajuan dalam sektor hiliran pemerosesan perabot.

Saya harap penjelasan ini juga akan dapat menjawab kemuskilan Yang Berhormat sahabat saya dari Marang yang barangkali keliru antara pengesportan kayu balak getah dengan pengesportan kayu gergaji getah. Kayu balak getah kita tidak eksport, betul. Tetapi kayu gergaji getah kita eksport dan sekarang pengesportan kayu gergaji getah tertakluk kepada levi pada kadar yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Marang telah menimbulkan masalah-masalah pengesportan kayu jenis keras seperti

cengal, balau merah, merbau dan sebagainya. Sebenarnya pihak Kementerian telahpun mengurangkan saiz kayu-kayu jenis keras yang dibenarkan untuk dieksport. Dahulu kayu-kayu yang dipotong secara besar pun boleh dieksport tetapi sekarang kita kurangkan saiznya dengan tujuan supaya kayu-kayu yang dipotong besar itu boleh digunakan untuk industri bot dan lain-lain untuk keperluan dalam negara sendiri. Sebarang langkah untuk mengharamkan pengesportan ataupun menyekatkan pengesportan kayu mestilah tidak dibuat secara tergesa-gesa sekali gus kerana ini akan menimbulkan implikasi yang amat tidak menyenangkan. Sebarang langkah ke arah itu mestilah dijalankan secara berperingkat-peringkat dan secara perlahan supaya memberi peluang kepada pihak pengusaha-pengusaha mengadjust, dengan izin, kedudukan mereka supaya perusahaan mereka tidak terjejas.

Mengenai perkara penanaman semula hutan, sebenarnya perkara ini tidak relevent dengan Rang Undang-undang yang bantangkan ini oleh kerana kita bincang sekarang ini Rang Undang-undang MTIB dan MTIB tujuannya ialah untuk menggalakkan kegiatan downstream, dengan izin, dalam bidang industri berasaskan kayu. Soal pengesportan balak, penebangan balak, penanaman hutan semula tidakpun dicover oleh undang-undang ini. Saya pun tidak tahu sama ada hendak jawab ataupun tidak. Tetapi saya fikir, itu kita berbincang dalam forum yang lain sebab kita hendak tumpukan perhatian kepada perkara-perkara yang menyentuh bidangkuasa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Perlembagaan Negara kita telah memberi peruntukan dengan secara jelas iaitu, Jadual Kesembilan, Senarai 2, butiran 3, yang memastikan, yang menentukan, yang menjelaskan bahawa hasil hutan adalah milik dan tanggungjawab Kerajaan Negeri. Saya terpaksa membuat

penjelasan ini oleh kerana ramai ahli, termasuk sahabat saya dari Kepong—the learned friend of mine—a learned friend yang sepatutnya tahu bahawa soal pembahagian balak dan sebagainya itu adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat tidak berniat untuk mengambil alih kuasa itu seperti yang telah diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Selagi Barisan Nasional memerintah negara ini...

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya ingat saya sudah beri kesempatan kepada Yang Berhormat dan tidak sekalipun saya bangun semasa Yang Berhormat berucap. Sekarang giliran saya menjawab, dengarlah pula. Kalau tidak puashati, boleh bangkitkan semula nanti.

Perlembagaan Persekutuan ini memperuntukkan bahawa kuasa mengeksploitasi hutan, memberi kawasan hutan kepada siapa yang mereka suka adalah hak Kerajaan Negeri. Kerajaan Barisan Nasional, selagi kami memerintah tidak akan menggugat kuasa Kerajaan Negeri oleh kerana ini adalah satu prinsip yang telah diperundingkan sebelum dipersetujukan.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya kata saya tidak beri jalan, nanti dulu.

Kalau sekiranya kita campurtangan dalam urusan Kerajaan Negeri mengenai soal pembahagian balak, bererti kita tidak hormat kepada Perlembagaan Negara. Kalau kita tidak hormat kepada Perlembagaan, Ahli Yang Berhormat daripada DAPlah orang yang mula-mula sekali datang kepada Dewan ini dan bercakap menyalahkan Kerajaan Barisan Nasional sebagai Kerajaan yang menyeleweng, tidak bertanggungjawab dan tidak berperlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh beberapa aspek ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar banyak ucapan di dalam Dewan ini oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP sebelum saya menjadi Ahli Yang Berhormat, sewaktu saya duduk di sana pun sebagai Pemberita, saya sudah dengar. Kebanyakan ucapan Ahli daripada parti DAP tidak bertanggungjawab, menggunakan emosi untuk tujuan publisiti dan tidak rasional. Tetapi dalam banyak-banyak ucapan yang saya dengar itu, hari ini saya mendengar satu ucapan dari Ahli Kota Melaka melebihi daripada segala ucapan yang tidak rasional dan tidak wajar yang pernah diucapkan sebelum ini. Pertama kali saya mendengar ucapan wakil dari Kota Melaka membahaskan Rang Undang-undang ini, impression saya ialah bahawa dia patutlah pergi balik ke sekolah sebelum datang ke Dewan ini, oleh sebab nampaknya dia tidak tahu apa pun yang diucapkannya, dia tidak faham apa masalah yang ada di hadapan kita dan saya tidak yakin dia membaca Rang Undang-undang ini sepenuhnya sebelum dia berucap. Oleh sebab kalau . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ya.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Hendak tanya sedikit. Adakah dia jahil ataupun dia dungu?

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya ingat perkataan yang tepatnya ialah, dia 'benak' sedikit. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan . . .

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak beri jalan. Saya sudah beri peluang.

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Sama ada perkataan 'benak' ini Parliamentary atau

tidak? Kalau tidak tarik balik, kalau dibenarkan, saya hendak minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Perkataan apa Yang Berhormat tadi itu?

Tuan Lim Guan Eng: Perkataan 'benak' tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada itu Parliamentary atau tidak? Kalau Parliamentary semua orang boleh sebut.

Dato' Alias bin Md. Ali: Kalau minta ruling, minta daripada Tuan Yang di-Pertua, bukan daripada saya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Tuan Speaker, Yang Berhormat belum jadi Tuan Yang di-Pertua lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Perkataan itu 'bengakkah', 'benakkah'? Saya tidak berapa clear perkataan yang digunakan itu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Minta maaf saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak berapa clear perkataan apa—'bengakkah'?

Dato' Alias bin Md. Ali: Bukan 'bengak', 'benak'.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Benak.

Dato' Alias bin Md. Ali: 'Benak', kalau tidak faham makna perkataan itu, kena buka kamuslah, saya tidak akan memberi pengertian makna perkataan itu kepada Ahli Yang Berhormat. Dia kena belajar balik, itulah sebabnya saya kata dia kena belajar balik.

Tuan Lim Guan Eng: Apakah ruling?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau perkataan 'benak' saya benarkan.

Tuan Lim Guan Eng: Benarkan!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, 36 (6). Tadi Yang Berhormat dari Marang kata 'dungu'. 'Dungu' itu boleh dibenarkan atau tidak, Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat dari Marang kata 'dungu'.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata dia 'dungu', saya tanya 'jahil' atau 'dungu'; saya tidak kata dia 'jahil' atau 'dungu'—saya tanya. Timbalan Menteri kata dia tidak kata 'jahil' atau 'dungu', dia kata 'benak'.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau tidak ada mengatakan

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tidak ada kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau tidak ada mengatakan perkataan itu tidak mengapa.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, semalam bila Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun berkali-kali untuk membunyikan loceng, saya menganggap bahawa ini tugas baru beliau, sahabat saya Timbalan Menteri Kewangan pernah mengatakan beliau ini 'budak susu' tetapi saya fikir dia

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, apa ini? Ini tidak ada standard jadi Timbalan Menteri, kerana apa yang kita sedang bahaskan ialah Rang Undang-undang, apa ini?

Dato' Alias bin Md. Ali: Bangun atas peruntukan Peraturan Mesyuarat atau minta penjelasan?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Orang tidak beri jalan, dia sudah bercakap 'kurang ajar'.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya sedang menjawab.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Ahli dari Kota Melaka 'kurang ajar', Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat dari Marang

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak mahu tarik.

Tuan Lim Guan Eng: . . . tarik balik 'kurang ajar' yang disebutkan olehnya tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah, jangan ganggu lagi, teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan memanggil beliau sebagai

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat dari Marang

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka duduk, saya minta Dewan ini jangan diganggu supaya Timbalan Menteri dapat teruskan menjawab.

Dato' Alias bin Md. Ali:sebagai 'budak susu', tetapi

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah buat ruling, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hendak minta penjelasan sama ada perkataan 'kurang ajar' itu Parliamentary atau tidak Parliamentary?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah beri ruling tadi mengatakan jangan ganggu Dewan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak ganggu Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang saya hendak minta daripada Tuan Yang di-Pertua sekarang ialah sama ada perkataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Marang ini Parliamentary atau tidak—perkataan 'kurang ajar'. Kalau tidak Parliamentary

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Melaka duduk, saya rasa Yang Berhormat sudah tahu perkataan itu tidak boleh digunakan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tidak dibenarkan dia mesti tarik balik, ini adalah Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat dari Marang sebut atau tidak perkataan 'kurang ajar'?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dia memang kurang ajar sebab dia kata Timbalan Menteri, saya tidak layak, kemudian belum lagi orang beri jalan dia sudah bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang minta tarik balik perkataan itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tarik balik, tetapi saya letak balik.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, 36 (6), kali kedua dia sebut 'kurang ajar' itu

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya sudah

Tuan Hu Sepang: Lebih kurang hendak beri dia kad kuning. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Warning sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah beri ruling. Teruskan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mengatakan dia 'budak susu', saya hendak panggil dia 'bell boy' sebab kerja dia hanya memanggil bell setiap satu jam satu kali. Semalam kita bersidang 8 jam, dia panggil 10 kali, tidak sampai satu jam, dia panggil bell.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya bukan

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak beri jalan, duduk!

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya kata, saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: You duduk, point of order.

Dato' Alias bin Md. Ali: Point of order nombor berapa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: You duduk, kurang ajar, orang tidak beri jalan dia buat, kurang ajar lagi.

Dato' Alias bin Md. Ali: Kalau boleh sebutkan point of order nombor berapa?

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Orang tidak beri jalan, dia buat, memang kurang ajar.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, ini kali beri 'Kad Merah'.
(Ketawa)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduklah dahulu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Memang kurang ajar.

Tuan Lim Guan Eng: Tengok-tengok telatah budak ini

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat kita sudah banyak menghabiskan masa 2 hari, sepatutnya habis hari semalam.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kurang ajar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau boleh Timbalan Menteri teruskan, jangan ganggu lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Untuk menjimatkan masa

Tuan Lim Guan Eng: Point of order.

Seorang Ahli: Nombor berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Point of order, 13 (2). Ini yang saya timbulkan tadi—seorang Ahli boleh menarik perhatian Dewan ini kalau Dewan ini tidak cukup kuorum. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyalahkan saya bila saya mematuhi Peraturan Mesyuarat. Siapa yang tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat? Tengoklah sikap macam ini, apabila kita mematuhi Peraturan Mesyuarat dia kata perkataan-perkataan yang tidak senonoh terhadap kita. Saya rasa siapa yang tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat adalah jelas sekali.

Saya amat kesal dan berharap Tuan Yang di-Pertua boleh membuat satu ruling di sini, bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan menimbulkan perkara kuorum lagi, kalau kuorum tidak cukup, tidak cukup, ini sudah tertera dalam Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak hormat Peraturan Mesyuarat Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah itu, Yang Berhormat. Kita hendak meneruskan perbahasan kita ini, tidak boleh dilengah-lengahkan lagi.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka menuduh pihak kami, kami dengar, tetapi kalau kita bercakap sedikit tentang dia, dia akan marah. Saya telah bercakap tentang perangai Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kuorum yang dibangkitkan tadi, sama ada semasa kuorum diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menggunakan Peraturan Mesyuarat 13(2), berapa ramai ahli-ahli DAP yang ada dalam Dewan ini berbanding dengan ahli-ahli Barisan Nasional.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong bangun buat apa? Saya hendak memberi penjelasan kepada pertanyaan yang dibuat oleh....

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan pihak DAP.

Seorang Yang Berhormat: Tak payah!

Dato' Alias bin Md. Ali: Duduklah, saya sedang hendak memberi penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri sila teruskan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Untuk pengetahuan sahabat saya Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sikap ahli DAP ialah ketika loceng berbunyi yang ada di dalam Dewan keluar daripada Dewan, yang ada di luar tidak masuk ke Dewan dan mereka hanya masuk apabila loceng sudah diberhentikan. Ini bermakna mereka hendak bermain-main dengan Peraturan Mesyuarat 13 (2) bukan dengan niat hendak mengadakan kuorum di dalam Dewan ini.

Dr Tan Seng Giaw: (Bangun)

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak beri jalan.

Dr Tan Seng Giaw: Tertib Mesyuarat 36 (6).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 36 (6) Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Ya, kerana bila loceng berbunyi petang ini saya masuk, kalau saya tidak masuk tidak cukup bilang—habis, petang ini bila saya masuk kuorum cukup 26.

Dato' Alias bin Md. Ali: Itu penjelasan, bukan Peraturan Mesyuarat.

Dr Tan Seng Giaw: Adakah dia sedar kerana pihak majoriti di dalam Dewan inilah terpaksa memastikan sama ada cukup bilang. Itu tugas majoriti. Adakah dia sedar itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah Yang Berhormat dari Kepong. Timbalan Menteri saya minta teruskan dengan jawapan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu jawab, sedar

atau tidak sedar, tidak jadi masalah pada mereka, tidak menjadi perbezaan apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membuat tuduhan-tuduhan yang tidak dapat dibuktikan mengenai penglibatan beberapa orang Menteri di Sarawak yang kononnya rasuah, mengenai balak, melakukan kesalahan undang-undang yang ada dan juga menyebut nama seorang Menteri Kerajaan Pusat, bekas Menteri Besar Pahang, dan juga Menteri Besar Johor.

Kalau sekiranya dua orang pemimpin Kerajaan Barisan Nasional benar-benar melakukan kesalahan jenayah dan kalau sekiranya ada pemimpin-pemimpin Kerajaan Sarawak melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang Negara yang ada sekarang, kenapa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak melaporkan kepada Polis? Beliau mengatakan bahawa yang berhak mendakwa hanya Pendakwaraya. Ini menunjukkan Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu bahawa ada 'remedy' dari segi undang-undang.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Dato' Alias bin Md Ali: Hendak bangun atas peraturan apa? Penjelasan? Tidak beri, duduk. Saya sudah beri peluang kepada Ahli Yang Berhormat berucap dengan tidak ada gangguan.

Tuan Lim Guan Eng: Kuorum tidak cukup.

Tuan Lau Dak Kee: Minta bunyikan loceng.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, sila bilang—23 orang. Bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 32 orang, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, perbuatan menuduh seseorang di dalam Dewan ini, sedangkan kita tahu bahawa orang yang dituduh itu tidak boleh membuat penjelasan dan tidak ada kesempatan untuk membela diri di dalam Dewan ini, adalah satu perbuatan pengecut. *(Tepuk)* Kalau benar ada alasan, ada bukti

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Dato' Alias bin Md Ali: Saya tidak beri jalan, duduk. Kalau benar ada bukti bahawa kesalahan telah dilakukan di bawah Undang-undang Malaysia, oleh sesiapa juga, sesiapa juga boleh membuat dakwaan, pengaduan kepada Polis. Takkanlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka begitu daif untuk memahami perkara yang sehabis simple. Budak tingkatan 5 pun boleh faham ini. *(Tepuk)* Memang senang buat tuduhan, tetapi hakikat bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak membuat laporan Polis menunjukkan bahawa beliau tidak mempunyai bukti terhadap tuduhan-tuduhan yang dibuatnya dan saya fikir rakyat Kota Melaka yang memilih beliau ke Dewan ini

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Dato' Alias bin Md Ali: Saya tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Takut!

Dato' Alias bin Md Ali: Yang Berhormat sudah bercakap membuat tuduhan, saya tidak bangun, buat interruption atau minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Laporan sudah dibuat.

Dato' Alias bin Md Ali: Sekarang giliran saya menjawab, Yang Berhormat sila duduk. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita berhadapan dengan seorang Ahli yang tidak menghormati peraturan-peraturan, Dewan ini tidak boleh berjalan dan kerana itu patutlah rakyat dari Kota Melaka yang memilih beliau datang ke

Dewan ini berfikir semula, kerana pilihanraya akan datang tidak lama lagi. *(Tepuk)* Kalau rakyat di Kota Melaka memilih beliau datang ke mari untuk hanya menarik perhatian kuorum tidak cukup

Tuan Lau Dak Kee: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada point of order.

Tuan Lau Dak Kee: Duduk! Ada point of order.

Dato' Alias bin Md Ali: Saya kata ini adalah satu kerja 'waste of time'.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Dato' Alias bin Md Ali: Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6). Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini satu sangkaan jahat; jangan sebut begitu. Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua di sini atau ada di sana? Maaf. Oh, mungkin ada di sana.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk, Yang Berhormat!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, sebutan Yang Berhormat Timbalan Menteri pada pendapat saya adalah satu perbuatan yang sangkaan jahat. Saya minta, Tuan Yang di-Pertua, sebab pengundi-pengundi yang memilih seseorang wakil daripada sesuatu kawasan tidak dapat diputuskan oleh Timbalan Menteri, hanya rakyat boleh memutuskan, oleh kerana itu saya rasa tuduhan itu—bukan liar, tetapi sia-sia sahaja dan mempunyai sangkaan yang tidak begitu sihat. Saya minta dia jangan gunakan perkataan itu. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, kalau apa yang saya sebutkan itu merupakan sangkaan jahat, adakah tuduhan wakil Kota Melaka terhadap Menteri Kerajaan Pusat, Menteri Belia dan Sukan, tidak jahat? Adakah tuduhan beliau terhadap Menteri Besar Johor yang tidak ada dalam Dewan ini pada hari ini, itu tidak jahat? Apakah tuduhan jahat

Tuan Lau Dak Kee: *(Bangun)*

Dato' Alias bin Md Ali: Nanti dahulu, saya belum habis, duduk. Apakah tuduhan wakil Kota Melaka terhadap pemimpin-pemimpin dan juga Menteri-menteri Kerajaan Negeri Sarawak itu tidak jahat? Kalau itu bukan tuduhan jahat, apakah tuduhan jahat yang sebenarnya?

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan.

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta Ahli dari Pasir Pinji menjawab soalan saya, sila duduk. *(Disampuk)*

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Dato' Alias bin Md Ali: Saya tidak minta wakil Kota Melaka jawab soalan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Takut, takut hadapi kenyataan. *(Disampuk)*

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bodoh!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, dia cakap bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat-Yang Berhormat, duduk! *(Disampuk)*

Tuan Lau Dak Kee: Minta penjelasan. Beri atau tidak?

Dato' Alias bin Md Ali: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lau Dak Kee: Saya minta penjelasan, beri atau tidak?

Dato' Alias bin Md Ali: Saya tidak beri jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Tidak beri?

Dato' Alias bin Md Ali: Saya tidak beri dan sila duduk. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tahu menyerang orang, kita mesti tahu orang yang kita serang itu merasa sakit, kita sendiri harus sanggup diserang dan merasa sakit. Itulah adat berpoliitik dan adat berjuang. *(Tepuk)*

Kalau tidak, tidak usah masuk politik dan tidak usah masuk berjuang. Balik semula ke sekolah.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau berani, beri jalan.

Dato' Alias bin Md Ali: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah

Tuan Hu Sepang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekejap Yang Berhormat, point of order.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, 36(1), "Seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja." *(Disampuk)* Apakah ini berkaitan dengan kayu? Perindustrian kayu? Ini bukan kayu, ini sudah lain topik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Apa kaitan dengan kayu?

Tuan Haji Abdul Raman bin Bakar: Itu Menteri Besar Pahang, kayukah? Itu Tan Sri Muhyideen, kayukah? Ketua Menteri Sarawak, kayukah? Apakah bodoh punya orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Hu Sepang: 36(1). *(Disampuk)*

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Itu you bangkit fasal bekas Menteri Besar Pahang, Dato' Najib, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyudeen dan Ketua Menteri Sarawak, mereka kayukah?

Tuan Hu Sepang: Patut suruh duduk, di sana.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta semua diam, duduk! Nanti Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat!

Tuan Hu Sepang: Yang patut suruh duduk di sana.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya minta semuanya diam, duduklah.

Tuan Hu Sepang: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tahu, saya tahu, saya hendak beri ruling Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Kita sekarang bincang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, ini tidak ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tahu, duduk Yang Berhormat. Kita telah lama berbincang mengenai perkara ini, saya hendak buat ruling dahulu. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri teruskan tajuk kerana kita banyak lagi Rang Undang-undang.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya cuba hendak tumpukan perhatian saya kepada masalah yang ada di hadapan kita.

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order berapa Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ahli Parlimen mesti duduk di tempat masing-masing, ini ada Ahli Parlimen dari Kepong bukan duduk di tempatnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order berapa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua tahu. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong, ada teguran supaya duduk di tempat sendiri.

(*Ahli dari Kepong berpindah ke tempat duduknya*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuba ringkaskan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah menyebut betapa akaun MTIB telah menunjukkan defisit yang besar sejak beberapa tahun yang kebelakangan ini. Ahli Yang Berhormat itu patut tahu, sebelum datang ke Dewan ini patut buat homework. (*Tepuk*) MTIB bukanlah sebuah institusi pencari untung. Ia merupakan satu service agency. Kalau sekiranya hendak suruh MTIB mencari untung atau sekurang-kurang self-sufficient, dengan izin, sokonglah Rang Undang-undang ini, sebab dalam Rang Undang-undang ini terdapat provision-provision baru tambahan yang membolehkan MTIB memungut yuran bagi perkhidmatan yang diberikan. Tetapi beliau tidak sokong Rang Undang-

undang ini, sebaliknya menimbulkan soal defisit, tentulah kalau kita melihat mana service department sekali pun tidak ada yang buat untung, kecuali sebuah syarikat yang ditugaskan untuk mencari untung.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, itu bangun itu buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kepong.

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Alias bin Md. Ali: Penjelasan tidak ada, saya tidak ada masa banyak ini. Yang Berhormat dari Kepong bercakap setengah jam, saya tidak ganggu, duduklah.

Dr Tan Seng Giaw: Tetapi saya telah menyentuh banyak point, tidak dijawabkan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya belum habis, hendak jawab macam mana sedangkan Yang Berhormat mengganggu.

Dr Tan Seng Giaw: Itu point yang bernas, banyak point yang bernas.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya ada catatan di sini, kalau ada masa saya akan jawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk, dia hendak jawab.

Dr Tan Seng Giaw: Saya diminta keluar daripada situ, masuk ke sini dan hendak ganggu lagi.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Duduklah, Yang Berhormat dari Kepong ini berlakon 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengatakan MTIB hidup di atas keuntungan faedah daripada simpanan tetap. Kalau buang itu, operasi MTIB kena tutup. MTIB selain daripada mendapat untung melalui fixed deposit ada juga mendapat kutipan daripada duit ses. Itu sahajalah pendapatan, sebab itu Rang Undang-undang ini kita bentangkan supaya lain-lain perkhidmatan dapat kita kenakan bayaran.

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga meminta penjelasan apa sebabnya kita kenakan levi ke atas kayu yang di eksport.

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Penjelasan tidak ada, duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi menyebut tentang akaun tahunan MTIB dan juga teguran audit. Sekarang saya hendak beritahu.

Tuan Lim Guan Eng: Mengenai defisit urusan. Boleh berikan penjelasan?

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya sudah jelaskan MTIB, kalau saya bercakap, duduklah! Ini bukan sekolah.

Tuan Lim Guan Eng: Berikan jalan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ini bukan sekolah, duduklah!

Tuan Lim Guan Eng: You bukan guru.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya bukan guru, awak bukan murid, kerana itu kita bersidang dalam Parlimen.

Tuan Lim Guan Eng: You bukan murid, nyata bukan murid, you tidak layak jadi murid.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya telah jelaskan MTIB bukanlah sebuah institusi badan pencari untung, kerana itu statement of accountnya mungkin menunjukkan defisit, dia tidak mesti mendapat untung kerana itu bukan fungsinya.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Ini apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tengah hendak memberi penjelasan, awak buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk, dia tidak beri Yang Berhormat. Yang Berhormat diam sahajalah, tidak beri langsung namanya.

Dato' Alias bin Md. Ali: Teruklah!

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga telah menimbulkan soalan adakah ini kerana pegawai-pegawai MTIB terlalu boros, duduk rumah bungalow, sewa \$4,000 sebulan, dapat keistimewaan, menjadi ahli exclusive club, dapat kereta mewah dan sebagainya. Inilah saya kata beliau tidak memahami tatacara bagaimana pegawai-pegawai Kerajaan ataupun separuh Kerajaan mendapat ganjaran. Pegawai-pegawai MTIB tertakluk kepada peraturan-peraturan gaji, imbuhan, elaun yang didapati oleh pegawai-pegawai Kerajaan lain.

Ia bukanlah sebagai sebuah Perbadanan, sebuah Lembaga boleh dengan sewenang-wenangnya buat, duduk di rumah berjuta-juta ringgit atau beli motokar Rolls Royce kepada Chief Executivenya, tidak ada. Ketua Eksekutif MTIB adalah sama seperti Ketua Pengarah lain-lain jabatan, apa yang dinikmati oleh Ketua Pengarah lain-lain jabatan, itulah yang dinikmati. Kalau ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa

Ketua Pengarah atau mana-mana juga pegawai-pegawai MTIB dibayar elau yang berlebihan, gaji yang berlebihan ataupun mendapat keistimewaan-keistimewaan yang melebihi daripada apa yang patut dia dapat, Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila buat laporan, hari ini juga saya akan mengambil tindakan. (*Tepuk*)

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Duduklah, saya bangun dahulu.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tidak meminta Yang Berhormat itu bangun, saya tidak meminta Yang Berhormat itu menjawab. Saya minta Yang Berhormat itu buat laporan dan aduan kepada saya. Silalah duduk. Ini kalau dia mengata orang, orang boleh dengar, tetapi kalau orang jawab mengata dia, dia tidak boleh dengar, dia tidak sanggup, inilah namanya sahaja parti demokratik tetapi orangnya tidak demokratik.

Tuan Zubir bin Embong: I agree with you. (*Ketawa*)

Dato' Alias bin Md. Ali: Yang Berhormat dari Kuala Terengganu hendak apa?

Tuan Zubir bin Embong: Saya hendak minta penjelasan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Silakan. (*Tepuk*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan.

Tuan Zubir bin Embong: Pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan bahawa Ketua Pengarah MTIB bergaji \$4,000, kemudahan yang diperolehi . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap, Kepong hendak apa?

Tuan Zubir bin Embong: Ini apa bangun ini? Tidak tahu peraturankah?

Dr Tan Seng Giaw: Peraturan Mesyuarat 36 (1).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed bin Haji Daud): Kepong duduk dahulu, dia hendak minta penjelasan, teruskan Kuala Terengganu.

Tuan Zubir bin Embong: Bahasa suruh duduk pun tidak tahu ini.

\$4,000 yang diperolehi oleh Ketua Pengarah, apakah Yang Berhormat sedar bahawa pendapatan atau gaji ataupun remuneration, dengan izin, yang diperolehi oleh Yang Berhormat dari Puchong yang menjadi Setiausaha Agung MTUC, \$6,000 dibayar oleh pekerja-pekerja tetapi dia telah membunuh masa depan pekerja-pekerja, mana yang lebih zalim? Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Zubir bin Embong: Duduklah, mengapa bangun itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia minta penjelasan, saya benarkan. Itu terpulang kepada Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar (*Tepuk*) dan saya tahu itu tidak wajar, itu namanya menindas kaum pekerja. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah juga menyebut tentang komen daripada Ketua Audit Negara kononnya tidak dihiraukan. Mana Ahli Yang Berhormat itu tahu komen daripada Ketua Audit Negara

ini tidak dihiraukan? Kita sedang mengambil langkah-langkah untuk menjawab supaya Audit Negara puas hati dengan akaun dan prestasi kewangan MTIB. Saya dapat memberi jaminan di sini kalau ada penyelewengan di MTIB dari segi kewangan dan sebagainya kita akan ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu bertanya apa tujuannya kita mengenakan levi untuk eksport kayu ini. Saya hendak menjawab begini. Dalam satu kursus yang diadakan untuk murid-murid Tingkatan 5, saya mengambil masa 30 minit untuk menjelaskan mengapa kita perlu kenakan levi ke atas kayu, tetapi Yang Berhormat dari Kota Melaka itu saya anggap sudah berhenti sekolah dan patut sudah dewasa, saya tak perlu jawab sebab ini soalan yang obvious, tak perlu saya jawab kenapa levi patut dikenakan.

Beliau juga bertanya kenapa Sabah dan Sarawak tidak dikenakan levi? Tuan Yang di-Pertua, Akta Perhutanan yang ada sekarang ini hanya meliputi Semenanjung Malaysia, tidak termasuk Sabah dan Sarawak, itulah special privilege yang kita beri kepada Sabah dan Sarawak oleh kerana keadaan-keadaan yang tertentu, yang khusus yang terdapat di Sabah dan Sarawak. Kalau kita kenakan secara menyeluruh Akta ini maka Sabah dan Sarawak akan menghadapi banyak kesulitan dan orang yang akan datang bising, memarahi Kerajaan Barisan Nasional ialah orang daripada DAP juga kerana menyusahkan Sabah dan Sarawak. Apabila kita memberi special treatment, dengan izin, kepada Sabah dan Sarawak, mereka pun tak faham dan membangkit-bangkitkan perkara itu.

Beliau bertanya tabung levi ini adakah dibuat dengan kebenaran Parlimen, itu yang saya kata beliau ini patut balik ke sekolah semula, patutlah beliau belajar balik, belajarliah daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong iaitu ayah beliau sendiri. Kalau dia baca undang-undang yang lama itu dia tidak payah timbulkan

perkara ini, kuasa Menteri sudah ada dalam undang-undang untuk mengenakan levi ini, apa hendak dibawa ke Parlimen. Kita tak gunakan, hendak buat peraturan yang macam itupun hendak balik kepada Parlimen sedangkan provision untuk buat itu sudah ada dalam undang-undang yang ada.

Beliau bertanya berapa jumlah kutipan levi yang dikenakan pada hari ini. Kita membentangkan akaun setahun sekali, bukan sebulan sekali. Levi ini baru dikenakan sehari dua dahulu sahaja, takkan bulan depan hendak bentang akaun hendak beritahu Ahli Yang Berhormat. Setahun sekali kita bentangkan akaun MTIB dan lain-lain institusi Kerajaan kena bentang akaun setahun sekali kepada Dewan. Itulah masa hendak query, bukannya baru kelmarin hendak kenakan levi, hari ini sudah hendak dapat tahu berapa jumlah yang dikutip. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya kata ucapan-ucapan itu mestilah harus kita buat homework sebelum sampai ke Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta ringkaskan, Yang Berhormat, dekat sejam.

Dato' Alias bin Md. Ali: Ya, saya hendak cuba ringkaskan. Saya hendak menjawab sekarang soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah di bawah perkara 27 daripada 27A sehingga 27K dan bahawa tindakan-tindakan ini tidak boleh dicabar di mahkamah. Saya kata kalau Ahli Yang Berhormat itu baca undang-undang ini betul-betul, beliau akan jumpa, dapat penjelasan, tak payah menunjukkan ketidaktahuannya itu kepada umum.

Peraturan ini dibuat untuk membolehkan pihak Ketua Pengarah memeriksa, merampas, menahan kayu, buku, lain-lain dokumen yang sekiranya

kalau dia syak ada sesuatu yang tak betul dan dalam proses menjalankan pelaksanaan inilah ada satu provision yang mengatakan, 'no court shall have jurisdiction to entertain any such action' untuk menahan dia daripada menjalankan kerja-kerja menyasat, menyelidik, menahan, memulangkan balik dan sebagainya. Provision ini hanya untuk menjamin bahawa dalam proses menjalankan pemeriksaan ini tidak ada court injunction sebab kalau tidak ada provision ini orang boleh pergi ke mahkamah buat court injunction dan Ketua Pengarah tidak dapat menjalankan tugasnya dengan berkesan.

Tetapi selepas itu, selepas didapati bahawa kesalahan telah berlaku dan kita bawa ke mahkamah, maka mahkamah bolehkan memutuskan sama ada tuduhan yang dibuat itu benar atau tidak dan bergantunglah kepada mahkamah, ia tetap ambil balik, rampas kuasa mahkamah seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Dia sudah cerita tentang perkara-perkara lama itu, sudah menghantui pemikirannya sehingga ada sedikit provision mengatakan mahkamah tak boleh campurtangan, dia mengatakan ini satu lagi tindakan daripada Kerajaan Barisan Nasional untuk merampas kuasa mahkamah. Ini satu pemikiran yang sungguh lemah, daif.

Tuan Yang di-Pertua, saya hormat kepada permintaan Tuan Yang di-Pertua untuk meringkaskan jawapan saya walaupun saya ingin menjawab beberapa pertanyaan Yang Berhormat dari Kepong, tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan . . .

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Saya tak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sekarang faham mengapa Yang Berhormat kena ambil tiga penggal sahaja menjadi seorang Yang Berhormat Timbalan Menteri, tak layaklah. Saya ingat tak ada

harapan menjadi seorang Menteri juga. Ini tak ada standard.

Dato' Alias bin Md. Ali: Itu bukan kerja awak lantik siapa-siapa jadi Menteri, itu kerja Perdana Menteri, Kerajaan pimpinan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengambil ingatan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong dan lain-lain Ahli Yang Berhormat, tetapi oleh kerana kesuntukan masa, saya tidak dapat menjawabnya satu persatu dan saya akan mengambil ingatan di atas apa-apa yang telah dibangkitkan itu. Seperti saya janji di awal tadi, sekiranya point-point yang dibangkitkan itu perlu diberi perhatian dan diambil tindakan, saya memberi jaminan akan mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu, Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Lee Lam Thye: Saya hendak bertanya apa akan terjadi dengan usul saya

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat

Tuan Lee Lam Thye: Usul yang

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sekejap Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: terkandung dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sekejap, duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Perkara Nombor 6.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk! saya tidak habis lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan iaitu usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua sekali urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan, dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

**RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA PERINDUSTRIAN
KAYU MALAYSIA
(PERBADANAN) (PINDAAN)**

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat bangun di bawah Peraturan berapa?

Tuan Lee Lam Thye: Saya bangun untuk merakamkan bantahan saya terhadap usul yang dicadang diluluskan

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak benarkan

Tuan Lee Lam Thye: . . . kerana ini bermakna

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya tidak benarkan kerana

Tuan Lee Lam Thye:bahawa usul saya yang begitu penting mengenai GSP tidak akan diberi peluang

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat bangun di luar Peraturan Mesyuarat. Saya tidak benarkan Yang Berhormat bangun.

Tuan Lee Lam Thye: Walau bagaimanapun, saya hendak merakamkan bantahan saya.

Tuan Pengerusi (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak benarkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperurusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 36—

5.53 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, Fasal 9 seksyen baru 9A yang mengenai Lembaga boleh memperuntukkan skim-skim perkhidmatan. Lembaga boleh memperuntukkan skim-skim perkhidmatan ini, adakah pindaan didorong oleh hasrat MTIB untuk menambahkan bilangan kakitangan? Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak pernah menyebut mengenai bilangan kakitangan MTIB yang tidak cukup. Adakah MTIB bercadang menawar terma dan syarat perkhidmatan dan gaji yang lumayan untuk menarik tenaga kerja mahir dan berpengalaman untuk bekerja dengan Lembaga? Jika ya, adakah terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan dan gaji yang ditawarkan akan setanding dengan sektor koperat swasta? Adakah tambahan perbelanjaan ini mungkin ditampung dengan hanya sumber kewangan tersedia ada atau mungkin perlu dibiayai dengan tambahan dalam peruntukan ataupun peruntukan yang ada sekarang dikekalkan dan cuma sumber-sumber yang lain diminta untuk menyumbang pada pihak MTIB?

Tuan Pengerusi, sediakala emolumen membentuk 44% daripada belanjawan MTIB pada anggaran MTIB berapa besarlah bahagian emolumen akan bertambah dengan berkuatkuasanya seksyen ini? Adakah bahagian emolumen akan bertambah?

Fasal 12, mengenai pengecualian daripada kehendak pendaftaran di bawah seksyen 13. Yang Berhormat sila jelaskan keadaan-keadaan di bawah mana pengecualian ini diberikan, berapa

lamakah tempoh pengecualian itu? Bolehkah pengecualian berlanjutan selepas yang pertama luput tempohnya.

Fasal 31, seksyen baru 33A dan 33B disiplin pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat. Dalam pindaan ini hendaklah terdapat satu Jawatankuasa Tatatertib bagi Lembaga yang terdiri daripada dua orang ahli yang akan dipilih dan daripada ahli-ahli Lembaga itu seorang daripada mereka hendaklah dipilih menjadi Pengerusi dan Ketua Pengarah yang dilantik di bawah subseksyen 1, seksyen 9. Dan pihak berkuasa Tatatertib berkenaan dengan tiap-tiap pegawai yang berkhidmat Lembaga selain Ketua Pengarah ialah Jawatankuasa Tatatertib Lembaga itu yang ditubuhkan di bawah subseksyen itu. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah subseksyen baru 33A ini dan 33B ada kait-mengait dengan kes Dr Jeffrey Kitingan. Adakah kedua-dua ini digubalkan untuk menghadapi kes seperti Dr Jeffrey Kitingan? Sekian, terima kasih.

5.57 ptg.

Dato' Alias bin Md. Ali: Tuan Pengerusi, tiga perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Yang pertamanya ialah soal mengadakan satu skim perkhidmatan bagi kakitangan Lembaga.

Sebenarnya, skim kakitangan Lembaga ini sudahpun ada dan skim ini adalah berasaskan kepada skim perkhidmatan Kerajaan yang ada sekarang ini dan MTIB sebagai sebuah agensi yang ditaja oleh Kerajaan tidaklah bermaksud untuk menyamakan skimnya dengan skim korporat daripada golongan swasta yang lebih tinggi. Sekarang ini kita ada 220 orang lebih kurang kakitangan dan jumlah ini mungkinlah akan bertambah pada masa-masa akan datang untuk memastikan MTIB ini berjalan seiring dengan pesatnya perkembangan industri berasaskan kayu pada masa ini dan pada masa akan datang. Jumlahnya tambahan itu tidaklah dapat kita pastikan buat masa ini.

Mengenai seksyen baru 33A, perkara ini adalah soal disiplin ahli-ahli, pegawai-pegawai ini adalah terletak di bawah tanggungjawab Jawatankuasa Disiplin. Yang sebenarnya, sudahpun wujud sekarang ini tetapi tidak mempunyai kuatkuasa undang-undang dan provisi yang kita ada ini ialah untuk memberi penguatkuasaan undang-undang kepada langkah-langkah yang diambil oleh pihak Jawatankuasa Disiplin itu. Ini tidak ada kena-mengena dengan apa yang berlaku di Sabah. Saya tidak tahulah macam mana ada berkaitan Sabah dengan sini sebab Datuk Jeffrey Kitingan itu bukan ahli pegawai MTIB.

Seksyen 13A ialah mengenai pengecualian (exemption). Perkara ini adalah suatu amalan biasa yang diberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan apa-apa syarat untuk mendapatkan seseorang itu daripada mendaftar di bawah seksyen ini. Walau bagaimanapun, pengecualian itu masih juga tertakluk kepada syarat-syarat lain yang terkandung di dalam ini, cuma beberapa syarat khusus sahaja yang ditentukan. Tetapi dari segi penguatkuasaan (enforcement), pelanggaran syarat dan sebagainya, orang yang diberi pengecualian itu masih lagi tertakluk kepada undang-undang ini. Untuk memuaskan hati Yang Berhormat, pengecualian itu dibuat oleh Menteri bukan secara sembunyi-sembunyi tetapi melalui pengisytiharan melalui *Warta Kerajaan* dan kerana itu tidak timbul sebarang keraguan mengenai sebab-sebab mengapa exemption itu diberi.

Fasal 1 hingga 36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA BERSAMA MALAYSIA-THAILAND

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.04 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang bernama Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini bertujuan bagi memberi kuatkuasa kepada perjanjian mengenai penubuhan dan pengendalian Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand dan bagi membuat peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, perjanjian mengenai Perlembagaan dan lain-lain perkara berhubung dengan penubuhan Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand atau PBBMT telahpun ditandatangani oleh kedua-dua negara Malaysia dan Thailand pada 30hb Mei 1990 yang lalu.

Perjanjian ini menandakan persetujuan kedua negara bagi menubuhkan satu badan berstatus corporate bagi tujuan pengeksploitasi sumber-sumber tidak hidup (non-living resources) di kawasan tuntutan bertindih di pelantar benua Malaysia dan Thailand masing-masing di kawasan luar pantai Kelantan dan selatan Thailand di Teluk Siam. Ini berikutan daripada Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani di antara Malaysia dan Thailand pada 21hb Februari, 1979 di mana cadangan untuk menubuhkan satu pihak berkuasa bersama telah dipersetujui apabila kedua-dua negara menemui jalan buntu bagi menyelesaikan masalah tuntutan bertindih di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan yang bertindih yang dituntut oleh Malaysia

dan Thailand adalah merupakan satu kawasan seluas kurang lebih 2,700 batu persegi yang terletak di antara kordinat-kordinat yang detailnya ada seperti di Bahagian III, Fasal 6, mukasurat 6, Rang Undang-undang ini.

Adalah dianggarkan sebanyak 3.5 trillion kaki padu simpanan gas terdapat di kawasan berkenaan selain daripada kemungkinan rizab-rizab minyak. Setakat ini sebanyak 10 prospek telah dikenalpasti dan daripada dua telaga yang telah digerudi, kedua-duanya menunjukkan kedapatan gas.

Adalah meragukan jika kawasan ini terus dipertikaikan oleh kedua-dua belah pihak dan tidak dieksploitasikan secara ekonomik. Sebagai penyelesaian, cadangan kerjasama melalui penubuhan PBBMT untuk mengeksploitasi kawasan tersebut adalah cara yang sebaik-baiknya yang dapat memanfaatkan kedua-dua negara. Sekiranya persefahaman kerjasama ini tidak diwujudkan, kawasan ini akan terus dipertikaikan.

Tuan Yang di-Pertua, persetujuan-persetujuan yang telah dicapai seperti termaktub dalam perjanjian di antara kedua negara yang membolehkan pihak berkuasa bersama ini ditubuhkan dan meneruskan operasi pengeksplorasinya adalah menggunakan prinsip-prinsip berikut:

- (i) operasi akan hanya melibatkan eksplorasi dan eksploitasi (exploration and exploitation) sumber-sumber tidak hidup (non-living resources) daripada kawasan berkenaan dan berkuatkuasa hanya sehingga 20hb Februari, 2029;
- (ii) semua operasi PBBMT akan dipertanggungjawabkan sama rata di antara Malaysia dan Thailand dan seterusnya semua faedah dan pendapatan akan diagihkan sama rata juga antara Malaysia dan Thailand;
- (iii) Malaysia dan Thailand akan mempunyai bidang kuasa

bertindih dalam perkara-perkara kuasa Kastam dan Eksais, percukaian dan pentadbiran serta penguatkuasaan undang-undangnya; dan

- (iv) struktur operasi di kawasan berkenaan adalah berdasarkan sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran (Production Sharing Contract (PSC)).

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas bahawa usahasama ini merupakan usahasama yang akan dipertanggungjawabkan sama rata di antara Malaysia dan Thailand; dan faedah serta pendapatan daripada usaha sama ini akan juga diagih sama rata di antara kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya nyatakan di sini bahawa Akta yang dicadangkan ini akan juga dibentangkan di Parlimen Thailand pada sesi mereka sekarang. Oleh kerana Akta yang dicadangkan ini telah digubal dalam dua teks bagi kegunaan masing-masing negara Malaysia dan Thailand, kedua-dua teks ini adalah bersamaan dari segi kandungan mahupun dari segi gubalan. Ini adalah untuk mengelakkan per-canggahan terhadap kedudukan PBBMT di Malaysia dan di Thailand dan kuasa Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand mengenai perkara-perkara yang diperuntukkan di dalam Akta ini termasuk kedaulatan Malaysia dan Thailand di kawasan berkenaan.

Walaupun kedua-dua Akta ini bersamaan, terdapat perbezaan yang perlu dibuat seperti berikut:

- (i) perkataan-perkataan "Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, with the advice and consent of the Dewan Negara dan Dewan Rakyat in Parliament assembled" pada perenggan 3 permulaan Akta dalam teks Malaysia diganti dengan perkataan-perkataan, "His Majesty the King with the advice

and consent of the National Assembly" dalam teks Thailand;

- (ii) Mahkamah-mahkamah yang mempunyai kuasa mendengar dan memutuskan kes-kes bersangkutan dengan pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta itu di bawah Seksyen 17;
- (iii) rujukan kepada perkataan "Minister" di dalam teks Malaysia diganti dengan perkataan "Minister of Industry" dalam teks Thailand; di dalam teks Malaysia "Minister" bermakna mana-mana Menteri yang dipertanggungjawabkan mengenai perkara-perkara petroleum seperti diperuntukkan melalui Akta Tugas-tugas Menteri 1969; dan
- (iv) amaun-amaun dalam matawang Malaysia di dalam teks Malaysia, seperti di bawah seksyen 20, dibekalkan dalam matawang Thailand (Baht) di dalam teks Thailand.

Akta yang dicadangkan berkenaan juga membekalkan beberapa peruntukan mengenai bidangkuasa dan kedaulatan Malaysia dan Thailand di kawasan berkenaan. Walaupun Malaysia dan Thailand telah bersetuju membahagikan bidangkuasa masing-masing, dalam perkara jenayah dan sivil mengikut garisan seperti diperuntukkan di bawah seksyen 18 Akta yang dicadangkan, kedua-dua negara mengekalkan kedaulatan dan tuntutan mereka masing-masing, di kawasan berkenaan. Dalam perkataan lain, perkiraan mengenai penubuhan PBBMT, termasuk pembahagian bidangkuasa di kawasan berkenaan, tidak akan menjejaskan tuntutan-tuntutan Malaysia dan Thailand mengenai kawasan berkenaan. Penentuan tuntutan itu hanya akan dapat diselesaikan setelah Malaysia dan Thailand dapat mencapai persetujuan mengenai sempadan pelantar benua di kawasan berkenaan.

Bagi membolehkan PBBMT berhak ke atas perkara-perkara di atas terutama sekali pada seksyen 5 Akta yang dicadangkan, PETRONAS akan juga terlebih dahulu meletakkan (assign) hak-haknya di kawasan berkenaan kepada PBBMT bagi tempoh wujudnya PBBMT, oleh kerana hak-hak itu telah diberi kepada PETRONAS melalui Akta Kemajuan Petroleum 1974.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dicadangkan ini juga mempunyai ciri-ciri penting seperti berikut:

- (i) PBBMT akan diberi taraf Juristic Personality bagi membolehkannya menjalankan kuasa dan tanggungjawab yang diperuntukkan di bawah Akta ini. Dengan adanya taraf ini Pihak Berkuasa Bersama akan boleh melaksanakan tanggungjawabnya sebagai suatu badan korporat yang mempunyai tanggungjawab serta sistem pengurusannya sendiri;
- (ii) bidangkuasa jenayah dan sivil dibahagikan antara Malaysia dan Thailand sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 Akta ini. Ini bermakna bahawa dalam hal-hal bidangkuasa jenayah dan sivil kedua-dua negara akan menguatkuasakan undang-undang masing-masing mengikut suatu garis yang dipersetujui yang membahagikan kawasan ini kepada dua bahagian. Pihak Malaysia akan menguatkuasakan bidangkuasa jenayah dan sivil mereka di kawasan ke Selatan garis yang dipersetujui itu dan pihak Thailand akan menguatkuasakan bidangkuasa yang sama di kawasan utara garisan yang sama. Ini diadakan bagi mengelakkan masalah-masalah percanggahan bidangkuasa perundangan masing-masing sekiranya kedua-dua

negara ingin menguatkuasakan perundangan masing-masing di dalam kawasan berkenaan.

- (iii) Pembahagian bidangkuasa jenayah dan sivil tidak akan menjejaskan apa-apa tuntutan Malaysia dan Thailand di kawasan berkenaan. Ini bermakna bahawa tuntutan-tuntutan Malaysia di kawasan berkenaan masih ada dan tidak diketepikan walaupun adanya Akta ini.

Adalah diharapkan dengan adanya Akta ini negara akan dapat ganjaran sepenuhnya daripada sumber-sumber tidak hidup di kawasan berkenaan terutama sekali petroleum memandangkan besar kemungkinan ini tidak dapat dibuat sekiranya kerjasama ini tidak dilaksanakan. Dengan adanya Akta ini dan dengan persetujuan penubuhan PBBMT serta terlaksananya usaha eksploitasi petroleum di kawasan berkenaan adalah dijangkakan pendapatan negara akan lebih bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya nyatakan di sini bahawa tarikh kuatkuasa Akta ini akan hanya berkuatkuasa sehingga 20 Februari, 2029 iaitu sehingga tempoh kuatkuasanya Memorandum Persefahaman 1979.

Mengenai segala huraian yang terperinci mengenai Rang Undang-undang ini adalah seperti di mukasurat 19 dan 20 Rang Undang-undang yang dikemukakan. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahl-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Setar.

6.15 ptg.

Dr Abdul Hadi bin Derani (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990 seperti yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong matlamat Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memudahkan eksploitasi sumber alam di kawasan perairan Malaysia-Thailand yang seluas 2,700 batu persegi di Teluk Siam. Sebenarnya masalah penindihan Zon Exclusive Economy (ZEE) sesebuah negara dengan negara jiran biasanya merumitkan pengeluaran kekayaan alam yang kadang-kadangnya menimbulkan konflik di antara mereka. Malahan dalam tahun-tahun 70an ketegangan berlaku di antara beberapa negara di persekitaran Laut China Selatan. Tentera China umpamanya telah pernah menyerang beberapa pulau kecil di kawasan Paracel dan Sprattly untuk menyingkirkan tentera-tentera Vietnam yang bertugas di tempat-tempat tersebut. Akibat serangan-serangan ini tentera-tentera China telah menduduki pulau-pulau kecil di Paracel dan Sprattly dan mengancam negara-negara jiran yang mempunyai tuntutan bertindih di kawasan yang sama khususnya Vietnam, Taiwan, Filipina dan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kegunaan kekerasan seperti serangan-serangan tentera boleh menimbulkan berbagai krisis di perairan Laut China Selatan dan mungkin mencetuskan persengketaan yang lebih luas. Maka adalah sangat wajar bagi negara-negara sahabat terutamanya di dalam gabungan ASEAN berusaha untuk mencari jalan bukan sahaja bagi mengelakkan konflik tetapi juga mengambil kesempatan untuk bekerjasama melalui Memorandum Persefahaman dan seterusnya penubuhan satu badan Pihak Berkuasa Bersama seperti yang dilakukan oleh Malaysia dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, pengusaha-pengusaha asing bersama pengusaha-pengusaha tempatan dapat menjalankan berbagai aktiviti di Teluk Siam terutamanya untuk mencarigali dan seterusnya mengeluarkan petroleum dan gas yang merupakan bahan-bahan tenaga penting dewasa ini. Pengeluaran tersebut boleh membawa keuntungan lumayan kepada syarikat-syarikat minyak asing seperti Shell, Exxon dan Mobil di samping keuntungan kepada syarikat-syarikat minyak tempatan iaitu PETRONAS dari Malaysia atau SUMMIT dari Thailand. Sambil itu kedua-dua Kerajaan juga akan mendapat hasil melalui cukai minyak yang dikenakan terhadap pengeluaran petroleum dan gas dari kawasan yang terlibat. Aktiviti-aktiviti carigali dan penggalian minyak akan juga mewujudkan pekerjaan-pekerjaan baru yang boleh menguntungkan rakyat-rakyat di kedua-dua buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik makluman bahawa Thailand juga telah menggubal undang-undang yang sama untuk maksud yang sama. Kalau Thailand bercadang membuat undang-undang yang sama untuk kawasan pembangunan bersama di Teluk Siam, maka banyak kesulitan boleh dielakkan melalui penyelarasan undang-undang di kedua-dua negara. Tidak ada gunanya jika negara kita sahaja yang menggubal dan menguatkuasakan satu undang-undang yang tidak ada persamaannya dengan undang-undang di Thailand. Ia akan menimbulkan masalah penguatkuasaan undang-undang dari Malaysia terutamanya jika ia melibatkan kawasan atau hak-hak rakyat asing.

Sepertimana kita semua maklum, undang-undang yang melibatkan hak atau kepentingan negara-negara asing hanya akan dapat berjalan dengan licin sekiranya ada persetujuan oleh semua pihak. Oleh itu kita berharap segala

langkah yang diambil untuk menyelaraskan semua perkara berkenaan dengan undang-undang ini dipercepatkan oleh Malaysia dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Rang Undang-undang untuk mengawal kawasan pembangunan bersama Kerajaan Malaysia dan Thailand harus juga memberi tumpuan terhadap masalah-masalah yang wujud di kawasan berkenaan. Di antaranya ialah masalah keselamatan akibat aktiviti-aktiviti lanun yang bukan sahaja mengancam keselamatan nelayan-nelayan Malaysia, tetapi juga mengancam pekerja-pekerja pelantar-pelantar minyak. Kerajaan Malaysia dan Thailand harus mengadakan rondaan bersama di perairan berkenaan. Melalui rondaan-rondaan bersama inilah maka aktiviti lanun dapat dikawal, kalau tidak imej kedua-dua negara akan tercemar akibat keganasan lanun di Telok Siam. Lebih-lebih lagi sejak beberapa tahun ini lanun-lanun di kawasan Telok Siam telah berkali-kali terlibat dalam pembunuhan dan rompakan terhadap bot-bot pelarian-pelarian dari Vietnam. Masyarakat antarabangsa sering membuat anggapan bahawa selama ini kekejaman yang dilakukan terhadap pelarian-pelarian Vietnam adalah disebabkan oleh tidak kemampuan Kerajaan Thailand mengawasi perairan di kawasan berkenaan.

Kita tidak harus dituduh kelak oleh pihak yang sama semata-mata kerana kita tidak mengambil langkah-langkah tertentu bagi menjamin keselamatan pekerja-pekerja minyak dan jug kapal-kapal yang menggunakan laluan di kawasan pembangunan bersama Malaysia/Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Bersama ini yang mencontohi kerjasama rapat di antara Malaysia dan Thailand sejak beberapa dekad melalui Perjanjian Jawatankuasa Bersama Sempadan Malaysia/Thailand. Kerjasama tersebut telah mewujudkan satu persefahaman yang agak erat di

antara Malaysia dan Thailand dalam bidang keselamatan terutamanya ancaman dari komunis di sempadan di suatu masa yang lalu dan juga masalah penyeludupan di antara kedua-dua negara. Namun begitu, kadang-kadang perjanjian seperti ini terjejas oleh perkembangan-perkembangan tertentu. Umpamanya penempatan Pasukan Keselamatan Malaysia khususnya anggota-anggota Pasukan Polis Hutan (PPH) di Sempadan Thai terutamanya di Betong dan Sadau pernah dikedam oleh Kerajaan Thai di tahun-tahun 1970an sehingga menyebabkan pengunduran beratus-ratus anggota PPH. Perkara ini sebenarnya tidak harus berlaku jika Thailand menghormati persefahaman Jawatankuasa Bersama Sempadan yang ditandatangani sejak beberapa tahun sebelumnya. Tetapi perkembangan politik dalam Thailand telah menggugatkan persefahaman tersebut.

Saya harap perkara yang sama tidak pula berlaku terhadap persefahaman yang telah diwujudkan di antara Malaysia dan Thailand berkenaan dengan kawasan pembangunan bersama di Telok Siam. Oleh itu jaminan-jaminan hendaklah diperolehi daripada Kerajaan Thailand supaya persefahaman mengenai eksploitasi sumber-sumber dasar laut dalam kawasan tertentu di Telok Siam tidak akan terjejas. Jika ini berlaku maka peluang untuk mendapat keuntungan daripadanya akan terlepas dan kedua-dua negara akan rugi. Sebaliknya, jika ada jaminan-jaminan tertentu kedua-dua negara bukan sahaja akan untung, tetapi juga membolehkan Malaysia dan Thailand bekerjasama dengan lebih erat lagi dalam bidang ekonomi sejajar dengan semangat pembangunan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Bahagian VII Rang Undang-undang ini, iaitu berkenaan dengan kontrak bagi carigali dan eksploitasi.

Mengikut Fasal 14 (3) (d) sesuatu kontrak bagi carigali dan eksploitasi

petroleum dan lain-lain diberi tempoh masa tidak lebih daripada 35 tahun. Saya rasa tempoh masa 35 tahun untuk sesuatu kontrak ini adalah terlalu lama, ianya seolah-olah memberi hak kepada sesuatu atau seseorang kontraktor mengeksploitasi sesuatu telaga minyak itu buat selama-lamanya oleh kerana bekalan minyak yang dijumapai . . .

Tuan Hu Sepang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Rasah hendak apa?

Tuan Hu Sepang: Point of order, tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 12, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(*Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Kota Setar.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Terima kasih kepada ahli DAP yang memanggil kuorum.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, point of order 2 (1) mengenai tempat duduk, nampaknya Menteri Perusahaan Utama duduk di tempat yang salah. (*Ketawa*) On a point of order, apa ini—bodoh. Buat satu perintah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' K. Pathmanaban: Yang Berhormat dari Rasah . . .

Tuan Hu Sepang: Buat satu perintah mengenai tempat duduk, kalau tidak ada . . .

Dato' K. Pathmanaban: Tarik balik perkataan 'bodoh'.

Tuan Hu Sepang: Siapa bodoh, Yang Berhormat dari Telok Kemangkah?

Dato' K. Pathmanaban: You kata tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Rasah.

Tuan Hu Sepang: Kurang bijaklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Adakah perkataan 'bodoh' disebut?

Tuan Hu Sepang: Tarik balik—tidak apa, kurang bijak sama juga, jadi duduk di tempat yang tepat mengikut Peraturan Mesyuarat 2 (1) mengenai tempat duduk. Bagaimana dengan Menteri jadi Timbalan Menteri sekarang, sudah turun pangkat. (*Ketawa*)

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Hu Sepang: Ini saya tidak boleh tahan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu Yang Berhormat dari Rasah baca. Dia loyar buruk, mana ada Peraturan itu—cuba baca. Saya hendak dia baca 21.

Tuan Hu Sepang: 2 (1).

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Baca, baca.

Tuan Hu Sepang: Dengar baik-baik.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Baca baik, baik.

Tuan Hu Sepang: 2 (1)—Menetapkan Kerusi Ahli-ahli. Pada hari yang pertama diadakan mesyuarat selepas Pilihanraya dan kemudian daripada itu sehingga kerusi bagi tiap-tiap ahli ditetapkan, ahli-ahli hendaklah duduk di mana-mana jua (*Ketawa*)saya belum habis,tempat yang diaturkan oleh Setiausaha. Itu dia. Jangan ketawa dahulu, itu betul 2(1). Tuan Speaker, mesti buat satu perintah menyuruh Menteri duduk tempat dia. Jikalau dia hendak turun pangkat, itu dia punya fasal.

Dato' Alias bin Md. Ali: Kami tengah berunding mengenai Kementerian.

Tuan Hu Sepang: 2 (1), kalau tidak mahu, mana-mana pun boleh duduk, saya akan duduk atas. (*Ketawa*)

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay! Ahli dari Rasah, duduk. Yang Berhormat Menteri hendak duduk di sebelah Timbalan Menteri sekejap—saya boleh benarkan.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh, kalau dia tarik balik kenyataan 'bodoh', saya boleh balik ke tempat saya.

Tuan Hu Sepang: Sudah berapa kali, bodoh, sudah tarik balik itu perkataan 'bodoh'.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta tarik balik.

Tuan Hu Sepang: Ya, sudah tarik balik tadi. Perkataan 'bodoh' itu.

Dato' Dr Lim Keng Yaik: Ya, okay.

Tuan Hu Sepang: Jadi, duduk baliklah di tempat dia.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk balik.

Tuan Hu Sepang: Macam ini baru ada style sedikit. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kota Setar, teruskan.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat DAP yang suka mengganggu persidangan ini dan saya rasa dia ingin untuk mengganti tempat Tuan Yang di-Pertua pada satu hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi, saya rasa tempoh masa 35 tahun untuk sesuatu kontrak ini adalah terlalu lama. Ia seolah-olah memberi hak kepada kontraktor mengeksploitasi sesuatu telaga minyak itu buat selama-selamanya. Oleh kerana bekalan minyak yang dijumpai di sesuatu tempat, biasanya adalah dalam lingkungan jangka masa yang sama. Oleh itu, jika sebarang kontraktor diberi kebenaran mengeksploitasikan sesuatu telaga minyak, maka ini bermakna kontraktor tersebut akan berhak untuk mengeluarkan semua minyak sampai habis. Ini mungkin menyekat kontraktor-kontraktor atau penggali-penggali minyak lain mengeksploitasi kawasan yang sama. Kemungkinan ia boleh mewujudkan satu monopoli yang berterusan oleh seseorang kontraktor atau syarikat besar seperti Shell, Exxon atau Mobil dan boleh menjejaskan peluang kontraktor tempatan seperti Petronas dari Malaysia dan Summit dari Thailand untuk mengeksploitasi kawasan yang kaya dengan minyak di Telok Siam.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Oleh itu, saya rasa adalah lebih baik jika tempoh masa bagi carigali dan eksploitasi sesuatu kontrak dipendekkan kepada jangka masa yang lebih sesuai. Mungkin kontrak boleh dihadkan kepada jangka masa 20 tahun, bukan 35 tahun seperti yang dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja dan saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong, berapa lama?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak lama, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak lama itu berapa lama?

Dr Tan Seng Giaw: Tidak sampai 20 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak sampai 20 minit? Sila.

6.35 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak DAP yang memandang Rang Undang-undang ini penting, kerana Joint Development Area (JDA) ini, yang memang mempunyai sumber-sumber yang kaya dan daripada ucapan Yang Berhormat Menteri, saya dapati beberapa peruntukan yang telah dibuat, terutamanya mengenai PBBMT yang menjadikan satu Juridic Personality dan menjadi badan korporat, kuasa jenayah dan civil dan tuntutan Malaysia dan Thailand masih kekal serta sumber-sumber petroleum akan dibahagikan sama rata.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak mencatatkan satu penghormatan kepada Allahyarham Tun Hussein yang mengilhamkan perjanjian ini 11 tahun yang lepas. Memang Tun Hussein dan rakan sejawatnya dari Thailand, Jeneral Kriangsak Chomanan menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai Penubuhan Lembaga Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand untuk mengusahakan dan mengagih-agihkan secara sama rata sumber galian di kawasan perairan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, memang ilham Tun Hussein bersama-sama dengan Jeneral Kriangsak Chomanan ini suatu ilham yang baik sehingga dapat kita buat perjanjian hari ini. Ini juga salah satu langkah ke arah yang betul yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mencapai satu tahap kejayaan permulaan untuk men-carigali sumber-sumber yang terdapat di dalam dasar laut kira-kira 7,300 meter persegi itu. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dengan keunikan perjanjian ini, mungkin jarang kita nampak di seluruh dunia ada perjanjian sedemikian dan saya berharaplah keunikan perjanjian ini dapat memajukan kawasan itu.

Walau bagaimanapun, dengan masalah kedaulatan kawasan tersebut, Yang Berhormat Menteri tidak menjelaskan bagaimana kita dapat menyelesaikan kedaulatan ini, cuma perjanjian sahaja. Adakah soal itu masih ditangguhkan sehingga masa akan datang, kerana kawasan ini masih dipertikaikan di antara kedua-dua negara dan satu perkara yang penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana sistem Kerajaan di Thailand dengan sistem Kerajaan di Malaysia adalah tidak serupa.

Tuan Yang di-Pertua pun sedia maklum kadangkala kegiatan dan amalan mereka tidak serupa dengan pihak kita dan adakah ini akan menghalang keberkesanan Lembaga tersebut. Memang di dalam sidang AIPO pun kita nampak tidak serupa juga, kadangkala kita susah untuk menguruskan sesuatu kerana amalan yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak kawasan ini telah dibahagikan kepada 3 kawasan untuk maksud mencarigali, sumber galian ini dimaksudkan hanya petroleum dan gas petroleum. Saya hendak bertanya di sini adakah sumber-sumber yang lain yang akan dicari dan akan diusahakan selain daripada petroleum dan gas dan apakah cara-cara yang digunakan, misalnya, di dalam 3 kawasan untuk cari gali ini, satu diberikan kepada Syarikat Amerika, Triton. Adakah ini benar?

Dan yang kedua, satu kawasan ini diberi kepada PETRONAS Carigali dan yang ketiga mungkin akan diberi kepada PETRONAS dan juga Petroleum Authority of Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, kalau diberi satu kawasan yang sama diberi kepada dua syarikat carigali macam mana ini dapat dijalankan, dua kawasan yang lain masing-masing diberi kepada Triton dan PETRONAS dan kemudian satu kawasan sahaja yang tidak begitu besar diberi kepada dua syarikat. Adakah ini merupakan satu perkongsian di antara PETRONAS dengan Petroleum Authority of Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan mengenai komposisi Lembaga? Nampanya ada Pengerusi bersama di antara Malaysia dengan Thailand dan juga enam ahli yang lain. Apakah tempoh mereka tiap-tiap ahli dan juga Pengerusi untuk Lembaga itu dan di dalam Lembaga ini adakah di tahap Menteri ataupun di tahap pegawai-pegawai tinggi Kerajaan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, nampanya Lembaga ini hanya untuk mengurus sumber-sumber laut marine galian sahaja dan tidak termasuk sumber-sumber laut ataupun marine hidup, adakah satu Lembaga yang lain yang akan ditubuhkan untuk maksud sumber-sumber laut. Saya takut kalau tidak diadakan badan yang lain ataupun badan ini juga bertanggungjawab untuk sumber-sumber laut maka akan timbul perselisihan, pergeseran, pergaduhan dan ketidakfahaman di antara Thailand dengan Malaysia. Sebab saya nampak dari segi sumber-sumber laut memang pihak Thailand lebih berupaya mempunyai dasar yang lebih agresif dan setakat ini mungkin hampir semua aktiviti untuk sumber-sumber laut itu dijalankan oleh pihak Thailand dan pihak Malaysia itu saya ingat tidak banyak kerana kita tidak begitu agresif. Ini satu perkara yang memang akan menimbulkan kesusahan. Bolehkah badan yang lain ditubuhkan untuk menguruskan hal-hal mengenai sumber-sumber laut di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kuasa jenayah dan sivil. Yang Berhormat Menteri telah sebutkan bahawa kuasa ini dibahagi atas dasar satu garisan di mana kawasan selatan garisan itu mengikut undang-undang Malaysia dan di kawasan yang utara daripada garisan itu mengikut undang-undang Thailand. Saya pun tidak tahulah sama ada di dalam kawasan luasnya 7,300 adakah dibahagi sama rata ataupun mengikut garisan yang lain, saya tidak begitu faham mengenai cara-cara untuk membuat sempadan.

Dan kerana undang-undang di Thailand tidak serupa dengan undang-undang Malaysia, bagaimana perkara ini dapat dijalankan, terutamanya seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar mengenai lanun. Saya percaya lanun daripada Malaysia ini kurang tetapi daripada Thailand itu banyak. Dan apakah cara-cara yang akan digunakan untuk mengatasi masalah lanun dan sebagainya di dalam kedua-dua kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya bangkitkan satu hal di sini mengenai sumber galian. Walaupun ada disebutkan oleh Yang Berhormat tadi didapati lapan telaga, lapan kawasan di mana ada kegiatan carigali. Yang dua telaga itu sudah jumpa gas yang boleh dihasilkan dan ini memang mengambil masa yang panjang, sementara itu Malaysia keluarkan banyak gas dan petroleum. Baik kita menggunakan peluang ini untuk menjual gas kepada Thailand, menjual gas kita yang banyak itu yang tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya oleh pihak Malaysia, kita jual kepada Thailand. Kalau boleh buat perjanjian untuk mengadakan paip daripada Malaysia ke Thailand, kita bekalkan gas itu melalui paip ke selatan Thailand seperti mana satu perjanjian telahpun di meterai di antara Malaysia dan Singapura untuk membekalkan sumber gas daripada Malaysia ke Singapura. Saya berpendapat itu satu perkara yang hendaklah disegerakan oleh pihak Malaysia untuk mendapat perjanjian membekalkan gas melalui paip ke selatan Thailand, ini akan memanfaatkan pihak Malaysia kerana saya ulangkan sekali lagi usaha-usaha mencarigali di kawasan JDA itu memang mengambil masa yang panjang dan sebelum usaha-usaha ini mendatangkan hasil, kita mengambil peluang keemasan ini untuk memajukan industri gas di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.48 ptg.

Dato' Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat dari Kota Setar dan juga sahabat saya Yang Berhormat dari Kepong kerana telah memberi beberapa pandangan, teguran dan cadangan atas usaha kita hendak meluluskan Rang Undang-undang ini supaya ianya dapat digunakan dengan lebih berkesan dan lebih memberi kuatkuasa dan makna kepada satu perjanjian yang telah ditandatangani oleh negara kita dengan negara Thailand pada 30hb Mei tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang ini merupakan satu Rang Undang-undang yang betul-betul unik, Rang Undang-undang yang saya rasa boleh menjadi model kepada banyak negara yang berhasrat bekerjasama dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Saya rasa ini merupakan satu contoh yang amat baik sekali. Dan usahasama yang akan dijalankan oleh kedua-dua negara kita iaitu Malaysia dan Thailand, hasil daripada persefahaman ini merupakan satu kerjasama yang bukan sahaja seperti mana disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kepong kalau tidak salah saya, 'unik' bukan sahaja di rantau ini, malah saya rasa merupakan satu-satunya kerjasama seperti ini di dunia setakat ini.

Suatu usaha untuk menggembelingkan tenaga dua negara bagi mengeksploitasikan sumber yang begitu berharga. Tuan Yang di-Pertua, seperti petroleum dan gas, suatu kawasan yang menjadi kawasan pertikaian di antara kedua-dua negara merupakan satu kerjasama dua jiran yang boleh dibanggakan dan boleh digunakan sebagai satu model bagi menyelesaikan masalah yang sama di dunia ini. Kita rasa kerjasama ini adalah amat sesuai dengan semangat kejiranan dan kesetiakawanan di negara-negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut berbangga dengan pencapaian ini kerana usaha ke arah pencapaian ini merupakan satu urusan yang rumit memandangkan keperluan menyelaraskan dua sistem perundangan yang berlainan, iaitu negara Malaysia dan Thailand sehingga mencapai satu kata sepakat seperti termaktub dalam Rang Undang-undang ini. Sebenarnya sepertimana saya jelaskan dalam ucapan saya tadi, Rang Undang-undang ini sama daripada isi kandungannya dan lain-lain, kecuali ada 3-4 perkara yang berlainan sedikit daripada segi, di sini kita menggunakan perkataan "Yang di-Pertuan Agong", di sana menggunakan "King", kita menggunakan "Ringgit", mereka menggunakan "Baht" dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sepatutnya juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua mereka yang terlibat, tadi disebutkan Allahyarham Tun Hussein yang boleh dikatakan mempeloporkan (pioneer) memorandum persefahaman yang telah ditandatangani pada 21hb Februari, 1979, kalau tak salah ingatan saya, dan tidak kurang saya rasa pentingnya dan patut kita ketahui peranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir sendiri kerana saya hadir bersama dalam satu mesyuarat di mana beliau telah membuat ketetapan untuk melaksanakan perjanjian ini. Saya yakin dan percaya bahawa tanpa kelulusan dan satu keputusan yang begitu waras sekali yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka saya yakin Rang Undang-undang ini ataupun perjanjian (agreement) ini tidak dapat dilaksanakan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka jugalah merakamkan rasa penghargaan Kerajaan kepada pegawai-pegawai kita, semua pihak yang terlibat di Kementerian-kementerian sama ada Kementerian Luar Negeri, Dalam Negeri dan terutama sekali pihak Penggubal Undang-undang yang telah bekerja begitu kuat sekali dan saya rasa mereka

itu adalah amat bijak sekali mengubalkan satu undang-undang yang dapat diterima oleh kedua-dua negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kota Setar tadi telah memberi pandangan yang waras, yang objektif, yang rasional. Satu sahaja perkara yang saya suka hendak jelaskan mengenai kebimbangan beliau tentang tempoh masa kontrak yang kita beri kepada syarikat-syarikat minyak ini. Mengikut kata beliau, dia rasa bahawa 35 tahun adalah terlampau lama kita berikan kepada satu-satu syarikat dan seolah-olah ini akan memberi satu monopoli kepada syarikat berkenaan dan tidak memberi peluang kepada syarikat-syarikat lain.

Tuan Yang di-Pertua, perlu saya jelaskan di sini bahawa explorasi ataupun industri petroleum ini bukanlah merupakan satu industri yang senang ataupun dapat dibuat oleh banyak orang ataupun banyak syarikat, selain daripada kepakaran, ianya juga memerlukan satu perbelanjaan yang begitu besar sekali dan mempunyai risiko yang begitu tinggi. Kadangkala satu-satu syarikat itu melabur begitu banyak wang membelanjakan begitu banyak wang berjuta-juta ringgit, tetapi tidak dapat menghasilkan apa-apa. Oleh itu kita rasa 35 tahun ini merupakan satu angka yang munasabah dan kalau kita lihat bahawa oleh kerana PAT kita ini begitu menarik sekali, maka banyaklah syarikat-syarikat sanggup datang ke negara kita dan mencarigali minyak di negara kita ini.

Sepertimana kita sedia maklum bahawa explorasi minyak dan gas ini merupakan satu perkara yang sukar terutama sekali di lautan-lautan besar dan kadangkala explorasi sahaja mengambil masa lebih kurang 5 tahun ataupun lebih, kadangkala tak dapat apa-apa, saya tahu macam di Miri, Sarawak banyak wang ringgit telah dicurahkan di sana tetapi hasilnya hanya ada gas, tetapi tak merupakan satu pengeluaran yang ekonomik. Jadi kalau masa explorasi itu

mengambil masa 5 tahun, maka tempoh masa itu sudah kurang, tinggal 30 tahun lagi. Kalau sekiranya dalam explorasi itu mendapat satu-satu hasil, maka masa untuk membangunkan telaga (well) ini mengambil masa yang panjang juga, kadang-kadang mengambil masa bertahun-tahun sehingga 5 tahun ataupun kadangkala lebih, jadi ini sudah 10 tahun. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil hanya ada lebih kurang 20-25 tahun untuk masa pengeluaran (production period). Jadi kita rasa adalah munasabah untuk memberikan masa sebegitu panjang sekali. Itulah rasionalnya dan kita yakin ini merupakan satu-satunya tarikan (attraction) kepada syarikat-syarikat yang ingin hendak membuat explorasi dan exploitasi sumber asli kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong telah merakamkan penghargaan kepada Allahyarham Tun Hussein. Kita mengucapkan terima kasih dan saya harap juga Yang Berhormat mengetahui tentang peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri kita yang sekarang, seperti yang saya sebutkan tadi.

Beliau telah menimbulkan beberapa pertanyaan tentang bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah kedaulatan, adakah ini ditangguhkan, mengikut kata beliau, saya tidak memberi penjelasan tadi. Sebenarnya ada penjelasan saya dalam ucapan saya disebutkan bahawa sungguhpun kita menandatangani satu perjanjian seperti ini maka ianya tidak akan menjejaskan kedaulatan negara kita. Soal ekonomi, soal yang kita dapat bersama hasil daripada exploitasi ini kita kongsi dan soal menentukan sempadan (boundary) kita

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sekejap, kuorum tak cukup.

Tuan Yang di-Pertua: 21. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir)

Tuan Yang di-Pertua: 32, sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, mintalah adakan kuorum, kalau tidak, kita akan hilang masa yang banyak. Saya telahpun menjadikan Dewan ini jangan terlampau panas. Hari ini tak berapa sejuk sangat, macam kelmarin sejuk. Hari ini saya suruh panaskan sedikit, jadi tak payahlah keluar. Yang Berhormat Menteri, sila sambung.

7.00 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyebut tentang soal penyelesaian, kedaulatan dan juga sempadan negara kita. Jadi, usaha ini terus dijalankan, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita mengeksploitasikan sumber asli kita. Saya yakin dengan kerjasama ini ia akan dapat serba sedikit menolong menyelesaikan masalah sempadan ini.

Mengenai soalan sama ada sumber lain ada dicari selain daripada petroleum dan gas, setakat ini mengikut undang-undang itu apa yang kita beri kuasa di sini ialah kepada benda-benda yang tidak hidup, non-living resources. Jadi, ini tidaklah termasuk ikan dan lain-lain. Tetapi daripada sudut logam ataupun benda-benda lain, boleh. Tetapi saya yakin pihak syarikat minyak ini dia tidak hendak cenderung kepada bahan selain daripada gas dan minyak pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua—saya rasalah. Selain daripada itu...

Dr Tan Seng Giaw: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat dari Kepong bangun, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sekiranya ada syarikat atau badan yang tertentu yang berminat untuk mencari logam-logam yang lain, misalnya module di bawah dasar laut itu, apakah syarat-syarat yang

akan dikenakan? Adakah Kerajaan Thailand dan Malaysia akan membenarkan selain daripada petroleum dan gas?

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini terserahlah kepada badan PBBMT ini kerana kawasan ini diserahkan kepada mereka. They have the full rights. Kalau difikirkan bahawa ini akan membawa keuntungan, saya rasa mereka memberi keputusan yang positif. Jadi, selain daripada itu, mengenai soal syarikat yang mengeksploitasikan tiga kawasan itu, Tuan Yang di-Pertua, satu kawasan adalah dieksploitasikan oleh pihak PETRONAS, dan satu lagi oleh Petroleum Authority of Thailand (PAT) yang lebih kurang adalah sama (equivalent) dengan PETRONAS kita di sini. Satu lagi kawasan dieksploitasikan oleh Triton sepertimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat yang memang betul, dengan PETRONAS dan juga kawasan lain daripada yang saya sebut tadi dieksploitasikan oleh PETRONAS dan Petroleum Authority of Thailand. Jadi, di sini kalau kita lihat kerjasama ini berlanjutan sungguhpun kawasan itu dialienate kepada satu-satu syarikat, akan tetapi kerjasama sentiasa ada. Jadi, ini merupakan satu petanda yang amat baik, Tuan Yang di-Pertua.

Mengenai komposisi Lembaga yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, kalau tidak salah ingat saya, memang ada mengikut perjanjian yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara. Artikel 3, kalau Tuan Yang di-Pertua boleh izinkan saya membaca dalam bahasa Inggeris, berbunyi:

"Article 3, Membership.

"The Joint Authority shall comprise—

- (a) two co-chairmen, one each to be appointed by the respective government; and
- (b) an equal number of members to be appointed by each government provided that the initial number of members, excluding the co-

chairmen, to be appointed by each government shall be six."

Ini adalah penjelasan tentang istilah 'member' ini—"Member shall, for the purpose of this Agreement and unless context otherwise requires, include a co-chairman." Itulah penjelasan yang dapat saya beri.

Selain daripada itu, adakah Menteri ataupun hanya pegawai-pegawai tinggi sahaja duduk dalam ini, tidak adalah Menteri, tetapi pegawai-pegawai tinggi sahajalah. Menteri yang bertanggungjawab atas soal ini, kalau bagi pihak Thailand, sepertimana yang saya jelas tadi ialah Menteri Perusahaan, iaitu Minister of Industry di sana dan di sini ialah Menteri yang dipertanggungjawabkan dalam bidang petroleum mengikut Interpretation Act.

Mengenai soal sama ada adakah Lembaga lain untuk sumber-sumber laut, saya rasa tidak ada setakat ini. Pada masa ini kita hanya sekatkan kepada exploitation of non-living resources. Jadi apa sahaja yang ada di bawah ambit non-living iaitu tidak hidup, maka Lembaga inilah yang bertanggungjawab.

Jadi, mengenai kuasa sivil dan lain-lain yang disebut tadi, itu memang ada. Sepertimana saya katakan tadi, ada satu garis berselintang (imaginary line) yang kita buat. Di sebelah atas garis itu kalau ada apa-apa kesalahan ianya mengikut undang-undang Thailand dan di bawah garis itu adalah di bawah jurisdiction, kuasa dan mengikut undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan mengenai cara-cara mengatasi lanun di kawasan ini, inilah kesan baik atau the spin-off effect kalau saya boleh diizinkan menggunakan perkataan ini. Selain daripada kerjasama ini kita sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan di kawasan Joint Authority ini.

Tentang penjualan gas kita ke Thailand ini memang sentiasa kita buat. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya

kadangkala jadi macam salesman menjual gas, dan saya pergi ke Thailand dan pergi ke Korea dan Jepun hendak menjual gas kita. Jikalau sekiranya pihak Thailand sanggup membeli dan kita ada cukup bekalan, maka insya Allah kita memang hendak menjual gas kita kepada mereka.

Jadi, begitulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dapat saya jelaskan serba-sedikit dan apa-apa perkara yang saya tidak dapat jelaskan di sini, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil perhatian apabila saya mendapat *Hansard* nanti, dan jika sekiranya ada di antara cadangan-cadangan itu merupakan cadangan yang baik yang kita rasa patut diambil hitungan dalam menentukan dasar atau pelaksanaan tugas kita, kita akan berbuat demikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG STANDARD-STANDARD MINIMUM PERUMAHAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.11 m/m.

Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menetapkan standard-standard minimum perumahan dan pusat asuhan kanak-kanak bagi pekerja-pekerja dan tanggungan mereka untuk menghendaki majikan menguntukkan tanah bagi penanaman dan ragut di tempat pekerjaan untuk menghendaki majikan menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan, hospital, perubatan dan sosial dan untuk memperuntukkan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mencerminkan satu komitmen dan usaha Kerajaan yang berterusan sejak kita sudah merdeka untuk membawa kemajuan dalam nasib dan kesejahteraan pekerja-pekerja negara kita. Rang Undang-undang ini menggantikan dan memperbaiki lagi piawaian-piawaian dalam Akta (Piawaian Minimum Perumahan) Pekerja 1966 serta memperkemas dan menyatukan (consolidate) undang-undang yang sedia ada dan terkandung dalam beberapa buah undang-undang berasingan. Dan Rang Undang-undang ini mengandungi juga beberapa bahagian dan seksyen yang baru untuk memberi perlindungan dan kemudahan-kemudahan yang lebih sempurna kepada masyarakat pekerja kita di ladang-ladang, lombong-lombong dan di lain-lain tempat pekerjaan di mana

majikan membekalkan perumahan bagi pekerja mereka.

Peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Rump Labour Code sejak awal tahun-tahun 1900 lagi telah diperbaharui secara lebih lengkap dan sesuai untuk mewujudkan hospital-hospital dan klinik-klinik di estet-estet dan lombong-lombong.

Peruntukan dalam Bahagian III Rang Undang-undang ini mencerminkan satu langkah yang lebih kemas dan berkesan dalam menentukan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang lebih baik dan berkesan untuk masyarakat pekerja. Rang Undang-undang ini juga dalam Fasal 10 menghuraikan peruntukan-peruntukan untuk mewujudkan kemudahan pusat-pusat asuhan kanak-kanak sebagai menggantikan tempat menjaga kanak-kanak yang diperlukan dahulu. Tujuan perubahan ini ialah untuk menentukan bahawa pusat-pusat ini akan menjadi tempat untuk memperkembangkan keupayaan dan kehidupan kanak-kanak sehingga umur 4 tahun. Pusat-pusat ini walaupun pada asalnya menjaga kanak-kanak semasa ibu bapa mereka pergi bekerja diberi peranan yang lebih membina dan kreatif bagi merangsangkan kemajuan mental dan fizikal kanak-kanak itu.

Rang Undang-undang ini menentukan beberapa aspek yang mempertingkatkan piawaian-piawaian rumah-rumah pekerja. Pada amnya ruang perumahan diperbesar. Peruntukan dibuat pada pertama kali untuk sekurang-kurangnya dua bilik tidur serta tempat masak, makan dan mandi dan tandas built-in. Keadaan yang sudah biasa begitu lama di estet-estet di mana tempat mandi dan, tandas dibina secara berkelompok atau communal akan ditamatkan.

Pembekalan air yang bersih dan cukup dan elektrik adalah diperlukan. Jika bekalan kedua-dua utiliti atau kemudahan dari sumber Kerajaan tidak dapat dibuat kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, pembekalan air

paip melalui sumber ladang atau lombong sendiri yang sempurna diperlukan. Kuasa juga diberi kepada Ketua Pengarah Buruh untuk mengarahkan pengwujudan kemudahan-kemudahan permainan dan rekreasi serta dewan-dewan masyarakat dan sebagainya.

Pada amnya, adalah tepat jika saya mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuka satu era baru bagi masyarakat pekerja ladang dan lombong dengan mempertingkatkan standard perumahan dan kemudahan-kemudahan asas.

Konsep dan usaha-usaha asuhan kanak-kanak di bawah Rang Undang-undang ini lebih mirip kepada pembangunan masyarakat itu daripada perlindungan kehidupan mereka semata-mata. Penglibatan Kerajaan, seberapa yang boleh, melalui agensi-agensinya ke dalam pembangunan ini akan juga diwujudkan dalam bekalan air, elektrik dan kemudahan kesihatan serta perkara-perkara seperti kemudahan asuhan kanak-kanak, rekreasi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh masa negara sudah merdeka dan Akta tahun 1966 mengenai perumahan pekerja dikuatkuasakan adalah banyak kemajuan yang telahpun tercapai. Pegawai-pegawai serta Kementerian telah dapat menggalakkan majikan-majikan untuk menerima dan mengamalkan standard perumahan dan kemudahan asas yang agak luas juga. Dalam tempoh masa 25 tahun ini, hampir 50,000 unit rumah baru telah dibina di estet-estet dan di lombong-lombong sejajar dengan standard-standard yang tercatat dalam Akta 1966 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Tambahan kepada itu sebanyak 2,300 lagi rumah yang didirikan sebelum Akta 1966 itu berkuatkuasa, telah dibenar diubahsuai untuk memenuhi kehendak-kehendak Akta tersebut. Ini bermakna lebih kurang 80% daripada 85,000 rumah-rumah pekerja yang ada pada masa ini adalah dianggap memenuhi keperluan Akta tahun 1966 yang

dikuatkuasakan sekarang. Ini satu pencapaian yang agak memuaskan juga.

Hampir 88% daripada rumah-rumah yang dibina dahulu dengan kelulusan Jabatan Buruh di bawah Akta tahun 1966 telahpun hampir memenuhi kehendak-kehendak di dalam Rang Undang-undang yang kita bincangkan ini dengan bilangan dua bilik tidur dan ruang bilik-bilik lain yang sempurna. Ada juga lebih kurang 8% atau 4,000 rumah yang telah dibina dengan 3 buah bilik tidur dan kemudahan-kemudahan yang lain yang lebih menarik daripada standard di bawah Rang Undang-undang ini.

Selain daripada bangunan-bangunan perumahan itu kemajuan telah juga dicapai dalam menggalakkan kemudahan-kemudahan kehidupan seperti bekalan elektrik dan air walaupun keadaan dalam bidang ini masih kurang memuaskan. Sebanyak 41% daripada semua rumah pekerja sedia mempunyai tandas jenis flush atau curah yang terletak di dalam rumah. Lebih kurang 800 daripada 1,570 estet telahpun membekalkan elektrik melalui sambungan kepada bekalan LLN. Ini merupakan pencapaian 51%. Tambah lagi 543 daripada estet yang lain sedang memberi perkhidmatan elektrik kepada pekerja dan tanggungan mereka melalui generator sendiri.

Kementerian telah juga memujuk pihak majikan untuk mengadakan atau membantu dalam usaha kemudahan Tadika di ladang-ladang mereka. Kemajuan dalam perkara ini juga menggalakkan kerana kemudahan Tadika ini adalah satu usaha sukarela dan tidak diperlukan di bawah undang-undang.

Sejauh ini sejak lebih kurang 9 tahun kegiatan ini digalakkan, sebanyak 248 ladang telah mewujudkan 306 buah Tadika dengan lebih 10,000 kanak-kanak mendapat faedah ini. Daripada bilangan ini, 185 telah dianjurkan oleh majikan ladang sendiri, 49 buah oleh Kerajaan dan 13 pula oleh pihak NUPW. Ada juga

59 yang lain yang dianjurkan oleh badan-badan sukarela, pergerakan Pemuda dan sebagainya.

Dalam bidang kesihatan juga kemajuan dapat dilaporkan walaupun kelemahan-kelemahan dalamnya sedang lagi diperbaiki dengan tindakan berasingan di bawah Akta Hospital Swasta 1971. 65 buah ladang mempunyai hospital tersendiri atau secara kumpulan. 328 dispensari sedang bergerak sepenuh masa dan 262 dispensari lagi dibuka separuh masa. Selain daripada itu Klinik-klinik Bidan dan Pusat-pusat Kesihatan yang dibina oleh Kementerian Kesihatan telah wujud di merata negara dan ada banyak daripadanya yang terletak berhampiran ladang-ladang dan sedang memberi perkhidmatan kepada masyarakat pekerja ladang secara langsung melalui klinik-klinik bergerak ataupun pekerja dan keluarga mereka, melawatnya untuk dapat perkhidmatan. Kemajuan dalam bidang ini adalah pesat dan adalah diharapkan bahawa dengan pendaftaran hospital-hospital estet di bawah Akta Hospital Swasta 1971 dan pengawasan di bawah Bahagian III Rang Undang-undang ini, dispensari-dispensari dan klinik-klinik dalam estet banyak lagi kemajuan dapat dikesan.

Ada juga perkembangan dalam beberapa aspek lain dalam kehidupan masyarakat pekerja ladang, seumpamanya 212 estet atau 14% sedang menikmati kemudahan telefon awam. 30% estet ada kemudahan lampu jalan serta banyak lagi kanak-kanak di estet yang juga dapat menikmati kemudahan persekolahan yang lebih baik dengan pembinaan sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah yang baru berhampiran dengan estet-estet. Ada juga banyak majikan estet yang telah digalakkan membantu keluarga-keluarga pekerja dan memberi subsidi untuk perbelanjaan pengangkutan bagi anak-anak mereka pergi balik ke sekolah-sekolah ini. Segalanya ini adalah hasil usaha Kerajaan dengan kerjasama daripada pihak majikan dan juga pihak Kesatuan NUPW di beberapa tempat.

Keperluan undang-undang serta pendesakan dan tindakan pegawai-pegawai buruh yang melawati ke ladang-ladang telah membantu banyak dalam mencapai kemajuan ini bersama-sama dengan kemajuan pada amnya yang dianjurkan melalui rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan. Ini tidak boleh dinafikan. Walaupun demikian haruslah juga kita mengakui seperti kami telah menjelaskan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini bahawa terdapat beberapa kelemahan dan kekurangan yang serius di sektor ladang. Kelemahan-kelemahan ini telahpun ditinjau dan dikenalpasti oleh Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Kementerian-kementerian yang lain sebagai asas untuk merangka dasar undang-undang pendekatan dan tindakan yang baru dan lebih berkesan.

Rang Undang-undang ini serta beberapa langkah yang lain yang telah diumumkan adalah hasil tinjauan keadaan ini. Secara ringkas kita boleh mengakui bahawa lebih kurang 18,000 unit rumah yang kebanyakannya dibina sebelum Akta tahun 1966 itu dikuatkuasakan masih didapati tidak langsung mematuhi keperluan Akta tahun 1966 itu. Ini merupakan 20% daripada semua rumah pekerja yang sedia ada. Keadaan rumah-rumah ini adalah amat buruk dan perlu digantikan keseluruhannya di bawah undang-undang yang baru. Bangunan perumahan dari segi bilangan bilik dan luas ruangan adalah tidak memuaskan dan hampir 20% rumah-rumah yang sedia ada mungkin perlu digantikan keseluruhannya juga.

Selain daripada itu apa yang lebih serius adalah bahawa hanya 462 ladang daripada jumlah 1,570 ladang dengan perumahan pekerja sedang menikmati bekalan air ke rumah-rumah pekerja melalui airpaip bekalan Kerajaan iaitu hanya 29%. Walhal 37% rumah-rumah pekerja diberi perkhidmatan airpaip dari sumber-sumber yang lain yang kurang memuaskan iaitu sungai, kolam, tube well, catchment sendiri serta perigi dan

sebagainya. Kajian Kementerian Kesihatan terhadap bekalan air di estet-estet menunjukkan bahawa pada amnya hampir 80% daripada bekalan air melalui sumber estet-estet sendiri tidak memuaskan dari segi penapisan dan rawatan klorin.

Tambahan kepada itu sebanyak 41% daripada penduduk estet terpaksa menggunakan kemudahan tandas yang tidak memuaskan iaitu tandas-tandas berkelompok yang digunakan bersama-sama di luar rumah biasanya tidak memuaskan. Dan lebih kurang di 390 estet ini pekerja-pekerja masih bergantung kepada tandas jenis berlubang atau 'peat laterine'. Kekurangan-kekurangan dalam bekalan air dan kebersihan alam sekitar iaitu keadaan buruk dalam kemudahan tandas, peraliran air longkang dan sebagainya, memang menjadi satu masalah kesihatan dan kesejahteraan pekerja ladang yang besar dan merungsiangkan. Insiden serangan cacing, worm infestation dan penyakit-penyakit kulit, diarrhoea dan berkaitan dengan malnutrition dan sebagainya di kalangan pekerja-pekerja dan anak-anak pekerja ladang ada berkaitan dengan kekurangan ini. Ini menjejaskan sedikit sebanyak produktiviti pekerja dan perkhidmatan kehidupan dengan sepenuh-penuhnya di kalangan masyarakat pekerja.

Begitu juga dalam bidang bekalan elektrik yang pada zaman sekarang sudahpun menjadi satu keperluan dan bukan lagi satu kemewahan. Terlalu banyak iaitu di 773 ladang daripada jumlah 1,570 ladang iaitu setengah masih lagi bergantung kepada sumber elektrik alat generator mereka sendiri dan kerana itu terpaksa memberi perkhidmatan elektrik yang terhad sahaja atau tidak membekalkan elektrik sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, senarai kekurangan ini bolehlah dipanjangkan lagi tetapi cukuplah bagi saya menegaskan di sini bahawa ada banyak yang kita harus buat lagi dari semua segi untuk menjadikan estet-estet sebagai tempat-

tempat bekerja dan hidup yang lebih sempurna dan menarik. Untuk menjadikannya pekerjaan estet sebagai satu yang dapat bersaing dalam pasaran buruh kita sendiri. Kita tidak boleh melanjutkan keadaan sekarang lama lagi di mana tindakan-tindakan yang segera dan serius adalah perlu.

Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan pada amnya telah bersetuju mengambil beberapa langkah yang baru untuk memperbaiki keadaan ini. Selain daripada menentukan bahawa masyarakat pekerja ladang dapat menyertai dalam dan menikmati hasil daripada arus pembangunan negara yang utama melalui pendidikan, perkembangan peluang-peluang pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Beberapa tindakan spesifik dan langsung bagi masyarakat pekerja ladang telah dan sedang diatur.

Yang pertama, Rang Undang-undang ini sendiri merupakan satu langkah yang penting dalam meningkatkan keadaan kehidupan masyarakat pekerja ladang.

Yang kedua, suatu jawatankuasa peringkat nasional telah ditubuhkan dan sedang membincangkan pendekatan yang lebih berkesan untuk mewujudkan konsep pemilikan rumah-rumah oleh pekerja-pekerja ladang secara luas. Rancangan ini yang dimulakan dengan satu perakuan pasukan pekerja pada tahun 1976 telah berjaya mengadakan rancangan pemilikan rumah ini di sebanyak 14 buah ladang dan 2 lombong setakat ini dengan 2,176 pekerja memiliki rumah-rumah yang dibina di bawahnya.

Beberapa skim perumahan lagi sedang dalam peringkat perancangan ataupun pembinaan di 18 buah estet dengan lebih dari 2,849 rumah dicadangkan. Kemajuan ini adalah tidak begitu memuaskan. Beberapa masalah telah timbul dalam pelaksanaan skim ini dan Jawatankuasa Kebangsaan yang saya sebutkan tadi yang mengandungi wakil-wakil negeri-negeri dan Kementerian-

kementerian yang terlibat serta majikan dan pekerja sedang meninjau keadaan dan masalah-masalah ini untuk mencari cara pelaksanaan yang lebih mudah licin dan untuk mempercepatkan pelaksanaan rancangan ini. Rancangan pemilikan rumah oleh pekerja-pekerja ini akan diberi penekanan dan keutamaan yang perlu sebagai satu daripada pendekatan untuk memupuk kehidupan yang lebih sempurna dan selesa di kalangan pekerja-pekerja itu.

Ketiga, satu pendekatan dan strategi yang baru akan dilaksanakan bagi membekalkan air di estet-estet. Strategi ini bertujuan menentukan bahawa semua estet dapat dalam tempoh masa 5 tahun membekalkan air yang bersih, selamat dan cukup bagi pekerja-pekerjanya. Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan Kementerian Kesihatan telah mengkaji bekalan air di estet-estet dan memberi perakuan kepada estet-estet tentang langkah-langkah yang perlu diambil. Perakuan utama adalah bagi estet-estet mendapatkan bekalan air paip mereka melalui bekalan Kerajaan. Keupayaan Kerajaan dalam membekalkan air paip ke tempat-tempat yang terpencil juga telah dapat ditingkatkan dengan pelaksanaan skim Antah-Biwater. Adalah dianggarkan bahawa lebih daripada 250 estet sebagai tambahan akan dapat dibantu melalui skim ini sahaja.

Di mana bekalan air paip Kerajaan tidak dapat diberi dalam tempoh masa yang munasabah, estet-estet akan diminta membina kemudahan dan alat-alat yang perlu bagi menentukan penapisan dan rawatan klorin kepada air yang didapati dari sumber-sumber estet sendiri baik sungai, kolam atau lain-lain. Estet-estet akan seterusnya dikehendaki di bawah Fasal 6 (3) dalam Rang Undang-undang ini menjalani analisa air yang dibekalkan. Estet-estet yang kecil akan dibantu oleh Kerajaan dalam menganalisa air yang dibekalkan dan diberi nasihat dan bantuan teknikal dalam mengadakan penapisan dan rawatan klorin kepada air yang dibekalkan kepada pekerja mereka.

Di ladang-ladang yang dipecah-belahkan atau fragmented, adalah dicadangkan untuk air masyarakat melalui Program Kementerian Kesihatan dibekalkan bersama-sama dengan kemudahan tandas yang sempurna.

Kerajaan mencadangkan menukar strategi pengamalan syarat-syarat mengenai bekalan air paip ini dengan meminta ibu pejabat syarikat-syarikat ladang merancang secara menyeluruh bagi estet-estet di bawah kawalan mereka untuk mewujudkan satu Master Plan Lima Tahun untuk membekalkan air bermutu kepada pekerja-pekerja estet mereka.

Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan pegawai-pegawai kanan Kementerian akan dari masa ke semasa meminta diberi taklimat oleh syarikat-syarikat estet ini mengenai Master Plan atau Pelan Induk dan kemajuan dalam pelaksanaannya. Cara dan strategi ini diharapkan akan membawa hasil yang berkesan. Usaha ini akan juga diperluaskan kepada pengamalan aspek-aspek kemudahan-kemudahan yang lain.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, Program Lawatan dan Penyiasatan Pegawai-pegawai Buruh ke ladang-ladang akan juga diubahsuai dengan penumpuan lawatan ini yang lebih kerap kepada estet-estet kecil di mana terdapat kelemahan yang lebih. Lawatan-lawatan ini juga akan memberi tumpuan kepada keadaan yang luas daripada skop sekarang dengan kuasa-kuasa baru yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini.

Untuk menentukan perhatian yang sewajarnya, satu Bahagian yang khas dicadang ditubuhkan di Jabatan Buruh bagi mengawas keadaan dan kemajuan dalam kebajikan pekerja-pekerja ladang ini.

Yang kelima, mengenai kemudahan hospital dan klinik-klinik di estet. Rang Undang-undang ini mengemaskinikan peruntukan yang telah lama wujud di dalam Rump Labour Code selama lebih

70 tahun ini dan memerlukan pendaftaran hospital ini di bawah Akta Hospital Swasta 1971. Proses pendaftaran itu sudahpun disediakan dan kedudukan semua 65 buah hospital telahpun dikaji dengan perakuan yang sewajarnya. Pada pendaftaran itu tidak lama lagi, estet-estet akan dikehendaki memenuhi beberapa syarat mengenai kemudahan-kemudahan, bekalan ubat, kemahiran dan bilangan kakitangan pengawasan dan laporan-laporan dari hospital-hospital itu. Rang Undang-undang ini memberi kuasa pada pertama kali di bawah Fasal 19 untuk menubuh dan menyelenggarakan klinik-klinik yang sesuai di estet-estet yang tidak diliputi oleh kemudahan hospital estet.

Di sini juga arahan dapat diberi dengan nasihat Pegawai Kesihatan untuk klinik-klinik tersebut dibekalkan dengan kakitangan dan ubat-ubatan serta alat-alat yang perlu.

Adalah dicadangkan untuk integrasi dan kerjasama yang lebih berkesan diwujudkan di antara kemudahan hospital dan klinik estet ini, dengan perkhidmatan Kementerian Kesihatan yang berhampiran khasnya melalui lawatan jururawat dan bidan serta klinik bergerak dan dalam pelaksanaan program pelalian atau immunisasi untuk kanak-kanak. Perbincangan ini di antara kedua-dua Kementerian sedang dijalankan dalam perkara ini.

Yang keenam, Rang Undang-undang ini pada pertama kalinya juga memberi kuasa kepada Kementerian untuk mewujudkan dan menyelenggarakan kemudahan-kemudahan yang lain di estet-estet untuk menentukan mutu hidup atau quality of life yang lebih sempurna bagi masyarakat pekerja. Ini termasuk kemudahan-kemudahan rekreasi, perpustakaan, pusat-pusat asuhan kanak-kanak dengan kerjasama daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat dalam operasinya selain daripada rancangan pemilikan rumah dan pengamalan yang lebih ketat peruntukan mengenai perumahan dan kemudahan

hidup di bawah Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, segala ini adalah hasil kajian dan perbincangan yang sedalam-dalamnya mengenai pengalaman kita sejak beberapa tahun kebelakangan ini dalam pengamalan undang-undang dan rancangan-rancangan untuk sektor perladangan dan lombong. Kita rasa sudah sampai masanya untuk kita mengambil langkah-langkah yang tegas dan lebih teratur untuk memajukan nasib dan kesejahteraan masyarakat pekerja ladang yang telah begitu banyak menyumbang bagi pembangunan ekonomi negara kita.

Kita harap juga bahawa dengan langkah-langkah ini, estet-estet akan bertukar wajah menjadi tempat kerja dan tempat duduk yang lebih sempurna dan menarik bagi pekerja-pekerja muda kita serta keluarga mereka. Pada masa ini sektor ini terlalu lemah dalam penarikannya dan banyak bergantung kepada pekerja import secara luas.

Fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini adalah dijelaskan secara terperinci dalam Huraian atau, dengan izin, Explanatory Statement di belakang Rang Undang-undang ini dan tidak perlu bagi saya menerangkannya lebih lagi. Peraturan-peraturan atau Regulations yang perlu bagi menguatkuasakan Rang Undang-undang ini kelak telahpun siap dan akan dapat diwartakan bersamasama dengan Akta ibu ini nanti. Peraturan-peraturan ini adalah bernama:

- (i) Peraturan Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja, 1990; dan
- (ii) Peraturan-peraturan Standard-standard Minimum dan Kemudahan Pekerja Pusat Asuhan Kanak-kanak, 1990.

Rang Undang-undang ini serta peraturan-peraturannya telahpun dibincangkan dalam Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan. Saya harap Rang Undang-undang ini akan dapat sokongan bulat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat

di Dewan ini. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Bukit Bintang.

7.38 mlm.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberikan komen-komen ke atas Rang Undang-undang ini, izinkan saya menyatakan lebih awal bahawa walaupun tidak ada ladang-ladang atau estet-estet dalam kawasan saya, kawasan Bukit Bintang, saya rasa adalah menjadi tugas saya sebagai seorang yang senantiasa mengambil berat keadaan kehidupan dan kebajikan para pekerja Malaysia termasuk pekerja-pekerja ladang untuk menyuarakan sesuatu ke atas Rang Undang-undang ini yang memberi kesan ke atas seramai 250,000 pekerja ladang dalam industri peladangan di negara kita.

Saya terpaksa menyatakan pendirian saya dengan jelas ke atas perkara ini. Kalau tidak saya mungkin ditanya mengapa saya bercakap mengenai masalah pekerja ladang, sedangkan dalam kawasan saya tidak ada ladang-ladang sepertimana yang telah ditanya pada minggu lalu dalam Dewan ini oleh Timbalan Menteri yang berkenaan mengapa saya melawat pekerja Harris Solid State, sedangkan kilang itu bukan terletak dalam kawasan saya dan jauh dari Kuala Lumpur dan bukan di kawasan Bukit Bintang.

Izinkan saya menyatakan di sini bahawa sebagai seorang Ahli Parlimen saya tidak hanya menjaga kepentingan kawasan saya malah rakyat di seluruh negara termasuk pengundi-pengundi di kawasan Telok Kemang yang pada satu ketika datang ke pejabat saya dan meminta pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, pengemukaan Rang Undang-undang ini memang telah lama ditunggu-tunggu ataupun dinanti-nanti. Rang Undang-undang ini bertujuan menggantikan Akta (Standard-standard Minimum Perumahan) Pekerja 1966 dan peraturan-peraturannya dan anikah peruntukan dalam Kanun Buruh Rump. Di sini, walaupun saya berpendapat bahawa ada beberapa perkara yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini yang boleh diperbaiki lagi, tetapi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada pegawai-pegawai di Kementerian yang berkenaan yang telah bekerja dengan bertungkus-lumus untuk menggubal Rang Undang-undang ini.

Akta (Standard-standard Minimum Perumahan) Pekerja 1966 yang telah dijadikan undang-undang sejak 24 tahun yang lalu sudah tidak lagi sesuai kerana kehendak dan harapan pekerja-pekerja telah meningkat sejak negara bertambah maju dari segi ekonomi dan sosial. Pengurusan estet dan ladang patutlah dikehendaki menyediakan perumahan yang lebih sempurna, kemudahan kesihatan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain yang lebih baik seperti bekalan elektrik dan air minuman yang bersih kepada pekerja-pekerja mereka yang tinggal di situ. Langkah-langkah patutlah diambil untuk mempertingkatkan keadaan hidup di ladang-ladang bagi menjadikannya lebih selesa bagi pekerja-pekerja dan tanggungan-tanggungan mereka.

Dengan pandangan di atas, pembentangan Rang Undang-undang ini ialah satu langkah ke arah yang positif dan betul dalam usaha untuk memperbaiki mutu kehidupan pekerja-

pekerja ladang. Pekerja-pekerja ladang telah lama diiktiraf sebagai satu golongan termiskin dalam masyarakat di Malaysia. Ada juga disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kelima mengenai kumpulan termiskin ini, tetapi malangnya tidak ada tindakan positif yang telah dilakukan untuk mengkaji dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kumpulan termiskin ini hingga pada masa kini. Kemiskinan sebenar mereka terletak dalam keadaan ataupun persekitaran sosio-ekonomi yang tertekan, yang mereka tinggal di dalamnya. Mereka menghadapi masalah-masalah yang teruk disebabkan oleh kekurangan kebersihan dan kesihatan. Amalan pemakanan dan zat makanan tidak sempurna dan perumahan pula amat teruk. Amalan asuhan dan penjagaan kanak-kanak adalah berasaskan kepada persepsi tradisi yang sempit dan karut dan kemudahan-kemudahan riadah dan sukan langsung tidak wujud.

Akta (Standard-standard Minimum Perumahan) Pekerja 1966 adalah serba kekurangan dan tidak mencukupi untuk memastikan penyediaan pusat-pusat asuhan kanak-kanak. Akta ini tidak ada peruntukan penyediaan pusat asuhan kanak-kanak untuk kanak-kanak antara umur 4 tahun hingga 6 tahun. Kanak-kanak cacat tidak diberikan perhatian dan penjagaan khas dan kemudahan-kemudahan untuk memenuhi keperluan orang buta atau pekak dan bisu masih tidak ada.

Walaupun standard-standard yang dirangka ialah satu pembaikan ke atas peruntukan-peruntukan yang ada sekarang, tetapi kita jangan lupa bahawa standard-standard yang diperkenalkan itu hanya standard-standard minimum sahaja. Standard-standard ini tidak bermakna boleh memuaskan semua pihak. Setidak-tidaknya Kerajaan patut berbuat dengan memastikan standard-standard minimum ini dipatuhi oleh tuannya-tuannya ladang.

Adalah satu hakikat bahawa masih banyak ladang yang tidak mematuhi

peruntukan-peruntukan yang ada. Sebagai contoh, dari apa yang kami tahu, lebih kurang 1/3 jumlah rumah bagi pekerja-pekerja ladang adalah kurang standard. Adalah juga satu hakikat bahawa kemudahan-kemudahan berkaitan bekalan air, elektrik dan pusat-pusat asuhan kanak-kanak adalah jauh dari memuaskan dalam kebanyakan ladang.

Berbagai laporan mengenai hal ini telah diterbitkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia. Unit Kajian Kependudukan, Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya dan Kementerian Sumber Manusia sendiri pun ada menjalankan banciaanya sendiri. Banciaan yang dijalankan, dalam 1,570 ladang di Semenanjung Malaysia dengan jumlah penduduknya seramai 343,000 orang, termasuk 137,000 pekerja menunjukkan bahawa 21% atau 18,000 buah rumah pekerja dari 85,000 unit dalam ladang-ladang ini adalah perumahan yang kurang standard dan perlu diubahsuai. Menurut banciaan itu juga, hanya 29% atau 462 dari 1,570 ladang mendapat bekalan air dari sumber Kerajaan, manakala 21% atau 1,108 ladang menerima bekalan air untuk para pekerja mereka dari perigi, sungai dan kolam. Banciaan selanjutnya menunjukkan bahawa 262 ladang mendapat bekalan air tidak ditapis, manakala 307 ladang lagi mendapat bekalan air tidak dirawat untuk kegunaan pekerja-pekerja mereka.

Berhubung dengan bekalan tenaga elektrik, hanya 50% daripada jumlah ladang yang dibanci menerima bekalan tenaga elektrik 24 jam, manakala 23 tidak mendapat langsung bekalan elektrik. Mengenai penjagaan kesihatan, sebagaimana menurut laporan Persatuan Perubatan Malaysia, kemudahan penjagaan Kesihatan dalam 67 buah ladang di Semenanjung Malaysia adalah serba kekurangan dengan hanya satu ladang sahaja mengambil kerja seorang doktor sepenuh masa. Tidak ada ladang-ladang yang mempunyai seorang jururawat, doktor gigi, jururawat pergigian, merinyu kesihatan ataupun kakitangan

sambilan. Dari semua fakta ini adalah jelas membuktikan bahawa mutu kehidupan para pekerja ladang memerlukan campurtangan, memerlukan satu dasar Kerajaan atau awam bagi memastikan bahawa para pekerja ladang-ladang tidak tertinggal dari arus pembangunan dan kemajuan di negara ini.

Adalah menjadi pandangan saya bahawa Kerajaan hendaklah menganggapnya sebagai satu perkara yang segera atau 'urgent', meneliti dan menerima langkah-langkah yang berikut, dan di sini saya ingin mengesyorkan:

- (i) Meningkatkan pemeriksaan buruh dan penguatkuasaan standard-standard minimum yang diperuntukkan dalam undang-undang. Pemeriksaan buruh dalam ladang-ladang hendaklah dipertingkatkan dan memandangkan bahawa Jabatan berkenaan mengalami kekurangan kakitangan, maka lebih ramai kakitangan hendaklah diambil bekerja bagi melakukan pemeriksaan yang kerap dalam ladang-ladang bagi memastikan pihak majikan-majikan ataupun pengurusan ladang mematuhi standard-standard minimum. Untuk memastikan pemeriksaan ini dijalankan dengan memuaskan, pemeriksaan tersebut hendaklah dilakukan selepas selesai waktu bekerja biasa iaitu antara jam 3.00-5.00 petang supaya para pekerja boleh atau mudah dihubungi dan ditemubual mengenai keadaan kehidupan mereka. Pada masa ini pemeriksaan biasa dijalankan semasa para pekerja keluar bekerja dan tidak boleh dihubungi dan ditemubual.
- (ii) Semua perkhidmatan perubatan bagi pekerja-pekerja ladang mestilah diletakkan di bawah perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan luar bandar. Sistem penjagaan kesihatan

dalam sektor perladangan tidak seharusnya diserahkan kepada pengurusan ladang yang bertujuan untuk faedah keuntungan dan hendak memotong kos dengan tidak menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan yang mencukupi bagi para pekerja mereka.

Inilah masanya bagi sistem penjagaan kesihatan dalam sektor perladangan diletakkan di bawah perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perubatan luar bandar Kerajaan supaya pekerja terjamin mendapat kemudahan dan perhatian perubatan asas selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mencapai sasaran kesihatan untuk ini semua sempena tahun 2000.

Yang ketiga, pusat asuhan kanak-kanak mesti juga memasukkan peruntukan bagi kanak-kanak dalam kumpulan umur di antara empat dan tujuh tahun iaitu kumpulan umur pra-sekolah. Tidak semua ladang ada menyediakan perkhidmatan pusat asuhan kanak-kanak sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta (Standard-standard Minimum Perumahan) Pekerja 1966. Malah jika perkhidmatan-perkhidmatan tersebut disediakan, mereka sering tidak mematuhi arahan Akta yang hanya membiarkan pusat-pusat menjaga kanak-kanak bagi kanak-kanak berumur sehingga tiga tahun sahaja.

Rang Undang-undang ini juga tidak menyebut peruntukan perkhidmatan menjaga kanak-kanak bagi yang berumur antara 4 dan 7 tahun. Saya rasa bahawa kemudahan-kemudahan menjaga kanak-kanak patutlah diberikan kepada kanak-kanak antara umur empat dan tujuh tahun kerana ini merupakan satu kumpulan umur pra-sekolah yang sangat penting yang memerlukan perhatian yang serius. Keperluan-keperluan khas kanak-kanak cacat patutlah diberikan perhatian juga. Dalam hubungan ini, saya berpendapat bahawa Kerajaan patutlah mem-

perluaskan perkhidmatan KEMAS ataupun Kemajuan Masyarakat untuk menjaga kanak-kanak dalam ladang-ladang.

Yang keempat, peruntukan perkhidmatan ambulans. Adalah diakui bahawa ladang-ladang memerlukan perkhidmatan ambulans yang sesuai untuk mengangkat orang-orang sakit yang hendak mendapat rawatan perubatan dari tempat kerja mereka ke hospital-hospital Kerajaan yang berhampiran sekiranya tidak ada hospital-hospital dalam ladang-ladang berkenaan.

Fasal 18 Rang Undang-undang membuat peruntukan bagi pengangkutan pekerja-pekerja yang sakit ke hospital-hospital tetapi tidak disebut perkhidmatan ambulans. Yang Berhormat Menteri mestilah memastikan bahawa perkhidmatan ambulans disediakan dalam peraturan.

Yang kelima, keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pekerja-pekerja ladang, saya berpendapat bahawa Kerajaan patutlah mengkaji dan menjalankan kursus-kursus mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan untuk pekerja-pekerja ladang dengan rujukan tertentu kepada racun serangga, baja-baja kimia, sistem memproses tanaman, pengangkutan ladang dan jentera.

Dan yang keenam, pengurusan ladang dan Kerajaan patut mengiktiraf bahawa penyediaan air yang selamat untuk diminum ialah satu keperluan asas.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhirnya saya berpendapat bahawa dalam analisa terakhir semua pengurusan ladang mestilah mengakui bahawa penyediaan kemudahan-kemudahan sosial dan kesihatan yang lebih baik akan menghasilkan gunatenaga yang lebih produktif dan setia yang akan dapat menyumbang lebih banyak tenaga kepada pembangunan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ipoh.

7.55 m/m.

Tuan P. Patto (Ipoh): Tuan Speaker, saya bangun untuk menyertai dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990.

Tadi saya sempat mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini dan menghuraikan betapa serius Kerajaannya terhadap kebajikan dan kepentingan pekerja-pekerja khususnya dalam ladang-ladang. Walaupun saya sedar bahawa Rang Undang-undang ini bukanlah 100% untuk ladang-ladang sahaja oleh kerana apabila kita baca bahagian-bahagian dalam Rang Undang-undang ini, lombong-lombong juga termasuk dan juga lain-lain tempat yang difikirkan sesuai dan perlu di mana perumahan harus diberi oleh majikan kepada pekerja-pekerjanya, maka Menteri boleh membuat arahan-arahan tertentu mengenai ini.

Saya hendak rakam dalam Dewan ini betapa kesalnya saya terhadap sikap yang ditunjuk oleh Menteri Sumber Manusia. Sudah setahun beliau menjadi Menteri Sumber Manusia tidak pernah saya mendengar suaranya dalam Dewan ini, tidak pernah oleh kerana mengangkat Sumpah pun bukan dalam Dewan ini juga, itu sebabnya saya kata tidak pernah.

Yang kedua, tidak pernah beliau menjawab sebarang soalan, pertanyaan mengenai buruh, mengenai pekerja dalam Dewan ini. Malah saya ada menunggu untuk mendengar pada hari ini suara beliau dalam membentangkan Rang Undang-undang ini yang mana beliau sendiri membuat banyak kenyataan dalam akhbar selain daripada Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini. Kenapa beliau begitu takut untuk datang ke dalam

Dewan ini dan bentangkan Rang Undang-undang yang dikatakan oleh beliau sendiri sebagai satu yang penting dan memang kita mengakui ia penting, kenapa? Walaupun beliau mengaku dalam akhbar, beliau sangat memandang serius terhadap eksploitasi, penindasan pekerja-pekerja tetapi apabila dapatnya kesempatan untuk membentangkan Rang Undang-undang ini, beliau tidak berada di sini. Saya faham beliau seorang yang mewakili golongan kaya, datangnya daripada keluarga yang berada, mungkin beliau tidak rela untuk bangun dalam Dewan dan membentangkan Rang Undang-undang ini, maka terpaksa Timbalan Menteri Sumber Manusia membentangkan Rang Undang-undang ini.

Saya tidak mengatakan Timbalan Menteri Sumber Manusia tidak layak untuk membentangkan, saya faham dan saya sedar beliau berpengalaman dalam Dewan ini sejak tahun 1974. Dan saya boleh katakan kalau saya tidak silap, Timbalan Menteri yang paling lama dalam blok itu. Memang berpengalaman, saya puji itu, bukan menyindir atau apa-apa, jangan salah tafsir, itu satu rekod, saya mengakui tetapi saya kesal atas sikap Menteri Sumber Manusia. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia menjadi Menteri Sumber Manusia, saya mengalu-alukan sebab beliau berpengalaman dalam Kementerian itu. Sepatutnya beliau—betul ya, beliau pun setuju—beliau layak tetapi tidak dapat peluang, apa boleh buat. Kadangkala saya terpaksa membela sahabat saya ini dalam Dewan (*Disampuk*), tidak payah, dia boleh masuk sini tunggu sampai pilihanraya, mungkin ada peluang. (*Ketawa*)

Tuan Speaker, Rang Undang-undang ini dipilih waktunya untuk dibentang. Dan waktu sekarang ini adalah sudah, kita pun faham dan mengetahui 'demam pilihanraya'. Dan demam pilihanraya, merebak di seluruh negara sehingga pada hari ini pun sudah ada tekaan sama ada diadakan Mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional dan tarikh pilihanraya

sudah diputus atau tidak, ini di luar Dewan ini, pemberita-pemberita sungguh sibuk dan Rang Undang-undang ini dibentang pada ketika ini, kenapa? Oleh kerana pihak Kerajaan sendiri sudah sedar, bahawa satu kesedaran berlaku di kalangan pekerja-pekerja dalam negara ini khususnya di estet-estet, di lombong-lombong walaupun banyak lombong sudah tutup, yang masih ada, sudah ada satu kesedaran bahawa walaupun terdapat undang-undang yang mempunyai ciri-ciri untuk memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja tetapi undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada tidak dikuatkuasakan sepenuhnya sepertimana yang diakui oleh Ketua Pengarah Jabatan Buruh.

Dalam *New Straits Times* 23hb Mac, dengan izin:

“Officers to Check on Estates.

The Labour Department concerned about the number of plantation workers not getting basic amenities that employers must provide will inspect estates from next month (from April). The inspections are also aimed at rectifying administrative shortcomings and weaknesses in estates, Director-General of Labour, Tengku Omar said today.”

Kemudian beliau berkata, dengan izin, Tuan Speaker:

“Tengku Omar said, the Department which had been lenient thus far”—24 tahun undang-undang ini berada, hari ini satu Rang Undang-undang baru. 24 tahun they had been lenient thus far, dengan izin, diakui oleh Ketua Pengarah, kenapa? Tiba-tiba hari ini kita dihadapkan dengan undang-undang ini dan undang-undang ini bertujuan 100% semata-mata untuk pilihanraya, memancing undi.

Oleh kerana satu kesedaran sudah wujud di kalangan pekerja-pekerja di estet, lombong dan lain-lain tempat bahawa walaupun terdapat undang-undang, walaupun terdapat provision dalam undang-undang yang sedia ada,

tetapi tidak dikuatkuasakan sepertimana diakui sendiri oleh Ketua Pengarah, dengan izin:

“The Department which had been lenient thus far would take legal action against employers who refused to comply with the Workers’ Minimum Housing Standards Act”.

Sudah 24 tahun, kenapa hari ini, kalau bukan pilihanraya? Kalau pilihanraya bukan tahun ini saya kira Rang Undang-undang ini pun tidak akan dibentangkan hari ini. Mungin ditarik balik sepertimana pernah berlaku dalam kes-kes lain, Rang Undang-undang lain, tetapi hari ini mereka mahu juga Dewan bersidang dua hari sebagai tambahan untuk meluluskan Rang Undang-undang ini. Ini kerana menggunakan ini untuk memancing undi, saya sedar, tetapi apakah Rang Undang-undang baru ini akan memberi kesan yang baik, akan membawa hasil sepertimana yang dikehendaki dan diterangkan oleh Timbalan Menteri tadi walhal peraturan-peraturan yang sedia ada pun tak dapat dilaksanakan.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-
pengerusikan Mesyuarat*)

Saya boleh beri contoh, Tuan Speaker. Peraturan-peraturan, dengan izin, Workers’ (Minimum Standards of Housing) Regulations, 1966. Regulation 6 (1) (a) dan (b) menetapkan bahawa satu kawasan (area) tidak kurang daripada 260 kaki persegi hendaklah ditetapkan untuk tempat tinggal duduk (dwelling purpose) dan daripada 260 kaki persegi itu, 200 kaki persegi hendaklah, dengan izin, fully enclosed for purpose of human habitation, yang bakinya adalah kaki lima (veranda). Apakah 200 kaki persegi, dengan izin, fully enclosed area for purpose of human habitation ini sudah dilaksanakan? Kalau ya, maka sudah tentu sekurang-kurangnya boleh dapat dua bilik. Oleh kerana peraturan-peraturan ini juga menetapkan bahawa boleh ada tambahan area sekiranya setiap

rumah itu mempunyai lebih daripada 5 orang dewasa dan dalam hal ini dewasa ditaksir, anak-anak pun ditaksir sebagai dewasa. Sekiranya dua orang kanak-kanak yang berumur di antara 3 dan 12 tahun dicantum dan ditaksir sebagai seorang dewasa dan sekiranya ada tambahan lebih daripada 5 orang dewasa, mengikut perkiraan ini, maka peraturan (regulation) yang ada pun sudah wujud, sudah ada provision bahawa satu lagi enclosed area, dengan izin, yang 40 kaki persegi hendaklah diwujudkan bagi setiap orang dewasa tambahan. Adakah ini semua dilaksanakan? Ini semua ada, sudah 24 tahun ataupun sepertimana yang Ketua Pengarah sendiri mengakui, "we have been lenient thus far". Why lenient? Whom do you represent?

Dalam Rang Undang-undang baru ini Ketua Pengarah diberi kuasa penuh, macam-macam kuasa ada, pengecualian boleh diberi, beri apa pun, dengan izin, exemption, ada kuasa dan beliau sendiri mengaku, "we have been lenient thus far." Why? Apakah jaminan Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana Menteri tak ada guna itu, Menteri Sumber Manusia tak ada di sini, saya terpaksa tanya Timbalannya, ada jaminan bahawa Rang Undang-undang ini dan dua peraturan yang beliau sebut tadi, iaitu Peraturan-peraturan Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan Peraturan-peraturan Standard-Standard Minimum dan Kemudahan Pekerja (Pusat Asuhan Kanak-kanak), 1990. Sama ada Rang Undang-undang ini dan Peraturan-peraturan yang akan dibuat nanti, dan beliau sendiri mengatakan akan diwartakan serentak, akan menemui takdir yang sama seperti, dengan izin, Workers' (Minimum Standards of Housing) Act, 1966 dan Regulationsnya.

Dalam ucapan beliau tadi, beliau menyebut dan saya sempat mendengar, dengan izin, Tuan Speaker,

"Pada amnya ruang perumahan diperbesarkan, peruntukan dibuat pada pertama kali untuk sekurang-kurangnya

dua bilik tidur serta tempat masak, makan, mandi dan tandas built-in. Keadaan yang sudah biasa begitu lama di estet-estet di mana tempat mandi dan tandas dibina secara berkelompok (communal) akan ditamatkan".

Kenapa ia tidak ditamatkan dalam 24 tahun? Memang ada peruntukan boleh dalam Regulations ini, bilik tidur sekurang-kurangnya 80 kaki persegi, kenapa tidak boleh diwujudkan dua bilik tidur walaupun Regulations kata sekurang-kurangnya minimum, ini minimum, kita bukan cakap apa, minimum 200 kaki persegi sebagai tempat untuk lindung, dikatakan, dengan izin, fully enclosed area. Dan dapur (kitchen) yang disebut oleh beliau tadi pun ada 50 kaki persegi. Air pun ada disebut dalam ini, adequate supply of water. Bilik mandi pun ada, tandas pun sudah ada regulationnya, macam-macam jenis tandas ada dalam regulations ini. Soalnya sekarang kenapa ia semuanya tidak dapat dilaksanakan, dengan izin, septic tank latrines, peat latrines dan bore hole latrines.

Jadi saya khuatir, saya bimbang Rang Undang-undang ini yang berbau politik oleh kerana keadaan MIC sudah terganggu dalam estet-estet selepas wujudnya parti AMIPF yang dipimpin oleh Ahli Parlimen dari Tapah dan selepas beliau sendiri sudah membuat pendiriannya bahawa beliau adalah dalam barisan Pembangkang, maka penyokong-penyokong MIC yang sebahagian besarnya datang daripada ladang-ladang sudah tidak lagi menyokong seperti dahulu. Adakah kesedaran itu yang menyebabkan pembentangan Rang Undang-undang ini untuk menunjukkan bahawa Kerajaan hari ini....

Dato' K. Pathmanaban: Minta penjelasan.

Tuan P. Pato: Boleh.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Ahli Yang

Berhormat tadi adalah satu pengakuan bahawa DAP telah terkandas dalam bidang ladang dahulu daripada Yang Berhormat dari Tapah bersama-sama dengan mereka?

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, tadi saya puji beliau sebagai Timbalan Menteri yang paling berpengalaman, yang sudah lama duduk di blok sana. Tetapi saya kesal kerana beliau tidak sabar untuk mendengar ucapan saya yang belum habis. Kami mengakui AMIPF adalah satu kuasa politik baru. Itu bukan bererti bahawa DAP tidak mempunyai pengaruh langsung dalam estet. Saya tidak kata begitu. Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri sedar sama ada dalam kawasan dia sendiri DAP mempunyai cawangan dan anggota atau tidak dalam ladang—dia sendiri faham. Tapah, satu, dalam kawasan satu. Lain-lain kawasan belum kira lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah, pilihanraya belum lagi. *(Ketawa)*

Tuan P. Patto: Rang Undang-undang ini memang hendak pancing undi. Saya teruskan ucapan, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Oleh kerana beliau minta penjelasan, saya kenal hormat orang yang lama duduk dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, oleh kerana banyak peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Regulations ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan sudah mengambil 24 tahun barulah satu kesedaran di kalangan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional maka Rang Undang-undang baru ini diwujudkan dan diharapkan ia akan diluluskan. Saya bukan kata Rang Undang-undang ini tidak baik untuk pekerja. Memang, kalau peruntukan-peruntukan semua ini dilaksanakan, bagus. Tetapi dalam Rang

Undang-undang ini juga ada perutusan yang memberi pengecualian kepada majikan-majikan. Ini yang saya mahu Timbalan Menteri menerangkan, kenapa diberi pengecualian. Kuasa untuk memberi pengecualian ini diberi kepada Ketua Pengarah, seorang individu yang tentu akan terpengaruh dengan berbagai cara. Apakah kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah ini tidak akan disalahguna? Apakah majikan-majikan tidak akan memeralatkan Ketua Pengarah untuk mengelak daripada tanggungjawab mereka sepertimana yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang ini?

Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tadi berkata bahawa Rang Undang-undang ini dan kedua-dua peraturan mengenai asuhan kanak-kanak dan juga peraturan-peraturan mengenai Standard-standard Minimum Perumahan bagi pekerja-pekerja akan diwartakan serentak. Tetapi apabila kita baca Rang Undang-undang ini, Fasal 1(3) berbunyi dan dengan izin, Tuan Speaker, saya petikan:

“Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan dalam Akta ini dan bagi Negeri-negeri yang berlainan.”

Kenapa? Kalau hendak wartakan Peraturan-peraturan dan Rang Undang-undang ini, kenapa ada provision di mana tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan? Dan bererti bagi perumahan, satu tarikh ataupun sebahagian daripadanya. Bagi bekalan elektrik, satu tarikh bagi satu negeri, lain negeri tidak kena. Kenapa? Kenapa tidak ada serentak? Itu sebabnya apabila saya mendengar sewaktu beliau membentangkan Rang Undang-undang ini, saya terasa bahawa beliau sudah tidak tepat dengan apa yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini. Kalau itulah tujuannya bahawa kedua-dua Peraturan

dan Rang Undang-undang ini akan diwartakan serentak, kenapa adanya ini? Dengan adanya peruntukan ini maka sudah bererti bahawa mungkin ia tidak akan diwartakan serentak. Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai niat yang baik, tetapi ianya tergantung kepada Menteri dan Menteri itu latarbelakangnya saya sudah terangkan. Oleh kerana beliau daripada MCA, kita pun faham akan tuannya-tuannya ladang yang tidak termasuk dalam MAPA, khususnya ladang-ladang yang kecil. Dalam Negeri Sembilan sendiri ada beberapa estet yang ada masalah yang tersiar dalam akhbar. Walaupun Menteri Sumber Manusia dengan Menteri Tenaga Telekom dan Pos panjat tangga di Raja Musa Estet dan melihat tangki air begitu interested oleh kerana terdapat penyakit di estet itu, tetapi apakah beliau jujur untuk melaksanakan apa yang terdapat di sini? Saya menyoal—saya tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sincere, tetapi beliau tidak ada kuasa Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Dia ada, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Siapa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri ada kuasa.

Tuan P. Patto: Ada, ada, dia ada kuasa ya, saya tahu, tetapi biasanya beliau tidak menggunakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Ia mengikut arahan Menteri dan Menteri mempunyai latarbelakang yang sepertimana saya katakan tadi. Walaupun, seperti yang saya katakan, Timbalan Menteri mungkin mempunyai niat baik, tetapi niat itu dikontrol oleh bossnya yang tidak mempunyai niat seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat berulang-ulang point atau butir yang serupa pula!

Tuan P. Patto: Memang sebab ini berpolitik—Rang Undang-undang ini memang saya sudah kata. Tuan Speaker, sekarang saya menyoal tentang betapa kesannya Rang Undang-undang ini selagi ada sistem buruh kontrak di estet-estet. Apakah tanggungan majikan yang tidak mahu memberi perumahan, tetapi sebaliknya ia mengupah pekerja atas sistem kontrak dan meminta pekerja tinggal di luar? Mengikut Perjanjian MAPA-NUPW yang baru-baru ini ditandatangani, dengan izin, Artikel 51 berbunyi:

“Accommodation. An employee for whom no approved accommodation is available shall be entitled to a payment of 60 ringgit per month.”

Jadi, saya hendak bertanya sam ada majikan-majikan boleh pilih supaya ia tidak memberi perumahan, menggunakan sistem kontrak dan mengelak daripada tanggungjawab ini? Kalau ia boleh berbuat demikian, apakah Rang Undang-undang ini berguna lagi, oleh kerana ia berlaku sekarang? Kalau Rang Undang-undang ini akan mengekalkan itu, maka tidak ada gunanya dan ia tidak boleh memberi kesan sepertimana yang dikehendaki oleh kerana adanya peruntukan-peruntukan atau saving provisions, dengan izin. Dalam Rang Undang-undang ini juga, selain daripada Ketua Pengarah, Menteri juga mempunyai kuasa yang begitu besar dan luas. Mengikut Fasal 4 yang berbunyi:

“Menteri boleh melalui perintah mengecualikan mana-mana majikan atau kelas majikan atau apa-apa bangunan atau kelas bangunan yang ditentukan dalam perintah itu daripada kesemua atau mana-mana peruntukan Akta ini”.

Bererti, bahawa selain daripada Ketua Pengarah yang diberi kuasa untuk memberi pengecualian kepada majikan-majikan, Menteri sendiri boleh buat. Kalau Rang Undang-undang ini yang mempunyai ciri-ciri yang boleh membawa faedah kepada pekerja-pekerja dalam ladang, dalam lombong,

boleh diketepikan, boleh dipadamkan dengan hanya satu Fasal—Fasal 4, di mana Menteri boleh buat perintah dan mengecualikan mana-mana majikan. Kenapa? Kenapa dia wujudkan peruntukan Fasal 4 ini kalau tujuannya untuk membela nasib pekerja-pekerja dan tanggungnya.

Saya ingin juga menyoal tentang Rang Undang-undang ini

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun. Hendak beri jalan?

Tuan P. Patto: Boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat dari Ipoh, pengecualian yang diberi untuk Menteri itu bukankah di kawasan-kawasan Majlis Bandaran di mana sukar untuk mendirikan rumah-rumah, umpamanya.

Tuan P. Patto: Saya ingat lebih baik Yang Berhormat baca Fasal 2 dan Fasal 4 boleh faham.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Itu saya faham

Tuan P. Patto: Fasal 2 itu lain, Fasal 4 itu lain! Fasal 2 memang sudah ada kata, "tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh terpakai bagi mana-mana tempat pekerjaan", tetapi kuasa Menteri yang ada dalam Fasal 4. . . . Boleh saya teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, apa yang lebih penting dan saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada ia boleh dilaksanakan dengan sempurna atau tidak, terpulanglah kepada sama ada Kerajaan jujur atau tidak dalam soal ini,

iaitu dengan izin, house ownership programme. Beliau ada memberi angka-angka tadi mengenai ladang-ladang, majikan-majikan yang ada memberi kerjasama dalam membina dan menjual rumah kepada pekerja-pekerja. Soal pokok bagi infrastruktur dan kemudahan-kemudahan asas dan keperluan bagi pekerja-pekerja dalam estet dan lombong adalah house ownership, dengan izin. Dan itulah yang lebih penting kerana dengan adanya rumah sendiri, maka mereka bolehlah mengatakan mereka mempunyai, dengan izin, roof over their head. Terjaminlah keluarga mereka dan tanggungan-tanggungan mereka bahawa mereka mempunyai rumah.

Tetapi pada masa sekarang kebanyakan ladang-ladang yang memberi tempat duduk, labour line tidak mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada. Ini diakui oleh Timbalan Menteri sendiri, "most estates"—beliau sendiri ada mengatakan "most". Bererti lebih daripada separuh yang tidak mematuhi, yang tidak memberi kemudahan-kemudahan ini. Jadi, bagaimanakah kita hendak atasi masalah ini. Adakah Rang Undang-undang ini satu yang cukup? Saya kata tidak. Yang lebih gigih ialah satu program house ownership, yang lebih dinamis, yang lebih agresif bila dilaksanakan.

Kerajaan ada membuat pinjaman daripada Jepun baru-baru ini untuk, dengan izin, rural development project poverty eradication, the loan agreement between the Overseas Economic Corporation Fund Japan and Malaysia. Dan dalam itu ada objektifnya dan scope of work dengan izin. Programmes the titles of which are listed below which are to be implemented by the executing agency for fiscal year 1990. Satu daripadanya ialah rural electricity supply, rural water supply, social development and assistance for the poverty group.

Oleh kerana ada pinjaman ini dibuat; loan yang dibuat untuk golongan-golongan miskin dan pekerja-pekerja

dalam ladang, lombong khususnya sekarang; kita boleh tafsir sebagai golongan miskin. Dan adakah pinjaman-pinjaman ini meliputi mereka? Inilah satu tandatanya yang berpuluh tahun menimbun. Sama ada ladang-ladang itu dilonggok sebagai kawasan-kawasan luar bandar dan oleh kerana itu ia perlu diberi perhatian dan juga bantuan dari segi bekalan air, elektrik dan juga kemajuan sosial. Setakat ini tidak ada.

Tetapi dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi maka saya hendak tahu bagaimanakah house ownership programme ini boleh dilaksanakan. Satu dasar ini. Permintaan majikan itu bukan semuanya bersetuju. Umpamanya, DARA di Pahang—mereka enggan. Ia satu badan berkanun (statutory body) ia tidak mahu. Dan anggota Exco Pahang sendiri mengakui, 400 estet di Pahang; kemudahan dalam estet-estet itu sungguh teruk. Kenapa begitu? Dan tidakkah benar bahawa majikan terbesar boleh dikatakan majikan di mana Kerajaan sendiri atau parti yang memerintah sendiri mempunyai kepentingan.

Di Kedah, Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mempunyai ladang-ladang—ia beli. Di Pahang, DARA, estet-estet yang dikendalikan oleh FELDA. Bagaimana kedudukannya? Adakah ini semua diliputi oleh kerana FELDA sendiri boleh dikatakan sebagai majikan juga.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun pula Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan P. Patto: Saya ingat elok saya habiskan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, elok habiskan.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sedikit sahaja. Sebab sebut Kedah tadi saya hendak

Tuan P. Patto: Boleh, boleh. Dia sensitif bila sebut Kedah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sebab sebut Kedah tadi itu. Sebab di negeri Kedah, ada estet-estet di dalam negeri Kedah iaitu dengan persetujuan Kerajaan Negeri dan tuannya-tuannya estet bersetuju untuk mendirikan rumah-rumah kepada pekerja-pekerja.

Tuan P. Patto: Ya, betul. Apa dia hendak tanya, saya pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dia tahu dia tidak tanya

Tuan P. Patto: Betul

Tuan Yang di-Pertua: Dia beritahu satu benda

Tuan P. Patto: Itu saya pun tahu. Itu saya hendak sampai itu. Tetapi ada juga estet di mana Perbadanan itu sendiri memberi notis supaya pekerja tinggalkan tempat duduk mereka dan mereka tidak tahu hendak pergi mana. Walaupun masih ada ladang yang diusahakan lagi dan mereka bekerja di ladang itu. Mungkin Yang Berhormat sedar perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih. Dan itu adalah satu masalah pokok. Mengenai bekalan air, elektrik; memang kebanyakan ladang-ladang dan juga lombong tidak membekalkan air bersih. Peruntukan yang ada sekarang itu baik tetapi sama ada ia boleh dilaksanakan, saya tidak tahu. Oleh kerana Timbalan Menteri sendiri minggu sudah mengakui dalam Dewan ini kekurangan kakitangan dalam Jabatan Buruh tidak dapat mengatasi masalah siasatan, masalah pengawasan dan pengawalan dalam ladang, lombong dan sebagainya. Jadi, adakah dengan adanya Rang Undang-undang ini, adanya peruntukan-peruntukan tentang bekalan air, elektrik dan sebagainya tetapi dengan adanya

kekurangan kakitangan dalam Kementerian dan Jabatan Buruh ia boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya? Tidak boleh. Maka kita balik kepada jawapan yang dahulu, kita balik kepada kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah dahulu, kekurangan kakitangan dan may be lenient again.

Tuan Speaker, air yang dijanjikan dalam Rang Undang-undang ini, dalam Fasal 6, saya harap dapat dibekalkan dan penyelenggaraan rumah-rumah itu dapat dilaksanakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan ada diberi satu jangka masa 5 tahun, kalau saya tidak silap—five-year plan untuk bekalan air. Tetapi ada juga bahagian-bahagian di mana sekiranya ladang itu didapati dalam kawasan pendalaman maka bekalan air daripada JKR atau Jabatan Bekalan Air mana-mana negeri tidak dapat disampaikan di situ, maka peruntukan ada dibuat supaya majikan boleh membekalkan air yang bersih yang disahkan oleh pegawai iaitu Ketua Pengarah. Tetapi ada juga yang mengatakan bahawa Pegawai Perubatan, dengan izin, Medical Officer of Health boleh mengambil contoh-contoh air supaya ia dapat memastikan buat analisa dan laporan untuk menentukan sama ada air ini dapat diminum dan digunakan. Saya ingin mendapat tahu oleh kerana tidak terdapat dalam undang-undang ini, apakah jangkamasa di antara satu analisa dan analisa yang kemudian, dengan izin, how often, what is the period between the first analysis and the second analysis? Setahun, dua tahun sekali? Ini harus diberi jawapan yang tegas.

Mengenai bekalan elektrik, Ketua Pengarah diberi kuasa untuk memberi pengecualian. Kenapa? Niat Kerajaan bekalan elektrik kepada pekerja-pekerja di ladang, di lombong, di mana yang boleh 24 jam—jangan cakap di mana yang boleh. Haruslah dibekalkan 24 jam dalam sehari, 24 hour-supply, dengan izin. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos sudah pun mengumumkan LLN mendapat keuntungan yang cukup banyak,

tahun sudah \$750 juta. Kenapa tidak boleh bantu dalam membekalkan elektrik di sini pada hal majikan boleh membayar untuk memasang tiang-tiang elektrik dan membawa bekalan elektrik ke rumah-rumah. Penggunaan itu akan ditanggung oleh pekerja, kita sedar. Tetapi kenapa diberi pengecualian? Kenapa Ketua Pengarah diberi kuasa itu? Apakah tujuannya? Adakah tujuannya apabila majikan kata, "kami tidak boleh, kami tidak ada duit hendak bawa elektrik hendak bagi 24 jam bekalan elektrik", maka Ketua Pengarah pun boleh memberi pengecualian. Terlalu luas kuasanya.

Tuan Speaker, saya tertarik dengan tempat asuhan kanak-kanak (nursery). Dalam Rang Undang-undang yang dibentang ini ada fasal untuk mewujudkan nursery ini dan semua majikan di mana pekerja-pekerjanya mempunyai anak atau tanggungan yang keramaiannya tidak kurang daripada 10 tanggungan yang berumur di bawah 4 tahun yang duduk sama-sama dengan mereka, maka dalam ladang itu atau dalam tempat kerja itu hendaklah diwujudkan tempat asuhan kanak-kanak. Tetapi apa yang dijanjikan dalam Rang Undang-undang ini adalah—Bahagian II—"Pada setiap hari seorang tanggungan ditempatkan di pusat asuhan kanak-kanak, dia hendaklah disediakan oleh majikan atas perbelanjaannya sendiri dengan bekalan susu dalam kuantiti yang mencukupi dan kualiti yang baik serta alat mainan." Itu sahaja. Tetapi kita sedar dalam estet, kalau penoreh getah keluar pagi-pagi mungkin 6.30 roll-call atau pukul 7.00 pagi dan dia kembali selepas menghantar susu getah ke faktori dan sebagainya, mungkin dalam pukul 2.00 petang. Apakah anak yang ditinggalkannya dalam Pusat Asuhan Kanak-kanak dari pukul 7.00 pagi hingga katakanlah pukul 2.00 petang hanya diberi susu dan alat mainan. Kenapa? Dan ini yang dibanggakan oleh Menteri Sumber Manusia, "Oh! kita sudah bagi sekarang Pusat Asuhan Kanak-kanak, ada susu—kualiti dan

kuantiti." Siapa menentukan kualiti? Tidak ada disebut dalam sini. Saya sudah baca, tidak ada. Siapa? Medical Officer? Tidak ada sebut. Jadi majikan boleh bagi apa susu pun. Kualitinya apa yang dijual di market di pasaran biasa. Apakah makanan lain tidak boleh diberi? Bukanlah menjadi tanggungan majikan lagi. Selain daripada alat mainan kenapa tidak ada buku dan lain-lain sebab ia sebagai nursery, asuhan kanak-kanak, hendak asuh apa, kalau tidak ada lain? Siapa yang menjaganya? Apakah kelayakan, qualification? Pada masa sekarang ini, teruk. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu tahu, teruk betul. Ini tidak ada dalam ini. Mereka mahu bagi susu dan alat mainan dan mengatakan mereka sudah menunaikan Fasal 10.

Saya ingin mendapat penjelasan dan

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Tuan P. Patto: Dalam sepuluh ke limabelas minit lebih kurang.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan P. Patto: Satu lagi masalah yang besar dalam ladang-ladang ialah fragmentation yang berlaku sekarang. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut dalam ucapan beliau, beliau ada menyebut tentang mewujudkan tempat sekolah dan sebagainya.

Masa sekarang ini sekolah-sekolah yang terdapat dalam estet tidak menerima bantuan yang sepatutnya diberi oleh Kerajaan, kerana: satu, alasan yang diberi oleh Menteri Pendidikan sendiri dalam jawapan kepada soalan yang saya kemukakan ialah, sekolah itu terletak di atas tanah bukan tanah Kerajaan maka bantuan sepenuhnya tidak dapat diberi. Saya bertanya kenapa Kerajaan tidak boleh mengambil alih, acquire tanah itu. Ia boleh acquire tanah di mana-mana tempat pun untuk public purpose, dengan izin—land acquisition. Mengapa ia tidak boleh? Kenapa sekolah-sekolah itu

dalam keadaan yang buruk, teruk harus diteruskan di dalam ladang-ladang. Bercakap dalam Dewan tentang niat Kerajaan mahu mewujudkan sekolah yang baik, yang itu dan ini, itu soal lain. Tetapi ini hakikat benar berlaku dalam estet.

Saya pernah bertanya kepada pegawai Jabatan Pendidikan, mereka kata kami tidak boleh buat apa-apa, tanya Menteri, Menteri kata begitu. Saya tanya balik kenapa tidak mahu mengambilalih (acquire) tanah itu bagi maksud membina sekolah? Dia kata Kerajaan belum ada cadangan. Kenapa belum ada cadangan? Kerana itu soal pokok oleh kerana kalau kanak-kanak dalam estet khususnya, kita mahu melihat mereka maju, progress, kita hendaklah menjamin bahawa tempat pendidikan mereka di estet-estet hendaklah sempurna, bukan seperti sekarang, bantuan tidak ada, ada pun bukan sepertimana yang harus kita bagi. Dan saya mahu bangkitkan di sini satu masalah yang mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di Ladang Kelebang, Ipoh. Ladang itu dipecahjual (fragmented) oleh kerana hendak wujudkan rancangan perumahan yang besar.

Saya sedar bahawa seorang Timbalan Menteri mempunyai kepentingan dalam projek ini, dan beliau sendiri pun ada mengakui beliau akan mengatasi beberapa masalah yang timbul, bukan secara direct, he has an interest—family business company. Di ladang ini baru-baru ini, penggal sekolah sekarang, majikan menamatkan bekalan elektrik dan air bagi sekolah ini, bagi rumah sudah memang mereka buat, mereka tidak membayar bayaran rentikerja (termination benefit). Ada perbincangan di antara majikan dan pekerja-pekerja di depan pegawai-pegawai Jabatan Buruh dan persetujuan sudahpun dicapai di mana majikan setuju membayar \$5,000 bagi setiap pekerja yang ada berkhidmat dengan syarat mereka tinggalkan rumah yang disediakan oleh majikan dahulu itu. Dan mereka kata mereka mahu \$5,000 itu

dahulu sebelum mereka keluar, jadi satu deadlock, sudah berbulan-bulan tidak habis. Dalam pada itu majikan tiba-tiba menamatkan bekalan elektrik ke sekolah. Mereka mengadu tidak boleh buat apa-apa. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pun tidak boleh buat apa.

Saya tidak tahu sama ada disampaikan kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia atau tidak, tidak dapat juga diatasi, kenapa? Inilah the sorry state of affairs in the estate.

Gambaran yang diberi sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang ini akan membawa era baru kepada pekerja-pekerja dalam ladang dan lombong dan ia akan dijadikan seolah-olah seperti syurga untuk pekerja-pekerja di situ. Padahal dalam pengetahuan saya dan tentu pengetahuan Timbalan Menteri Sumber Manusia mereka hidup dalam neraka di kebanyakan ladang-ladang. Lombong-lombong kurang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri walaupun Rang Undang-undang ini meliputi lombong juga, banyak lombong-lombong besar yang masih wujud, yang kecil sudah lingkup kerana krisis bijih beberapa tahun dahulu dan terpaksa ditutup beberapa buah lombong dan baru-baru ini dalam setahun dua ada yang dibuka balik. Tetapi bagaimanakah provisions yang terdapat, dalam Rang Undang-undang ini boleh dilaksanakan di dalam lombong-lombong, oleh kerana ada lombong ini beroperasi 24 jam—biasanya dan lombong-lombong yang kecil, sederhana tidak menyediakan rumah kalau ada menyediakan pun itu dipanggil kongsi, 'rumah panjang', 20-30 orang tidur sekali. Bagaimana ia boleh dilaksanakan oleh kerana dengan keadaan industri bijih yang tidak begitu kekal (permanent) dan tidak ada satu-satu tanda yang boleh kita katakan bahawa bijih timah ini atau industri bijih timah ini satu-satu industri yang boleh dikatakan kekal, tidak ada jaminan. Dan oleh kerana tidak ada jaminan begitu bagaimana peruntukan-peruntukan

dalam Rang Undang-undang ini boleh dilaksanakan dalam lombong-lombong dan apakah tempat-tempat lain yang dikatakan di mana pekerja harus diberi perumahan, bekalan elektrik dan air. Bagaimana Menteri atau Ketua Pengarah akan menentukan yang mana satu harus, di mana majikan harus menyediakan perumahan.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan, khususnya mengenai kuasa-kuasa, pengecualian yang diberi kepada Ketua Pengarah dalam berbagai bentuk. Dan sebelum saya mengakhiri, saya sungguh tertarik dengan beberapa ciri yang terdapat dalam undang-undang baru, khususnya mengenai kewajipan majikan menyediakan klinik dalam setiap estet. Bagaimana dengan lombong-lombong besar, saya tahu macam di Gopeng—Gopeng Bhd atau lombong-lombong yang ada di Selangor yang besar, memang ada menyediakan, tetapi sepertimana saya katakan tadi, oleh kerana keadaan dan industri bijih timah itu masih tidak begitu stabil, maka bagaimanakah peruntukan ini dapat dilaksanakan dalam lombong-lombong.

Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri bolehkah beliau mengatakan dengan jujur dan ikhlas bilakah peraturan-perturan baru, kedua-dua perturan baru dan Rang Undang-undang ini akan diwartakan dengan serentaknyanya, jangan menjawab sebaik sahaja Menteri membuat keputusan, itu saya pun tahu, tetapi secara ikhlas dan jujur, bila?

Yang kedua, sehingga waktu itu tidakkah benar bahawa peruntukan-peruntukan yang sedia ada sepertimana disyaratkan di dalam fasal yang akhir saya kira 35, kalau tidak silap di mana regulation yang sedia ada itu akan terus berkuatkuasa. Saya ingin mendapat penjelasan berapa lama? Oleh kerana ini bergantung kepada peraturan-peraturan baru dan juga Rang Undang-undang ini diwartakan sebagai Akta dan peraturan-peraturan yang harus berkuatkuasa bagi seluruh negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli dari Arau, selepas itu saya akan jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.48 mlm.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Macam itu baru betul, beri merapu sampai satu jam.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, . . .

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah sebut Ahli dari Arau, selepas itu saya akan jemput Timbalan Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya sudah beri.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau boleh 5 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, selepas Ahli dari Arau, ringkas sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ahli Barisan Nasional hendak cakap dekat 10 orang tadi, tetapi ada satu orang daripada sana bercakap sampai satu jam, sekarang ini peluang saya hendak ambil 5 minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Yang Berhormat Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini sepenuhnya, cuma saya hendak sentuh satu perkara sahaja iaitu berhubung dengan takrifan estet. Jadi, kalau ikut Rang Undang-undang ini, takrifan estet ini telah diperluaskan

skopnya, termasuk kepada mana-mana tanah pertanian yang melebihi 20 hektar luasnya dan termasuk lombong dan mana tempat-tempat pekerjaan lain sebagaimana yang telah ditentukan oleh Menteri. Jadi, ada orang yang bukan kawan saya bercakap, tanya fasal lombong adakah tafsiran estet ini meliputi semua. Jadi, saya berpendapat bahawa beliau tidak baca. Kalau kita baca dengan jelas di sini menunjukkan bahawa yang dikatakan estet itu ia meliputi semua tanah pertanian, termasuk lombong. Tetapi saya hendak pastikan, sebab ketika dia tanya tadi, mungkin saya keliru ataupun saya tidak faham tentang apa yang ditulis di sini, ataupun dia tidak baca, cuma cakap untuk habiskan masa sahaja supaya ini ditentukan dengan sepenuhnya bahawa takrifan ini sebenarnya tidak perlu . . .

Tuan P. Patto: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Arau, dia minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kemudian yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri Yang Berhormat. Dia minta penjelasan, boleh beri?

Tuan Shahidan bin Kassim: Oh, ini tidak ada masalah. Saya beri.

Tuan P. Patto: Nombor 1, saya sungguh kesal dengan Yang Berhormat dari Arau tidak dengar dengan sepenuhnya ucapan saya. Saya memang tahu, saya sudah baca kedua-dua bahasa. Mungkin Yang Berhormat tidak tahu bahasa Inggeris, itu sebabnya Perdana Menteri suruh baca Inggeris sekarang. Saya, Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, kedua-dua sudah baca. Saya minta penjelasan tafsiran "mine"—lombong berapa besar, beberapa pekerja,

sebab tidak ada disebutkan. Mungkin dalam peraturan ia akan keluar, saya tidak tahu. Jadi, jangan buat sangkaan jahat ke atas saya, kata saya tidak baca, saya tidak faham, saya tidak tahu. Jangan cerita macam itu, tidak baik, tidak elok. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sudah habis? Hendak minta lagi? Kalau hendak bercakap, bercakaplah, memang awak suka bercakap, tetapi kadang-kadang awak tidak tahu apa yang awak cakapkan.

Tuan P. Patto: Saya

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduklah Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat sudah lama bercakap.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia sebut dengan terang melebihi 20 hektar luasnya, termasuk lombong.

Tuan P. Patto: Itu estet, bukan lombong.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tanah pertanian!

Tuan P. Patto: Apalah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Baca betul-betul, ini ia masuk tanah pertanian yang melebihi 20 hektar, termasuk lombong.

Tuan P. Patto: Lombong tidak masuk?

Tuan Shahidan bin Kassim: Termasuk lombong.

Tuan P. Patto: Tanah lombong berapa besar?

Tuan Shahidan bin Kassim: 20 hektar lebih.

Tuan P. Patto: Baca baik-baiklah.

Tuan Shahidan bin Kassim: You pun baca baik-baik. Awak pun bodoh, awak pun bukan cerdik, awak lulus apa?

Tuan P. Patto: "Saya pun bodoh"—dia mengakui dia bodohlah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau saya bodoh pun, saya tidak sebodoh DAP yang tidak faham ini. Ini bukan sahaja DAP tidak faham, awak pun tidak faham.

Tuan P. Patto: Awak itu siapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau Tuan faham?—panggil "Tuan" walaupun tuan "bodoh", kalau faham, tidak akan menjerit-jerit supaya minta Kerajaan Amerika tarik balik GSP.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya harap buat satu ruling mengenai penggunaan perkataan 'tuan bodoh, itu dan ini'.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Okay, Yang Berhormat.

Tuan P. Patto: Saya ingat ini tidak elok.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan sahaja Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak apalah!

Tuan P. Patto: Apa yang tidak apa!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya juga minta supaya penjelasan yang terang diberi mengenai perkara ini untuk membolehkan sama-sama kita faham bagaimana undang-undang ini hendak dilaksanakan.

Kemudian yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan Fasal 10. Fasal 10 ini menyatakan dengan nyata kuasa diberikan kepada Ketua Pengarah untuk meminta majikan membina pusat asuhan dan seterusnya di bawah program ini majikan juga diminta untuk membekalkan susu dan sebagainya. Dia beri secara terang dalam kuantiti yang mencukupi. Jadi, saya minta supaya perkara ini diberi

penekanan yang serius dan saya ingin bertanya apakah pula hubung kaitnya dengan Kementerian Pendidikan, kerana kita mendapati bahawa Kementerian Pendidikan memang memberi susu kepada penuntut-penuntut di bawah Skim AMP. Tetapi ianya tidak dilibatkan dengan sekolah asuhan kanak-kanak, tetapi di bawah pindaan baru Akta Pendidikan, apakah ianya ada hubung kait dengan Kementerian Pendidikan berhubung dengan pemberian susu?

Perkara ini harus diberi penekanan, sebab kita tahu bahawa kadang-kadang kita tidak mahu diberi benda-benda yang kualitinya tidak memuaskan dan sebagainya. Tadi Timbalan Menteri telah memaklumkan bahawa ianya melibatkan lebih 10,000 kanak-kanak supaya mereka juga mendapat nikmat yang sama seperti di taman asuhan di tempat-tempat lain. Jadi, dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta ini dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang sentiasa memberi perlindungan dan sentiasa memperhatikan nasib pekerja-pekerja.

Saya juga minta Kementerian ini supaya dari masa kesemasa sentiasa memerhatikan bahawa pekerja-pekerja sentiasa mendapat perlindungan dan pastikan supaya pekerja-pekerja tidak terhasut dengan mana-mana kumpulan tertentu yang cuba datang untuk menghasut dan sebagainya, untuk membuat tunjuk perasaan yang boleh merosakkan hubungan di antara pekerja dan majikan. Kita tahu bahawa sekarang ini parti Pembangkang, terutama di sebelah sana sedang giat menghasut pekerja-pekerja supaya membuat tunjuk perasaan, walaupun berhubung dengan perkara-perkara yang kecil. Tujuan mereka ialah untuk menunjukkan kepada Kerajaan bahawa walaupun mereka meminta GSP ditarik balik, tetapi mereka hendak tunjuk kepada Kerajaan yang mereka juga masih mendapat pengaruh daripada pekerja-pekerja. Kita tidak mahu perkara ini berlaku walaupun ada undang-undang dan sebagainya, sebab penghasut ini

selagi dunia tidak kiamat, sebab dalam Islam dia kata syaitan dan juga iblis akan hidup sampai hari kiamat dan dia akan terus menghasut manusia-manusia yang lemah itu. Di antara kawan iblis dan syaitan ini ialah mereka yang sentiasa menghasut untuk mewujudkan keadaan huru-hara (chaos) supaya dengan itu mereka boleh muncul sebagai hero-hero yang kurang waras. Jadi saya mengucapkan tahniah sekali lagi kepada pihak Kerajaan dan juga saya minta supaya masa hadapan ini, mungkin kemudahan yang sama boleh difikirkan untuk pekerja-pekerja kilang. Walaupun perkara ini mungkin sukar dilaksanakan, tetapi mungkin boleh dipanjangkan kepada pekerja-pekerja yang lain yang terlibat dalam perkilangan dan lain-lain industri supaya ianya secara tidak langsung boleh menjamin masa depan dan juga kebajikan pekerja-pekerja di Malaysia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya beri Sungai Petani 5 minit, kemudian Kota Melaka 5 minit.

8.59 *mlm.*

Tuan Haji Abdul Manaf bin Ahmad (Sungai Petani): Bismillah-hirrahman-nirrahim. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya. Sebenarnya saya ingin hendak bercakap secara ringkas sahaja untuk menyokong pembentangan Rang Undang-undang (Standard-standard Minimum) Perumahan dan Kemudahan-kemudahan Pekerja 1990.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tentu sedar dengan Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini adalah satu Rang Undang-undang yang sebenar-sebenarnya membela kaum buruh, terutamanya pekerja-pekerja yang tinggal di ladang-ladang. Tetapi sebagai hendak tunjuk jaguhnya, maka adalah orang-orang tertentu di dalam Dewan ini goreng-goreng supaya jadi warna lain.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian dan kepada Kerajaan yang telah mengemukakan Bill ini. Ini adalah satu pertanda bahawa Kerajaan sangat-sangat sensitif dengan teguran-teguran yang dibuat di dalam Parlimen ini. Di dalam Parlimen ini beberapa orang Ahli daripada Barisan Nasional telah mengemukakan beberapa pandangan-pandangan mengenai kehidupan kaum buruh yang terhimpit di ladang-ladang. Sebagai sambutan kepada rintihan-rintihan dan cadangan-cadangan itu, maka pihak Kerajaan telah mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Perkara-perkara utama yang telah dikemukakan, yang disungutkan pada masa yang lalu ialah mengenai rumah-rumah tempat tinggal bagi kaum buruh, rumah asuhan kanak-kanak, elektrik, api, air dan lain-lain iaitu hospital, klinik, kebersihan, semuanya telah dimasukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Malah, di dalam Rang Undang-undang ini juga ditegaskan tentang penguatkuasaan kerana penguatkuasaan itulah yang sangat pentingnya kerana kalau setakat ada peraturan, kalau setakat ada undang-undang sahaja maka ianya tidak memadai.

Selain daripada itu saya yang menjadi Wakil Rakyat bagi kawasan-kawasan yang ada banyak ladang di Sungai Petani mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan dan Kerajaan Negeri yang telah berusaha mendirikan rumah-rumah untuk dimiliki oleh buruh-buruh di ladang-ladang berkenaan, ini adalah suatu perkara yang sangat mengembirakan. Oleh sebab Kerajaan hendak membantu rakyat yang susah dan miskin maka tentulah pihak Pembangkang rasa gelisah, mereka takut kehilangan pengaruh mereka di dalam estet. Adakah mereka sanggup melihat buruh-buruh di dalam ladang-ladang itu kekal macam sekarang dan mereka lebih rela melihat diri mereka menjadi jaguh-jaguh, hanya bercakap dan berucap semata-mata.

Pihak Kerajaan telah berusaha dengan sedaya upaya bagi memberi segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan kepada rakyat jelata terutamanya kepada kaum buruh sepertimana yang telah ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Dengan ini, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian dan kepada Kerajaan yang telah memperkenalkan dan membentangkan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 5 minit Kota Melaka, selepas ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

9.05 mlm.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyokong ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Ipoh tadi terutamanya tentang kekurangan dan kelemahan yang terdapat di Rang Undang-undang (Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan) Pekerja 1990 ini. Sungguhpun pada prinsipnya parti DAP menyokong usaha Kerajaan untuk menetapkan satu standard minimum perumahan tetapi kesal dengan kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini yang membolehkan pemilik-pemilik ladang mengelakkan daripada mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sempat mencatat ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, di mana beliau menyatakan setengah dari ladang-ladang di Malaysia tidak mempunyai kemudahan bekalan elektrik yang memuaskan di mana sebanyak 773 ladang masih menggunakan alat generator. Dan juga bahawa 41% ladang-ladang menggunakan kemudahan tandas yang tidak memuaskan dengan menggunakan tandas berkelompok dan lain-lain dan daripada jumlah itu lebih kurang 390 estet masih bergantung kepada

tandas jenis berlubang. Dan bahawa 61% atau 1,108 ladang tidak menikmati air paip bekalan Kerajaan dan kebanyakan terpaksa menggunakan bekalan air daripada sumber-sumber yang tidak sihat dan yang juga menjejaskan kesihatan sehingga menyebabkan banyak penyakit.

Tuan Yang di-Pertua, adalah nyata bahawa bukan sahaja kemudahan-kemudahan asas seperti ini serba berkurangan tetapi penghuni-penghuni dan penduduk estet adalah merupakan satu golongan yang termiskin di Malaysia. Tetapi adalah amat menyedihkan bahawa pihak Kerajaan tidak mengambil sebarang langkah untuk mengatasi kekurangan kemudahan-kemudahan asas seperti ini dan juga kemiskinan yang dialami oleh penghuni-penghuni estet.

Oleh sebab itu, di sini saya hendak mencadangkan untuk mengatasi masalah kemiskinan bahawa pihak Kerajaan menubuhkan satu tabung pembasmian kemiskinan atau satu tabung pembangunan estet sebanyak \$1,200 juta supaya kita dapat memperbaiki atau memberikan satu mutu hidup yang lebih sempurna kepada penghuni-penghuni. Di sini saya hendak bertanya, mengikut dengan izin, loan agreement for rural development/poverty eradication project between the Overseas Economic Corporation Fund, Japan and Malaysia di mana sebanyak \$536 juta telah diberikan untuk tujuan tersebut iaitu membasmi kemiskinan sehingga tempoh Jun tahun ini. Daripada jumlah ini berapa banyakkah telah digunakan untuk membasmi kemiskinan di ladang-ladang atau di estet-estet.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia di suratkhbar

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap, Sungai Petani hendak apa?

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, tidak ada masa.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Sedikit sahaja, sebab wang yang hendak dikeluarkan tadi itu mungkin akan dianggap sebagai wang rasuah pula kemudiannya.

Tuan Lim Guan Eng: Apa ini, wang ini sebanyak \$536 juta daripada loan yang dipinjam daripada Malaysia; mana ada, saya tidak sebut satu perkataan 'rasuah' langsung, saya rasa mungkin Yang Berhormat mimpilah.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya maksudkan tadi, sebab apa

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Manusia bahawa 'penghuni-penghuni estet' dibenarkan memiliki saham dalam estet mereka dan saya harap cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri disetujui, dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Saya amat kesal bahawa saya tidak tengok sebarang peruntukan yang melaksanakan cadangan yang dibuat sendiri oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dan juga saya hendak bertanya mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menggunakan kuasanya, kalau beliau ada, untuk meminta pihak LLN memberikan bekalan elektrik yang lebih sempurna di estet kerana beliau sendiri mencela dan mengkritik LLN kerana gagal memberikan bekalan elektrik kepada estet-estet tetapi apakah tindakan susulan yang diambil oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap kritikan atau celaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri. Saya harap bahawa Yang

Berhormat Timbalan Menteri tidak hanya membuat omong-omong kosong.

Beliau juga mengkritik pemilik ladang-ladang besar seperti Guthrie dan Dunlop kerana gagal memberikan kemudahan-kemudahan asas seperti yang dinyatakan tadi. Apakah tindakan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri terhadap Guthrie dan Dunlop itu. Itu yang saya hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa cadangan Rang Undang-undang ini adalah untuk memberikan satu mutu hidup yang lebih sempurna kepada penghuni-penghuni estet. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan pekerja-pekerja atau penghuni di estet ditindas oleh tuan majikan mereka di mana mereka bukan sahaja dinafikan kemudahan asas tetapi dipaksa, terkongkong dalam kehidupan yang wujud di estet.

Saya berikan satu contoh di Carey Island, di mana ladang estet di Carey Island dimiliki oleh PNB di mana PNB tidak membenarkan sistem pengangkutan (transport) atau sistem bas atau van swasta masuk ke estet untuk mengangkut penduduk-penduduk estet keluar dari estet untuk bekerja. Kalaulah pihak Kerajaan serius untuk memperbaiki mutu hidup pekerja-pekerja estet, pihak Kerajaan patut memaksa atau mengarahkan ladang-ladang menyediakan kemudahan pengangkutan untuk membolehkan penghuni-penghuni keluar dari estet ke bandar—perbelanjaan ini bukanlah dibiayai oleh ladang-ladang—dan membenarkan pengangkutan swasta, bas-bas swasta, masuk ke dalam estet. Di Carey Island ini pemilik ladang ini tidak membenarkan bas atau van swasta untuk masuk ke dalam estet.

Akhirnya, sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa di dalam Carey Island ini hanya parti-parti politik daripada komponen Barisan Nasional dibenarkan mengadakan ceramah

mereka, tetapi untuk parti Pembangkang ini tidak dibenarkan. Adakah ini satu arahan daripada Kerajaan untuk menafikan pihak Pembangkang satu peluang untuk berceramah, untuk memberitahu kepada rakyat tentang kemungkinan yang dibuat oleh Kerajaan kerana takut bahawa rakyat akan tahu apa yang dibuat oleh pihak Kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Timbalan Menteri menjawab.

9.12 mlm.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih yang bersungguh-sungguh kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang semuanya telah berucap. Walaupun ada beberapa hujah yang dikatakan oleh sebahagian daripada mereka, khasnya dari DAP, yang saya tidak bersetuju, tetapi saya ucap terima kasih di atas minat yang ditunjuk oleh mereka dan kajian yang diberi oleh mereka terhadap Rang Undang-undang ini sungguhpun kadangkala tersilap dalam anggapan mereka.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang saya ucap terima kasih di atas minat beliau dalam pekerja-pekerja estet. Saya tidak akan salahkannya, tetapi nampaknya beliau masih, dengan izin, smarting under the attack minggu lalu dan saya tidak mahu labour the point, dengan izin, di sini mengenai beliau, walaupun ada ramai pemimpin-pemimpin MTUC dan tokoh-tokoh politik lain yang harus menjelaskan dalam sikap dan tindak-tanduk mereka. Saya dapat menerima bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang itu telah secara tidak sedar hadir di barisan piket yang dianjurkan oleh pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kita dan tokoh-tokoh politik yang lain untuk meraikan lawatan Terry Collingsworth ke negara Malaysia. Terry Collingsworth ialah yang menjadi pemimpin untuk

usaha-usaha menggugurkan kemudahan-kemudahan pengecualian cukai import di atas barang-barang eksport kita ke USA di bawah kemudahan GSP. Jadi saya tidak mahu panjangkan penglibatan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dalam perkara itu, tetapi beliau terpaksa menanggung hakikat kehadiran beliau dalam satu mogok yang mempunyai tujuan yang begitu tidak baik.

Perkara-perkara lain yang diujulkan oleh beliau

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' K. Pathmanaban: Saya tidak katakan apa-apa mengenai Ahli dari Kepong. Mengenai hujah beliau di atas Rang Undang-undang ini

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong hendak apa?

Dr Tan Seng Giaw: Penjelasan. Adakah beliau sedar dalam urusan

Dato' K. Pathmanaban: Saya tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia tidak beri.

Dato' K. Pathmanaban: Mengenai perkara-perkara lain yang diujulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, saya mengalu-alukan apa yang dikatakan oleh beliau dan minat yang ditunjukkan. Tetapi jika Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah mendengar ucapan saya seperti dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh nampaknya, beliau akan dapat menjimatkan selama setengah daripada ucapan beliau, seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, tetapi malangnya tak berapa dengar, mungkin sudah sediakan ucapan terlebih awal sebelum mendengar ucapan saya. Banyak kelemahan yang disebutkan oleh beliau adalah angka-angka dan pen-

jelasan yang diberi oleh kami sendiri, hasil daripada kajian dan tinjauan yang dibuat oleh kami untuk menyediakan satu pendekatan yang baru dan lebih berkesan dan merangkakan Rang Undang-undang yang lebih baik dan menyediakan tindakan-tindakan yang lebih berkesan terhadap masalah golongan pekerja ladang khususnya. Jadi apa yang diucapkan oleh beliau adalah satu yang kita sudah memang tahu.

Hanya dua perkara dalam ucapan beliau yang saya harus menjawab. Satu, mengenai Tadika. Rang Undang-undang ini memang memerlukan (compel) kewujudan pusat asuhan kanak-kanak bagi kanak-kanak kurang daripada umur 4 tahun di estet-estet berbanding dengan Akta Asuhan Kanak-kanak di bawah jagaan Kementerian Kebajikan Masyarakat, yang tidak memaksa sesiapa pun untuk mewujudkan kemudahan seperti ini. Jadi dalam perkara ini kita memaksakan atau mengcompelkan pihak majikan ladang untuk memberi kemudahan pusat asuhan kanak-kanak untuk kanak-kanak di bawah umur 4 tahun. Yang lainnya memang kita tidak paksakan seperti tidak dipaksakan dalam undang-undang yang lain, tetapi memang kita menggalakkan kepada anak-anak yang lebih tua, pra sekolah dan sebagainya.

Seperti saya telah mengatakan dalam ucapan saya, ada banyak ladang yang telah menyahut seruan kita dan galakan kita dalam perkara ini. Sebelum Rang Undang-undang ini dibawa, sebanyak 240 buah ladang telahpun mewujudkan Tadika di ladang-ladang mereka dan 49 buah daripadanya adalah dianjurkan oleh Kerajaan sendiri melalui KEMAS, Jabatan Perpaduan Rakyat dan sebagainya. Jadi ada jalan yang terbuka untuk kita mendesak lebih banyak lagi taman asuhan kanak-kanak diwujudkan oleh badan-badan pergerakan sukarela, majikan, union dan juga Kerajaan di tempat-tempat yang mana perlu. Tidak payahlah kita membuat paksaan untuk mereka mewujudkan kemudahan-kemudahan bagi kanak-kanak tercacat

dan sebagainya, kerana Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang Minimum dan keperluan yang lebih boleh juga diberi dari semasa ke semasa, bila-bila perlu. Ketua Pengarah Buruh boleh membuat peraturan atau membuat arahan kepada tempat-tempat di mana syarat-syarat yang khas dan istimewa adalah perlu bagi golongan kanak-kanak yang tertentu.

Mengenai perkhidmatan ambulan yang didesakkan oleh beliau, Fasal 18 (1) (b) dalam Rang Undang-undang jelas memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Buruh untuk memaksa atau memerlukan pihak majikan menyediakan pengangkutan bagi pekerja-pekerjanya atau tanggungan mereka yang sakit dan diperlukan dikejarkan ke hospital dan balik dari hospital itu. Tertakluk kepada kerapnya perlu kenderaan seperti ini, Pegawai Perubatan di daerah itu dapat juga mengarahkan untuk ambulan disediakan dan jika perlu ambulan dapat disediakan di bawah kuasa di dalam Fasal 18 (1) (c). Tetapi apabila kegunaan kenderaan untuk membawa pesakit-pesakit ini tidak begitu kerap dan tidak begitu banyak, tidaklah payah untuk kita memerlukan satu ambulan disediakan kerana ambulan ini adalah single-use vehicle, dengan izin, dan dalam keadaan seperti ini jika kita dapat puas hati bahawa multi-use vehicle yang lain dapat juga digunakan secara sempurna, tak payahlah kita mendesak untuk ambulan disediakan.

Mengenai doktor-doktor dan pakar-pakar, pakar X-ray, pakar urut dan sebagainya tidak ada dalam estet-estet. Memang saya bersetuju bahawa hospital-hospital estet tidak dikehendaki untuk mengadakan rawatan pakar (specialist) ataupun rawatan pergigian dan sebagainya kerana hospital-hospital estet ini bukanlah hospital am, bukan general hospital. Dan hospital-hospital ini adalah tempat di mana pihak majikan diperlukan untuk memberi rawatan yang biasanya sebagai rawatan pertama atau immediate dan jika perlu, pesakit itu, pekerja atau tanggungan mereka perlu dibawa ke

hospital kerana lebih rumit penyakitnya dan memerlukan perkhidmatan pakar-pakar yang lain, memang mereka akan membawa pesakit ini ke hospital-hospital yang berhampiran. Dan kita harap bahawa ia akan dapat dibuat dan kakitangan yang berada di hospital-hospital itu akan dipertingkatkan dalam kemahiran dan bilangannya di bawah proses pendaftaran hospital-hospital ini di bawah Akta Hospital Swasta 1971.

Proses pendaftaran hospital-hospital estet di bawah Akta ini juga akan memerlukan lawatan yang lebih kerap ke hospital-hospital ini, ke klinik dan pusat-pusat asuhan kanak-kanak oleh doktor-doktor pelawat atau visiting medical officers untuk menentukan bahawa beliau dapat menentukan bahawa pesakit-pesakit dan kanak-kanak ini diselenggara secara memuaskan untuk semak semula, semak balik cara mereka dikendalikan dan untuk menentukan bahawa rawatan yang sempurna dan cukup diberi kepada kekurangan ini. Jadi, itulah tujuan hospital-hospital estet. Tujuan kita bukanlah untuk menjadikan hospital estet itu sebagai satu hospital pakar atau specialist hospital ataupun sebagai general hospital untuk mengendalikan semua kes yang timbul di estet-estet, sebagai halfway house dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat dari Ipoh telah membangkitkan banyak perkara dan nota saya sahaja yang ada tercatat ialah sebanyak 13 muka atau 12 muka untuk dijawab. Tidak payah saya menjawab semuanya. Tetapi saya hendak katakan awal-awal lagi bahawa sangkaan beliau dan hujah beliau mengenai kedudukan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia tidaklah baik. Fikirannya tidak baik, tujuannya tidak baik. Dan apa yang dikatakannya tidaklah elok dikatakan di sini. Memang bukan benar bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang baru tidak hadir di Dewan ini atau menjawab soalan-soalan di sini—ada pernah jawab, tetapi ada dua Timbalan Menteri . . .

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Dato' K. Pathmanaban: Nanti sekejap.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar yang beliau tidak pernah jawab dalam Dewan ini. I stand by what I have said. If I am wrong, please refer me to the Committee of Privileges, but don't mislead the House, dengan izin. Dia tidak ada.

Dato' K. Pathmanaban: Kita boleh semak itulah, kerana sepanjang yang saya tahu dan saya sedar sepenuhnya bahawa beliau tidak ada apa-apa keengganan atau keberatan untuk datang ke Dewan ini untuk menjawab soalan atau membawa mengemukakan Rang Undang-undang ini. Sebenarnya Rang Undang-undang ini harus dibawa oleh beliau sendiri kerana beliau telah mengambil perhatian dan interest yang besar dalam mempercepatkan Rang Undang-undang ini untuk menentukan kelulusan Rang Undang-undang, sentiasa mengambil berat tentang perkara ini dan beliau sendiri telah sedar bahawa banyak masalah di kalangan pekerja-pekerja estet khasnya yang harus kita memberi tumpuan khusus. Jadi, banyak dasar dan keputusan yang saya umumkan dalam ucapan saya tadi adalah fikiran dan persetujuan Menteri dalam perkara ini. Tak payah kita menyangkal bahawa beliau tidak mahu bawa Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa Ahli dari Ipoh membangkitkan perkara tadi bukan kerana beliau berkehendak Yang Berhormt Menteri menjawab ataupun membentangkan Rang Undang-undang ini, tetapi hanya kerana beliau tidak mahu anggota MIC mengemukakan Rang Undang-undang ini, kerana beliau tidak mahu MIC

mengambil kesempatan ataupun keuntungan politik daripada kerana membentangkan undang-undang ini dalam Parlimen. (*Ketawa*)

Dato' K. Pathmanaban: Mungkin, tetapi tidak silap, tidak salah, untuk MIC mengambil credit dalam perkara ini juga, kerana kita dalam Kerajaan, kita meng-
anjurkan beberapa tindakan, apa salah kita mahu menerima, mungkin untuk perkara itu, tidak salah, tepat kerana jika tidak dibuat, kita akan dihentam oleh orang-orang macam ini. Apabila bawa Rang Undang-undang mereka hendak katakan Menteri tidak bawa atau dibawa untuk hasil politik dan sebagainya. Saya masih ingat di Dewan ini beberapa soal ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pembangkang dan juga daripada Barisan penyokong Kerajaan tentang beberapa aspek yang tidak memuaskan dalam kemudahan dan kesejahteraan pekeja-pekerja ladang dan kita telah jawab berkali-kali bahawa kita sedang menyediakan beberapa rangkaian tindakan undang-undang dan sebagainya dan ada jika tidak salah barisan pembangkang ini telah mendesak kita lambat laun dalam membawa Rang Undang-undang. Apabila kita bawa Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat dari Ipoh berani mengatakan bahawa ini adalah umpan politik untuk pilihanraya. Jika tidak bawa, mereka akan kata ini Kerajaan tidak ambil berat. Jadi, buat pun salah, tidak buat pun salah. Jadi, saya tidak akan menghiraukan apa yang dikatakan oleh beliau dalam perkara ini.

Tuan P. Patto: Tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa sewaktu saya berucap saya mengatakan bahawa sudah 24 tahun wujudnya Regulations dan undang-undang mengenai Workers (Minimum Standard of Housing) Act 1966 dan juga Regulations dan oleh kerana ada banyak peruntukan yang tidak dapat dilaksanakan sepertimana yang dikehendaki dalam Rang Undang-undang dan Regulations, maka saya timbulkan soal itu tadi. Bukan kerana buat pun salah, tidak buat pun salah,

bukan itu. Saya ingat dengan jujur dan ikhlas, jangan putarbelit.

Dato' K. Pathmanaban: Itu pun saya akan jawab nanti kerana beliau terbaca seksyen-seksyen itu secara silap dan saya akan jawab. Tetapi saya hendak katakan jika Kerajaan boleh dapat sokongan daripada pekerja-pekerja ladang kerana kita sangat berminat dalam kesejahteraan mereka, itu memang satu yang natural, satu yang biasa. Tidak ada salah untuk kita membuat baik kepada golongan pekerja. Tidak usahlah kita disalahkan dalam perkara ini dan dalam perkara Yang Berhormat Menteri sendiri. Saya hendak tegaskan lagi bahawa saya telah ditugaskan dalam perkara ini lebih-lebih lagi kerana Yang Berhormat Menteri pergi ke Geneva untuk menghadiri Persidangan ILO dan dijangka bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa masa beliau tidak ada di negara kita. Tetapi malangnya kita terpaksa tarik balik Rang Undang-undang dan menggantikannya dengan naskah yang lebih bersih. Jadi, oleh kerana itulah saya terpaksa pada akhir sesi ini sampai pukul 9.30 malam, kalau tidak sudah selamat saya dua tiga hari dahulu.

Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat juga bahawa Rang Undang-undang ini bukan untuk pekerja-pekerja ladang semata-mata. Saya sendiri telah jelaskan bahawa Rang Undang-undang ini terpakai kepada ladang-ladang, kepada lombong-lombong dan juga tempat-tempat pekerjaan yang lain. Tidak ada kesilapan atau apa jua salah faham di kalangan saya. 85% daripada perumahan yang dibekalkan oleh majikan-majikan sekarang terdiri di ladang-ladang, kerana itu tumpuan, attention, emphasis kita kepada pekerja-pekerja ladang, itu pun tidak silap, saya rasa.

Dalam perkara kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Buruh yang dibesarkan oleh Yang Berhormat tadi, tidak perlu dibuat begitu. Apa yang dikatakan oleh Ketua Pengarah Buruh yang mengambil ingat, saya hendak mengaku

peranan pegawai dalam Rang Undang-undang ini dan beberapa aspek kerja-kerja untuk menyediakan Rang Undang-undang dan beberapa pendekatan yang baru, Ketua Pengarah Buruh, Yang Amat Mulia Tengku Omar sendiri telah mengambil berat dalam perkara-perkara ini. Apa yang beliau telah mengatakan ialah bahawa beliau dan pegawai-pegawai beliau sehingga ini telah lebih menumpukan hasrat dan perhatian kepada nasihat, pujukan dan desakan kepada majikan walaupun ada juga majikan, lebih kurang 40-50 majikan, dibawa ke mahkamah untuk didakwa dan dikenakan fine kerana Akta Perumahan 1966 ini. Tetapi lebih banyak tercapai melalui pendesakan, nasihat dan pujukan. Saya sendiri dalam ucapan saya telah mengatakan bahawa lebih daripada 80% rumah-rumah yang sedia ada di estet-estet dan di lombong-lombong memang telah memenuhi semua syarat di bawah Akta tahun 1966. Ini satu pencapaian yang tinggi juga, 80% dalam peperiksaan SPM di mana Yang Berhormat dari Ipoh pernah jadi Cikgu dulu saya ingat jadi "A+", bukan "C", "A+"; 80% lebih pencapaian.

Sebab apa kita mencapai begitu sahaja dalam 25 tahun ialah kerana rumah-rumah ini tidak boleh dirobuhkan dan dibina setiap hari. Jika dibina sebuah rumah kena tunggulah sampai ada pulangan daripada investment itu sebelum dirobuhkan untuk dibina semula. Jadi ada banyak perumahan yang terpaksa menunggu giliran untuk digantikan. Walaupun saya mengaku dalam ucapan saya ada lebih kurang 20% daripada rumah-rumah yang buruk sekali dan harus diganti dan jika boleh kita akan menumpukan perhatian yang sepenuh-penuhnya untuk sebagai keutamaan penggantian dan pembaharuan 20% rumah-rumah itu dulu sebelum standard-standard baru dikenakan kepada rumah-rumah yang lain.

Jadi, masalah itu kita sudah kenal-pasti. Jalan ke arah depan kita sudahpun kenal dan hasrat dan minat pegawai-pegawai dalam perkara ini adalah tinggi

dan sokongan Kerajaan kepada mereka adalah satu yang prioriti. Jadi, tidak ada sebab untuk kita merasa bahawa tidak ada era baru yang akan wujud melalui dasar dan Rang Undang-undang ini.

Memang saya dapat mengaku, seperti dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh, bahawa Rang Undang-undang ini ataupun Kerajaan ini dalam lain-lain tindakan tidak akan dapat membawa pekerja-pekerja kita kepada syurga. Akhirat itu adalah jalan yang lain. Undang-undang ini adalah untuk dunia ini, untuk mereka menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sejahtera untuk membaiki kehidupan mereka dan nasib mereka. Untuk akhirat kita tidak boleh bawa undang-undang ke Dewan ini.

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ipoh bangun.

Tuan P. Patto: Ya, saya setuju, itu satu perbandingan sahaja. Ini dia tidak faham pun.

Tuan Yang di-Pertua: Dia buat tidak fahamlah. (*Ketawa*) Sila.

Dato' K. Pathmanaban: Masalah saya ialah saya banyak faham dari Ahli Yang Berhormat dari Ipoh. (*Ketawa*) Jadi, tujuan beliau mengatakannya pun saya faham. Jadi, saya terpaksa jawab bahawa kita bukan menghasratkan syurga di dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi banyak yang diaturkan seperti diperakui juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Bukit Bintang, juga seperti rakan-rakan saya, banyak kemudahan dan kemajuan yang dijangkakan dalam perkara-perkara ini dan kita memang jujur, kita memang firm, kuat dalam hasrat dan minat kita untuk memperkuatkan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat mengatakan dalam 25 tahun ada banyak Peraturan-peraturan mengenai perumahan-perumahan ini yang tidak dikuatkuasakan dan oleh kerana itu tidak ada dua bilik tidur, tidak ada bilik mandi

berpaip atau kemudahan tandas dan bilik mandi yang berasingan walaupun Peraturan-peraturan 1966 telahpun mengizinkan.

Saya rasa Ahli Yang Berhormat, (1) tidak baca Rang Undang-undang dulu atau Akta dulu; (2) tidak dengar apa yang saya cakap; dan (3) tidak fikirilah secara betul-betul. Kerana saya telah mengatakan dalam ucapan saya sejajar dengan apa yang dibolehkan oleh Peraturan dan Akta tahun 1966 bahawa lebih kurang 88% daripada rumah-rumah yang didirikan dengan keizinan, kelulusan di bawah Akta tahun 1966 sedia memenuhi segala atau hampir semua peruntukan, keperluan dalam Rang Undang-undang ini yang menyediakan kemudahan dan piawaian yang lebih tinggi daripada Akta tahun 1966. Jadi sudah ada. Banyak yang tercapai lebih daripada keperluan minima Akta tahun 1966. 88% daripada rumah-rumah itu memang sudah pun mempunyai dua bilik tidur dan banyak daripada itu sudah mempunyai ruang-ruang bilik dan covered space dan sebagainya yang lebih daripada apa yang disyaratkan dalam Akta tahun 1966.

Beliau dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka juga telah banyak membesarkan fasal-fasal dalam Rang Undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Menteri dan Ketua Pengarah Buruh mengecualikan sesuatu daripada dikenakan kepada majikan atau tempatan dan sebagainya. Tidak payah kita membesarkan perkara ini. Memang kuasa pengecualian perlu dalam Rang Undang-undang seperti ini kerana kita mempunyai banyak masalah yang berlainan di tempat-tempat yang lain.

Seumpamanya dalam Fasal 6 mengenai kuasa untuk memaksa pihak majikan membekalkan kuasa elektrik melalui kuasa am atau LLN. Kita memang tahu, untuk 10 tahun yang akan datang atau lebih kurang 10 tahun kita belum lagi berkeupayaan melalui Lembaga Letrik Negara untuk membekalkan elektrik kepada semua tempat khususnya tempat-tempat yang

terpencil, jauh dan sebagainya. Begitu juga dalam bekalan air, walaupun sudah ada tambahnya tingkatan keupayaan kita melalui rancangan Antah Biwater dan lebih daripada 250 estet dapat diliputi dengan air bersih bekalan JBA. Melalui rancangan itu kita masih akan dapat beberapa estet di tempat-tempat di mana sambungan paip air mains itu tidak akan sampai. Dalam keadaan-keadaan seperti itu kita memang mesti mengecualikan daripada keperluan utama itu untuk bekalan air atau elektrik daripada kuasa public. Dalam perkara ini tidak ada apa jua niat dan tujuan yang hendak melemahkan mutu (quality) kemudahan yang diperlukan dan dalam beberapa aspek pengecualian yang dibolehkan dalam Rang Undang-undang ini sudah tentu bahawa pengecualian itu akan diasaskan dengan beberapa syarat yang disebutkan, bukan exemption dengan begitu sahaja dengan mengabaikan kepentingan pekerja ataupun tujuan Rang Undang-undang ini.

Dalam ucapan saya, memang saya telah menerangkan ucapan saya kepada beberapa kelemahan sejauh ini dalam proses penguatkuasaan, dalam peruntukan undang-undang, dalam sikap majikan-majikan dan sebagainya dan beberapa aspek yang saya telah menyebut dalam ucapan saya mengenai pendekatan baru dan sebagainya adalah hasil daripada analisa, tinjauan yang kita membuat terhadap apakah kelemahan sejauh ini.

Satu daripada approach yang saya telah tegaskan ialah master planning approach yang dibandingkan dengan proses sejauh ini di mana kita memaksa Pegawai-pegawai Buruh pergi ke meratarata estet, satu estet demi satu estet membuat perakuan dan mengambil tindakan-tindakan susulan dan sebagainya. Ini kita bercadang hendak memulakan seberapa awal yang boleh

dengan approach yang baru master planning terhadap syarikat-syarikat ladang untuk mereka dipaksa atau diperlukan mengemukakan kepada kita satu master plan untuk ladang-ladang di bawah jagaan mereka tentang kemudahan-kemudahan asas. Mungkin dalam masa-masa akan datang kita akan dapat memasuki aspek-aspek mengenai pemilikan rumah pekerja, aspek-aspek yang lain dalam briefing dan taklimat yang diperlukan daripada majikan-majikan dan ini saya menekankan sebagai beberapa pendekatan, penegasan yang baru. Kita juga bercadang mengadakan satu Bahagian yang khas di Jabatan Buruh untuk mengawasi pelaksanaan syarat-syarat undang-undang ini dan sebagainya. Segalanya adalah hasil daripada tinjauan dan experience kita mengamalkan Undang-undang ini dan saya fikir Yang Berhormat dari Ipoh juga akan mengemukakan pendekatan dan penegasan seperti itu.

Dalam perkara adakah Rang Undang-undang ini akan terpakai atau akan ada loophole yang besar kerana kemungkinan majikan dapat menggajikan pekerja sebagai kontrak, saya hendak rujuk Ahli Yang Berhormat kepada Fasal 5 (1) dalam Rang Undang-undang ini yang telah dirangka semula dengan perhatian yang khusus kepada kelemahan dahulu dalam Akta tahun 1966, khusus di mana dalam Fasal 5 (1) kita dapat meliputi semua pekerja, semua perumahan yang didirikan di atas tanah estet untuk pekerja-pekerja langsung dengan contract of service yang diliputi di bawah Akta Kerja 1955 ataupun di bawah contract for service iaitu secara contractor, third party dan sebagainya akan diliputi oleh Fasal 5 (1) dalam Rang Undang-undang ini. Kita dapat baca:

“...pekerja yang diambil kerja olehnya atau oleh mana-mana orang lain (yang dikontrakkan olehnya bagi

maksud melaksanakan apa-apa kerja bagi atau berkaitan dengan perniagaan, perdagangan, urusan atau kepentingannya)" dan sebagainya.

Jadi loophole memang tidak ada dalam Rang Undang-undang ini. Pengalaman kita telah membolehkan kita plug loophole yang dijangkakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Saya hendak mengatakan juga bahawa Rang Undang-undang ini pada amnya seperti Akta dahulu juga, seperti Akta ibu, Akta tahun 1966, tidak memaksa sesiapa pun majikan untuk membekalkan atau membina rumah-rumah bagi pekerja mereka. Akta dahulu dan Rang Undang-undang ini terpakai di mana majikan membekalkan rumah-rumah atau membenarkan rumah-rumah dibina di estet-estet untuk penghuni-penghuni di situ—pekerja-pekerja beliau atau pekerja-pekerja kontraktor yang lain—terpakai apabila perumahan itu didirikan dan perumahan mesti ikut syarat-syarat dan kemudahan-kemudahan yang disyaratkan. Tidak ada paksaan untuk majikan lombong ataupun majikan estet, majikan kilang dan sebagainya untuk membina rumah. Tetapi apabila mereka membina rumah bagi pekerja-pekerja baik kontrak atau langsung, mereka mesti mengikut fasal-fasal dalam ini, syarat-syarat yang dibekalkan. Itu saya fahaman yang mesti diterima, kalau tidak, kita akan silap. Seperti soal yang dibuat mengenai lombong-lombong, memang dapat dijauhkan dengan penjelasan saya itu sahaja, tidak payah saya sebut apa-apa lain. Jika lombong itu tidak bergerak, sudah bankrap, memang tidak ada keperluan untuk mereka buat rumah dan tidak ada pengawalan undang-undang terhadap pekerja-pekerja itu dan sebagainya.

Tuan P. Patto: Mengenai jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi berkenaan Fasal 5 (1) memang saya

sedar. Tetapi kekhuatiran saya adalah kerana adanya Fasal 5 (3) di mana Ketua Pengarah boleh memberi pengecualian, itu satu.

Yang kedua, sekiranya dalam ladang-ladang di mana wujudnya sistem buruh kontrak dan tidak disediakan rumah-rumah sekarang, apakah pihak Kementerian mempunyai kuasa baik dalam bentuk melalui Peraturan nanti, untuk memastikan bahawa majikan atau tuanpunya ladang yang memberi kontrak kepada orang-orang tertentu hendaklah menyediakan juga rumah walaupun kontraktor itu tidak menyediakan untuk pekerjaanya kerana pekerja itu duduk di luar. Adakah akan disediakan nanti di dalam ladang itu juga walaupun dia itu pekerja kontrak.

Ketiga, mengenai lombong tadi. Oleh kerana didapati khususnya lombong-lombong yang bukan kepunyaan syarikat besar maka lombong itu kadang-kadang mempunyai 50 atau 100 pekerja tetapi pekerja itu, sepertimana saya katakan, dalam kongsi di mana dia tidak dapat menyediakan sebarang rumah atau sebagainya oleh kerana jangkamasa perlombongan itu pendek, dengan izin, small mines dan oleh kerana jangkamasa pendek, bolehkah peruntukan-peruntukan yang ada dalam Rang Undang-undang ini dapat dikuatkuasakan? Itu yang saya hendak mendapatkan satu penjelasan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi, jika ada majikan yang tidak berhasrat membina rumah bagi pekerja mereka tidak ada apa syarat dalam Rang Undang-undang ini untuk memaksakannya. Tidak ada. Jadi tidak payahlah saya jawab soal Ahli Yang Berhormat. Tetapi kita menggalakkan dan nasib baik dalam perjanjian bersama di antara NUPW dan MAPA, ada syarat, jika ada pekerja-pekerja yang duduk di rumah-rumah mereka sendiri, mereka

diberi elaun sebanyak \$60 kalau tidak salah, di bawah Agreement itu.

Mengenai jangkamasa analisa dibuat tentang air, memang kita akan buat di bawah seksyen 3 ini berapa kerap yang perlulah Ketua Pengarah Buruh akan dapat memerlukan Pegawai Kesihatan untuk menjalankan ujian itu sampai beliau berpuashati bahawa alat-alat memproses air dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan itu adalah mencukupi. Itu saya rasa satu yang ada dan jika ada komplek bolehlah diuji lagi.

Mengenai perkara Pusat Asuhan Kanak-kanak, adakah susu sahaja cukup untuk kanak-kanak yang berumur 4 tahun? Memang ini satu soalan yang baik. Dalam perkara ini, pendekatan yang diambil dalam perkara ini adalah susu sebagai keperluan minima untuk kanak-kanak dan dalam Peraturan 18 (2) yang sudah pun siap untuk diamalkan, kita memang menyebutkan jenis susu dan berapa kerap dan amaunnya yang harus diberi dan ini dijadualkan dalam Peraturan ini. Ini tidak dapat dielakkan daripada peraturan ini dan pihak Pengarah Buruh diberi kuasa untuk menentukan jika ada kesilapan berlaku.

Dalam perkara ini adakah kanak-kanak diberi makanan yang lain—solid, selain daripada susu, memang tidak ada dalam peraturan atau Akta ini untuk membuat begitu, kerana pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat juga berpendapat bahawa harus ada parental involvement, iaitu penglibatan ibubapa dalam membekalkan makanan yang sesuai kerana dalam lingkungan umur itu bukan senang untuk menentukan apa mereka suka makan, apa mereka tidak suka makan. Susu itu boleh digunakan untuk semua anak, jadi sebab itu kita tidak mensyaratkan, tetapi jika perlu lain kali kita buat.

Dalam perkara Ladang Kelebang, memang saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sudah tahu perkara sekolah itu

sudahpun selesai, dan mengenai ganjaran atau pampasan, perkara ini sedang dibincangkan.

Ahli Yang Berhormat menyoalkan adakah kita akan melambat-lambatkan penguatkuasaan undang-undang ini atau membeza-bezakan penguatkuasaannya di antara negeri, tempat dan sebagainya.

Saya telah mengatakan dalam ucapan saya bahawa Fasal yang ada di dalam Rang Undang-undang ini pada Bahagian II itu, memang satu perkara yang biasa, semua undang-undang membuatnya, kerana undang-undang ini dimulakan atau dirangkakan lebih dua tahun dahulu, tetapi kita sudah sedia dalam semua segi untuk menggezetkan Rang Undang-undang ini apabila diluluskan dan dapat persetujuan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan digezetkan, kita membawa kuatkuasanya, rangka Rang Undang-undang atau peraturan-peraturan semuanya siap dan Akta ini akan dipakai seluruh negara sekali gus dan serata, tidak ada tujuan untuk melambatkan.

Ahli Yang Berhormat dari Arau dan Sungei Petani, saya memang mengucapkan terima kasih kerana sambutan mereka. Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka yang nampaknya masih marah lagi telah membangkitkan perkara-perkara yang saya boleh katakan tidak ada satu pun yang kena-mengena dengan Rang Undang-undang ini dan semua politik yang diucapkan—semua politik tidak ada satu pun yang bukan politik, tetapi saya dapat jawablah sedikit, untuk sabarkan beliau.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak beri jalan kepada dia?

Dato' K. Pathmanaban: Saya jawab dahululah. Beliau berkata bahawa setengah-setengah ladang tidak ada hubungan LLN dan sebagainya. Saya

yang beri you tahu itu, bukan you yang beri saya tahu. (*Ketawa*)

Mengenai Tabung untuk pekerja-pekerja ladang, Presiden saya memang sudah mengumumkan perkara itu lebih awal daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, jadi kita usahakan cara-cara pendekatan yang baru untuk menghasilkan sesuatu yang baik bagi pekerja. Jika ada cadangan Tabung yang baik dapat diterima, kita amalkan. Kalau tidak, kita cuba cara-cara yang lain.

Mengenai pemilikan saham itu yang menganjurkannya ialah Timbalan Perdana Menteri, bukan Timbalan Menteri. Apa yang dibangkitkannya itu tidak ada kena-mengena dengan Akta Perumahan. Kita akan menggalakkan juga. Pada pendapat saya mengenai LLN dan sikap mereka untuk memberi connection kepada estet-estet, kos yang dikenakan, capital cost dan sebagainya, memang banyak majikan ladang telah memberi aduan kepada kita termasuk dalam kawasan saya sendiri mengenai susah untuk merundingkan perkara ini dengan LLN dan kita sedang berhubung dengan mereka untuk mencari jalan mengatasi masalah mereka dalam perkara ini. Kita harus faham, tetapi dari pihak majikan dan pihak Kementerian, kita merasa ada sesuatu yang harus dibuat, mesti dibuat untuk menyelesaikan masalah yang ada sekarang.

Mengenai Guthrie dan Dunlop, saya sudah sebutkan tentang pendekatan baru kita yang akan dapat mengatasi masalah yang tersebut.

Mengenai Carey Island, saya rasa saya sudah jawab di sini dua tiga kali. Jika tidak silap saya memang Akta ini tidak kena-mengena dengan apa yang dikatakan oleh beliau, tetapi secara am dan ringkas, saya sudah katakan bahawa apa yang dibuat oleh majikan itu, walaupun saya tidak berapa setuju dengan apa yang mereka buat. Mereka menghalang bas kilang masuk ke dalam estet-estet untuk

mengambil pekerja-pekerja muda, tanggungan pekerja dan juga lain-lain daripada estet untuk pergi bekerja di Telok, Banting, Klang, Shah Alam dan sebagainya, pada hal majikan sedang membekalkan rumah, bekalan air, lampu elektrik, jalan yang baik, sudah membina jambatan untuk connect mainland ke Pulau Carey dengan perbelanjaan mereka sendiri beberapa juta ringgit, walhal mereka sudah membekalkan, bas kilang masuk mengambil pekerjanya untuk membawa keluar. Jadi mereka merasa ini tidak patut, mereka harus diberi perlindungan, tetapi mereka tidak menghalang pekerja pergi keluar bekerja, hanya bas kilang dihalang masuk ke bahagian estet dan pekerja-pekerja memanglah banyak yang ada Honda Cub dan sebagainya, pergi sana menaiki bas kilang pergi kerja ke lain tempat. Jadi saya dapat sympathiselah dengan majikan walaupun saya tidak berapa setuju cara mereka membuat tindakan seperti itu.

Mengenai ceramah DAP, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat walaupun beliau baru sahaja masuk Parlimen. Semasa saya mahu masuk Parlimen, saya cuba dengan kuat, tetapi saya dihalau keluar dari estet dalam kawasan saya juga bukan DAP sahaja. Terima kasih. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada Usul kita tadi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih

di atas kerjasama yang diberikan kepada saya dan juga Timbalan-timbalan Yang di-Pertua. Kita telah bermesyuarat sehingga sampai jauh malam dan mungkin ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang kita tidak berjumpa lagi. *(Ketawa)*

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan pada satu masa yang tidak ditetapkan. *(Tepuk)*

Dewan ditangguhkan pada pukul 10.01 malam.